

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEENAM  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 9**

**Khamis**

**5 April 2018**

---

**K A N D U N G A N**

**USUL-USUL:**

- Waktu Mesyuarat dan Urusan  
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 1)  
Merentikan Kuatkuasa P.M. 47 dan P.M. 66 (Halaman 31)

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 2)  
Urusan Mesyuarat (Halaman 2)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**

- BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 3)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) (No. 2) 2018 (Halaman 32)  
Rang Undang-undang  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018 (Halaman 43)  
Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018 (Halaman 60)

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEENAM  
MESYUARAT PERTAMA  
Khamis, 5 April 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan dalam tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputuskan, dan diluluskan, dan selepas itu Majlis mesyuarat akan ditangguhkan ke satu tarikh tidak ditetapkan.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Seorang yang menyokong.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan, dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“4 April 2018

**Perutusan daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

- (i) (D.R. 2/2018) Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018; dan
- (ii) (D.R. 8/2018) Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018.

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

**URUSAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2) saya memohon memaklumkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan ini dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dr. Zaiedi Haji Suhaili** [*Di bawah P.M 23(2)*] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, tahap pencapaian Program 1Malaysia 1Harga dalam usaha menyeragamkan harga barangan perlu demi meningkatkan kualiti hidup masyarakat di luar bandar dan pedalaman, terutamanya di Sarawak.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengemukakan soalan bagi pihak Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian. Soalannya nombor 1.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Senator Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili kerana membawa, mewakili Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian bertanyakan soalan nombor 1.

Tuan Yang di-Pertua, program 1Malaysia 1Harga yang dilaksanakan mulai Februari 2013 bertujuan bagi memastikan penduduk Sarawak, Sabah dan Labuan dapat menikmati harga barang-barang keperluan seperti gula, tepung gandum, kegunaan am dan minyak masak pada harga yang sama seperti di Semenanjung Malaysia. Semenjak dilaksanakan kerajaan telah berjaya mengekalkan harga gula RM2.95 sekilogram, tepung gandum kegunaan am RM1.35 sekilogram dan minyak masak RM2.50 sekilogram sama seperti harga di Semenanjung Malaysia.

Sehubungan itu kerajaan telah memperuntukkan RM290 juta bagi tujuan tersebut dan berjaya meningkatkan kualiti hidup rakyat Sarawak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat. Walaupun Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian tidak ada dalam tetapi dia telah meminta saya kebenaran. Silakan soalan tambahan.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang telah diberikan tadi.

Soalan tambahan saya ialah sekiranya skim ini terus dilaksanakan di Sarawak dan Sabah serta Labuan, adakah kementerian bercadang untuk menambah jumlah produk jualan yang perlu diseragamkan harga khususnya di kawasan luar bandar di Sarawak dan Sabah dan juga apakah kekangan yang dihadapi oleh pihak kementerian dalam menjayakan program 1Malaysia 1Harga khususnya pelaksanaan program tersebut seperti di Sarawak dan Sabah pada masa ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan.

■1010

Setakat ini pihak kementerian ataupun kerajaan tidak akan menambahkan SKU yang ditetapkan untuk program ini dan untuk makluman pihak kerajaan mempunyai dua skim sebenarnya, skim harga Program 1Malaysia 1Harga ini dan juga Program Penyeragaman Harga Barang Perlu. Ini yang berjalan serentak sekarang dan ia membantu khususnya penduduk-penduduk kita di kawasan luar bandar seperti Sarawak dan Sabah. Sekian terima kasih.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon satu soalan tambahan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya khususnya berkaitan dengan harga gandum. Di mana kajian mendapati terdapat beberapa buah syarikat gergasi yang menjadi pengimport kepada gandum di Malaysia iaitu gandum ini 100 peratus diimport dan saya kira keadaan ini telah mengehadkan persaingan dan menjurus kepada situasi harga dan bekalan yang boleh di manipulasi dan dikawal oleh syarikat berkenaan.

Kajian juga mendapati pengimportan komoditi ini tidak dibuat secara terus kepada negara pengeluar bahkan dibuat pesan daripada Singapura. Jadi soalan saya, sejauh manakah dua keadaan ini mempengaruhi harga gandum di Malaysia dan apakah tindakan kerajaan bagi menangani perkara ini, bagi mengawal harga gandum dan meminimumkan harga gandum. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Henry Sum Agong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Sebenarnya soalan Yang Berhormat Senator terkeluar dari soalan asal. Walau bagaimanapun perkara ini akan diambil makluman oleh pihak kementerian dan jika ada sesuatu harga gandum khususnya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri soalan adalah berkenaan dengan pencapaian Program 1Malaysia untuk menyeragamkan harga barangan demi meningkatkan kualiti hidup. Ia bukan luar daripada soalan Yang Berhormat.

**Dato' Henry Sum Agong:** Ya Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memang pihak kementerian sentiasa mengambil keprihatinan terhadap mana-mana harga barang yang meningkat luar daripada harga yang ditetapkan. Jika ada sesuatu pelanggaran mengenai harga barang khususnya harga barang yang disengajakan, naik melambung tinggi dan perkara ini boleh

dilaporkan kepada pihak kementerian dan tindakan sewajarnya akan diambil. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, itu soalan dari kementerian. Silakan Yang Berhormat Datuk Jamilah Sulaiman.

**2. Datuk Jamilah Sulaiman** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apakah kerajaan tidak bercadang untuk membina jejambat di beberapa persimpangan jalan di Jalan Apas, Tawau memandangkan jalan tersebut berhadapan dengan kesesakan yang teruk terutama pada waktu puncak.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat buat masa ini kerajaan tiada cadangan untuk membina jejambat di beberapa persimpangan jalan di Jalan Apas, Tawau. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Datuk Jamilah Sulaiman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah Jalan Apas hingga ke Jalan Kuhara adalah jalan yang amat-amat diperlukan oleh masyarakat ataupun pengguna yang menggunakan jalan tersebut. Soalan saya ialah apakah kerajaan atau Jabatan Kerja Raya boleh membina pembahagi jalan yang diperbuat daripada getah yang selalunya yang guna warna kuning supaya tidak ada kereta yang melakukan *jumping queue*, dengan izin, yang boleh menyebabkan kesesakan dan rasa tidak senang hati di kalangan pengguna. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Mengenai isu pembahagi jalan ini Yang Berhormat sebenarnya pihak kementerian sentiasa menekankan aspek keselamatan, Yang Berhormat. Di mana perlu memang kita akan adakan ataupun di dalam perancangan sama ada untuk membina jalan baru atau menaik taraf jalan sedia ada, kita sering menimbangkan isu-isu keselamatan Yang Berhormat.

Akan tetapi izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, untuk memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat mengenai perancangan kementerian terutama sekali untuk Jalan Apas ataupun jalan-jalan yang ada di daerah Tawau, Yang Berhormat. Bagi mengatasi kesesakan di Jalan Apas, Tawau Yang Berhormat, sebenarnya kerajaan negeri telah mencadangkan pembinaan jalan pesisir pantai Tawau bagi mengatasi masalah kesesakan. Kerajaan Persekutuan dalam hal ini Yang Berhormat, dalam tindakan meneliti cadangan tersebut terutama sekali dari segi aspek kos

dan teknikal dan akan mengemukakan keputusan sewajarnya setelah kedua-dua aspek iaitu aspek kos dan teknikal tersebut telah dapat diperhalusi.

Namun begitu Yang Berhormat, kelulusan sering tertakluk kepada agensi pusat yang akan membuat keputusan dalam soal ini. Selain daripada itu Yang Berhormat, kementerian juga mengajukan permohonan jalan baru utara di Tawau untuk dimasukkan dalam RP4 Yang Berhormat. Jalan ini adalah sejauh 5.4 kilometer dan sedang dalam pertimbangan untuk dilaksanakan dalam RP4, juga daripada agensi pusat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas.

**Datuk Dr. Lucas Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpenggil untuk bertanya soalannya tentang pada waktu puncak khususnya dari Kota Kinabalu Sabah ke jalan Tuaran, dari Kota Kinabalu ke jalan Penampang, Kota Kinabalu ke Putatan dan seterusnya Papar. Pada waktu-waktu puncak jalan-jalan ini amatlah *congested*, dengan izin, dan mohon apakah perancangan kementerian untuk mengatasi masalah sedemikian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, walaupun keluar dari soalan buku kalau boleh. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Saya cuba Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lucas tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Yang Berhormat, untuk pengetahuan Yang Berhormat kita ada perancangan jangka pendek dan juga jangka panjang untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas ini terutama sekali di jalan-jalan Yang Berhormat sebutkan tadi. KK ke Tuaran, KK ke Penampang dan juga KK ke Papar. Untuk perancangan jangka pendek Tuan Yang di-Pertua, kita ada beberapa langkah termasuklah pengurusan trafik di mana pihak kementerian, pihak JKR melalui JKR negeri sering mengadakan *engagement* dengan Polis Diraja Malaysia terutama sekali dalam aliran trafik dan sebagainya, itu seperti Yang Berhormat ketahui.

Begitu juga kepada aspek-aspek jalan di mana ada kesesakan kita akan melaksanakan program-program termasuklah program menaik taraf Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat ketiga-tiga jajaran yang disebutkan tadi adalah termasuk dalam perancangan naik taraf lebuh raya ataupun jalan raya Pan-Borneo. Seperti Yang Berhormat ketahui, beberapa pakej sedang dalam pelaksanaan terutama sekali yang menjurus daripada daerah KK ke Papar dan *insya-Allah* ia akan dilaksanakan secara berfasa untuk mengatasi kesesakan jangka panjang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Bashir bin Haji Alias.

- 3. Datuk Haji Bashir bin Haji Alias** minta Menteri Pendidikan menyatakan:
- (a) statistik jenayah yang melibatkan pelajar sekolah rendah dan menengah seluruh negara sepanjang tahun 2017; dan
  - (b) sejauh manakah kementerian melihat kurikulum Pendidikan Moral yang ada pada hari ini masih relevan dengan persekitaran semasa.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]:** Selamat pagi, salam sejahtera dan salam Negaraku Malaysia.

■1020

Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias atas soalan yang berkaitan dengan jenayah yang berlaku di sekolah. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM), murid yang direkodkan melakukan salah laku berunsur jenayah di sekolah rendah dan sekolah menengah bagi tahun 2017 ialah 0.04 peratus murid bagi sekolah rendah dan 0.28 peratus murid bagi sekolah menengah. Menurut Akta Pendidikan 1996, Akta 550, Pendidikan Moral merupakan pelajaran teras untuk murid bukan Islam. Mata pelajaran Pendidikan Moral yang diperkenalkan kepada murid-murid bukan Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah bertujuan untuk membentuk insan yang berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan transformasi dalam kurikulum Pendidikan Moral mulai tahun 2017 bermula dengan murid Tahun 1 dan Tingkatan 1 iaitu melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) semakan 2017 serta Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Pada peringkat sekolah menengah, murid diterapkan dengan perlakuan antijenayah yang terdapat dalam tajuk seperti, '*Ketagihan Membawa Mudarat*' - Tingkatan 1, '*Etiket dan Undang-undang Siber*' - Tingkatan 2 serta '*Hindari Jenayah Juvana*' - Tingkatan 3.

Transformasi kurikulum yang dilaksanakan oleh KPM dari masa ke semasa menjadikan mata pelajaran Pendidikan Moral ini masih relevan untuk diguna pakai oleh murid sejajar dengan kehendak Kurikulum Abad Ke-21 iaitu berdaya tahan, mahir berkomunikasi, pemikir, kerja pasukan, bersifat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, penyayang ataupun prihatin dan patriotik. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan tambahan, Yang Berhormat.



**Datuk Haji Bashir bin Haji Alias:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya ialah adakah pihak kementerian bercadang mengadakan usaha sama bersama PDRM dengan menempatkan anggota polis di sekolah sebagai langkah mengawal daripada meningkatnya kes-kes jenayah terutama di sekolah-sekolah yang mempunyai rekod jenayah yang tinggi? Juga peranan ibu bapa dan komuniti setempat dilihat satu langkah ke arah membantu menangani kes-kes jenayah di kalangan pelajar. Apakah pihak kementerian mempunyai perancangan untuk memperkasakan lagi peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang sedia ada di samping pelaksanaan program penglibatan ibu bapa dan komuniti yang telah pihak kementerian laksanakan? Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kerjasama polis dengan PIBG.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang dalam sistem yang kita laksanakan pada hari ini pun kita mempunyai pegawai perhubungan sekolah (PBS). Di mana setiap sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah ada seorang pegawai polis yang menjadi pegawai perhubungan sekolah yang akan sentiasa datang ke sekolah untuk kita mengadakan kerjasama, mesyuarat ataupun memberikan ceramah dan dia membantu kita.

Kementerian Pendidikan Malaysia mengucapkan terima kasih kepada PDRM kerana mempunyai usaha sama bersama dengan kita untuk bersama-sama menangani isu-isu disiplin khususnya yang berunsurkan jenayah. Bukan sahaja PDRM, Tuan Yang di-Pertua, kita juga bekerjasama dengan ATM, Angkatan Tentera Malaysia di mana pelajar-pelajar yang mempunyai isu disiplin yang berat akan kita hantar ke kem-kem yang akan dikendalikan oleh pihak-pihak ATM.

Pada masa yang sama, kita juga ada jawatankuasa permuafakatan di peringkat daerah. Pegawai Daerah (DO) yang menjadi pengerusi kepada jawatankuasa permuafakatan. Di mana ahli majlis perbandaran atau ahli majlis daerah, PIBG, komuniti setempat semuanya dipanggil untuk kita membuat usaha sama permuafakatan menangani isu-isu yang berlaku di sekolah. Jadi kita memang dalam PPPM pun kita ada satu syarat kita ataupun matlamat kita iaitu penglibatan ibu bapa ke dalam pengurusan sekolah. Jadi kita mengalu-alukan peranan yang dimainkan oleh PIBG ataupun masyarakat setempat untuk membantu sekolah menjadikan sekolah kita sekolah yang selamat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Eh banyak. Silakan, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri datang menjawab. Cuma saya hendak dapat maklum daripada Yang Berhormat Menteri.

Statistik jenayah pelajar ini adakah diklasifikasikan di bandar lebih banyak berbanding di pinggir bandar ataupun pedalaman? Kalau kita tahu bahawa kebanyakan pelajar yang terlibat dalam dadah contohnya ia berfokus kepada bandar. Keciciran pelajar ataupun masalah keluarga dan apa punca sebenarnya pelajar ini boleh terlibat dalam jenayah mahupun jenayah sivil, jenayah yang berbentuk penyalahgunaan dadah. Banyak perkara yang telah dilaksanakan. N-BOS bersama dengan muafakat, bersama dengan polis dan sebagainya, masih kadar ini tidak turun. Apakah sebenarnya yang kementerian dapat menyelesaikan agar statistik jenayah untuk pelajar ini dapat kita hapuskan dan kurangkan sama sekali? Terima kasih.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bila Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bertanya soalan, dia akan ada jawapan dia. Oleh sebab dia sudah lama di Kementerian Pendidikan Malaysia. Jadi dia tahu semua dan terima kasih memberikan laluan kepada beliau untuk bertanya soalan sebab kedua-dua kita mengambil sumpah pada hari yang sama kita diluluskan di Dewan Undangan Negeri di Negeri Sembilan. Jadi untuk hari terakhir di Dewan ini juga, kita mendapat soalan daripada Yang Berhormat Senator, maka sempurnalah khidmat saya di Dewan Negara pada penggal ini.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator, sebenarnya kalau kita mengikut statistik daripada kementerian, semua murid yang melakukan kesalahan salah laku berunsurkan jenayah dari tahun 2012 sehingga 2017 menunjukkan trend penurunan. Berunsurkan jenayah bermaksud berjudi, mencuri, mengancam ataupun memukul guru, mengancam atau memukul murid, peras ugut dan gengsterisme. Semua menunjukkan kepada trend yang menurun.

Saya menjawab kepada soalan Yang Berhormat Senator, memang betul kalau kita melihat data tersebut dan kalau kita membuat analisis yang terperinci, kita dapati bahawa semua unsur-unsur jenayah terutama yang berkaitan dengan dadah ini ada kaitannya dengan tempat tinggal mereka. Suasana status sosial ekonomi itu mempengaruhi kecenderungan kepada seseorang murid itu untuk menghadapi masalah berkenaan dengan jenayah ataupun dadah.

Jadi kita tidak boleh hapuskan 100 peratus di pihak sekolah sahaja. Kita memerlukan bantuan daripada masyarakat setempat, daripada majlis perbandaran setempat, daripada PDRM dan daripada komuniti setempat supaya tempat yang boleh membawa kepada kecenderungan anak-anak kita mendekati dadah ataupun kepada kes-kes jenayah itu boleh dikurangkan. Sekali lagi saya meminta Dewan yang mulia ini melihat isu pendidikan itu secara holistik dan bukan

hanya kita memberikan tanggungjawab sepenuhnya kepada pihak sekolah. Sekian. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, tadi soalan berkenaan dengan bilangan bandar dengan luar bandar yang mana banyak.

**Datuk Chong Sin Woon:** Okey, Tuan Yang di-Pertua yang tanya soalan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang saya tidak ada statistik data di tangan saya berkenaan dengan bandar dan luar bandar. Saya akan memberikan jawapan secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya bukan berkaitan dengan tentang kes-kes jenayah di sekolah. Soalan saya, apakah kementerian bersedia untuk mengumumkan cuti peristiwa sekiranya hari pengundian pilihan raya umum nanti diadakan pada hari persekolahan? Hal ini kerana mungkin ini sebab hendak pilihan raya, Tuan Yang di-Pertua. So, saya kena tanya sedikitlah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh jawab sahaja dekat luar dewan. Silakan, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bila kita bercakap soal jenayah, Tuan Yang di-Pertua, selalunya dia berhubung kait rapat dengan penyalahgunaan dadah. Di penjara sekarang ini pun 58 peratus penghuni-penghuni penjara kesalahannya berdasarkan kepada dadah. Jadi begitu juga di sekolah. Pada tahun ini, sekolah yang berisiko tinggi yang melebihi 40 buah sekolah terdapat di Sabah, Sarawak, Terengganu, Johor dan Selangor.

#### ■1030

Kalau kita lihat kepada kajian-kajian yang dibuat, kenapa anak-anak sekolah ini mengambil dadah, adalah *influence* daripada kawan-kawan, pengaruh daripada kawan-kawan, termasuk perasaan ingin tahu.

Jadi, perasaan ingin tahu dan juga pengaruh daripada kawan-kawan ini memerlukan kepada pencerahan-pencerahan penceramah-penceramah di sekolah-sekolah. Saya mendapat maklumat bahawa Kementerian Pendidikan tidak memberi peruntukan langsung untuk kes-kes yang begini. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, apakah betul tidak ada peruntukan bila kita bercakap hal-hal berhubung dengan penyalahgunaan dadah ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak kata tiada peruntukan langsung untuk ceramah-ceramah yang berkaitan dengan jenayah, khususnya

berkaitan dengan dadah. Saya ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator. Dadah ini bermula daripada rokok. Apabila anak-anak kita mencuba rokok ataupun memang menjadi penagih kepada rokok, selepas satu tahap nanti, dia memang ada kecurigaan untuk mencuba sesuatu yang lebih keras lagi daripada rokok. Jadi, bermula dari situ.

Jadi, di pihak sekolah kita, kita juga membuat *spot check*, dengan izin, berkala terhadap murid-murid ataupun kelas yang berisiko tinggi supaya kawasan sekolah kita bebas daripada rokok. Guru-guru juga tidak dibenarkan merokok di kawasan sekolah kita. Jadi, bermula dari situ, kita menghapuskan habitat ataupun kebiasaan untuk merokok.

Kedua, kita ada peruntukan untuk perancangan ataupun program-program yang berkaitan dengan antidadah. Kita juga bekerjasama dengan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) yang membantu kita membuat *urine test*. Kita membuat *urine test* terhadap maklumat yang kita terima kepada kumpulan yang berisiko tinggi. Setelah mendapat reaksi positif, kita akan membuat satu penelitian selama tiga bulan. Selepas tiga bulan, kita akan buat satu lagi *urine test* terhadap mereka. Kalau masih lagi positif, kita akan menghantar mereka di bawah satu program di bawah kelolaan AADK.

Jadi, kita perlu sekali lagi, kita perlu bantuan daripada pihak atau agensi-agensi pusat ataupun agensi-agensi kerajaan yang lain ataupun NGO-NGO yang lain bersama dengan pihak sekolah untuk menangani isu-isu tersebut. Tidak ada isu kata kita langsung tidak ada peruntukan untuk memberikan ceramah ataupun program-program antidadah di sekolah. Terima kasih.

**4. Datuk Haji Abidullah bin Salleh** minta Perdana Menteri menyatakan, membentangkan statistik berkaitan jenayah maritim rentas sempadan yang berlaku di Malaysia seperti laluan tikus yang dapat dikenal pasti, jumlah jenayah yang berlaku serta jumlah kes yang berjaya dikesan tetapi penjenayah yang terlibat gagal ditangkap dan lain-lain maklumat yang relevan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Terima kasih. Soalan yang baik, Tuan Yang di-Pertua. *Malaysia Coast Guard* (MCG) APMM telah berjaya mengenal pasti beberapa kawasan titik panas yang merupakan lokasi sering berlakunya jenayah rentas sempadan di Malaysia. Melalui risikan yang dijalankan di antara kawasan titik panas yang telah dikenal pasti adalah di sekitar Batu Pahat, Pontian, Pengerang dan Muar di Johor. Kuala Langat, Sungai Kesang, Pulau Carey, Banting dan Tanjung Sepat di Selangor serta Port Dickson di Negeri Sembilan.

Lokasi ini merupakan lokasi tumpuan bagi pelbagai aktiviti jenayah seperti penyeludupan rokok dan barang kawalan serta merupakan kawasan keluar masuk secara haram pendatang tanpa izin ke Malaysia melalui jalan laut. Majoriti PATI yang menggunakan jalan ini terdiri

daripada warga Indonesia dan juga Bangladesh. Antara sebab utama lokasi ini menjadi pilihan ialah faktor geografi yang berdekatan dengan Indonesia iaitu Tanjung Balai, Batam, Dumai dan juga Pulau Rupa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran keluasan garis Pantai Barat Semenanjung Malaysia ialah 971.5 kilometer. Pantai Timur Semenanjung Malaysia adalah 839.7 kilometer manakala bagi keluasan garisan Pantai Sarawak adalah 1,765.8 kilometer dan Pantai Sabah adalah 2,344.6 kilometer. Di sempadan laut juga mempunyai lorong-lorong tikus di kawasan pokok bakau seperti di kawasan laut yang berhampiran dengan negara jiran.

Namun demikian, lorong-lorong ini dikawal bukan sahaja dari laut tetapi juga dari darat. Panjang sempadan Malaysia-Thailand adalah 556 kilometer. Ia meliputi kawasan persempadanan dan juga hutan dan sememangnya terdapat lorong-lorong yang ditafsirkan bukan sahaja lorong tikus tetapi ia juga dikatakan lorong gajah yang tidak dapat dikenal pasti jumlahnya. Namun begitu, operasi pihak tentera dan polis sememangnya berada sepanjang sempadan. Walaupun terdapat lorong-lorong tikus, kemasukan pendatang asing dan barang-barang secara haram masih dapat dikawal.

Modus operandi kumpulan jenayah bagi aktiviti membawa keluar dan masuk PATI, penyeludupan rokok dan barang kawalan secara haram ini, termasuklah menggunakan bot nelayan dan juga bot laju. Jumlah tangkapan PATI bagi tempoh lima tahun adalah sebanyak 2,995 orang, manakala bagi kes tangkapan berkaitan penyeludupan pula adalah sebanyak 243 kes dengan nilai rampasan sebanyak RM41,314,768. Bagi mengekang kejadian jenayah ini dari terus berleluasa, *Malaysia Coast Guard* APMM sentiasa mempertingkatkan rondaan dan pemantauan di laut. Antaranya menggunakan aset-aset termasuklah bot, kapal dan pesawat udara dengan melakukan rondaan dan pemeriksaan, khususnya di kawasan titik panas.

Pemantauan melalui maklumat yang diperoleh melalui radar sistem pengawasan laut (SWASLA) yang boleh mengesan pergerakan objek mencurigakan di laut turut dilaksanakan selain mengetengahkan peranan Sahabat Maritim yang terdiri daripada komuniti nelayan dan pegawai sukarelawan Maritim Malaysia yang menjadi mata dan telinga menyalurkan maklumat dengan kadar segera kepada agensi ini.

Sejajar dengan aspirasi kerajaan yang menyeru agar pelaksanaan N-BOS antara agensi kerajaan perlu dilaksanakan bagi mencapai objektif yang lebih efektif. Justeru, agensi ini telah pun menjalankan beberapa operasi risikan secara agresif dengan agensi penguat kuasa lain seperti Jabatan Imigresen dan Polis Marin. Selain itu, pengukuhan kerjasama antara dua hala antara agensi penguatkuasaan negara jiran seperti Badan Keamanan Laut (BAKAMLA) dan

Badan Narkotika Nasional Republik Indonesia turut dilaksanakan bagi memastikan pencerobohan rentas sempadan dapat dikekang secara bersama. Manakala maklumat jenayah rentas sempadan dan laluan tikus melalui darat akan dijawab secara bertulis oleh MKN pada hari ini.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang sentiasa belanja kita di *lounge*. Semoga Allah SWT murahkan rezeki lagi. Jadi, kalau sepanjang kita ada, tiap-tiap hari makan *free* di *lounge*. Terima kasih. Jadi, kita tahu pihak kementerian daripada Maritim, pihak polis dan juga pihak askar mengawal sempadan kita. Jadi soalan saya, apakah penglibatan secara aktif oleh rakyat tempatan terhadap jenayah rentas sempadan serta bentuk-bentuk penglibatan mereka dalam jenayah seumpama ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya, soalan yang bagus sebab saya ingin menjawab benda ini. Oleh sebab kita kena tahu bahawa keselamatan negara adalah tanggungjawab bersama rakyat Malaysia. Jadi, penyertaan rakyat adalah penting. Untuk Unit Rondaan Sempadan (UPSEM), Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa ia akan disertai oleh RELA dan juga APM.

Jadi, ini ialah sukarelawan. RELA dan juga APM dan rakyat sendiri juga boleh menjadi mata dan telinga kerajaan dengan memaklumkan laluan tikus di darat dan juga di laut. Akan tetapi kalau di darat ini, sebagai ambil contoh. Kita ada pagar daripada Wang Kelian sampai ke UUM di Kedah. Pagar ini ialah pagar yang telah dibuat dengan begitu lama kecuali satu bahagian iaitu daripada Wang Kelian ke Padang Besar ada tembok besar yang dibina. Jadi, kalau orang tanya, berapakah tembok besar dalam dunia ini? Ada dua. Satu- Tembok Besar Cina, dan kedua- Tembok Besar Perlis, sebab ia dibuat tembok berbatu. Ini tidak ada laluan tikus sebab tembok berbatu. Kalaupun orang hendak seludup barang, dia kena lompat pagar yang berkenaan tetapi pagar itu boleh dilompat sebab tingginya masih boleh dipanjat oleh manusia.

#### ■1040

Bagi laluan tempat yang berpagar, dia orang ada buat lubang-lubang dan itulah yang kita sebut laluan tikus. Akan tetapi ada sesetengah tempat itu lubang terlampau besar, gajah pun boleh lalu. Jadi lubang gajah lah ya. So, semua tempat ini diperbaiki serta-merta dan kita cuba sedaya upaya untuk menyekat laluan manusia untuk tujuan melakukan jenayah.

Jadi, pada keseluruhannya, kawasan sempadan kita dijaga dengan rapi. Akan tetapi sudah pasti ada keterobosan yang berlaku. Kalau saya hendak kata tidak, tidak boleh, sebab kalau tidak, kenapa kita ada pendatang tanpa izin yang ramai di sini. Sudah pasti mereka telah

terbolos daripada mana-mana laluan. Atau pun mereka datang dengan cara rasmi dengan menggunakan visa, lepas itu mereka tidak balik lagi dan mereka juga berada di sini. Jadi, itu keadaannya. Tetapi sebagai anggota pihak keselamatan, kerajaan tidak bertolak ansur tentang perkara ini. Kita akan jaga habis-habisan.

Jenayah rentas sempadan yang popularnya ialah kawasan ESSCOM ini dikawal dengan rapi dan itu sebab pada tahun 2017 tidak ada *kidnap for ransom* yang berlaku di sana. Terima kasih.

**5. Datin Rahimah binti Haji Mahamad** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri menyatakan, apakah status Dasar Kebangsaan atau Kerangka Kerja Industri 4.0 yang sedang dan telah diformulasikan oleh Jawatankuasa Kabinet Industri 4.0 agar promosi terhadap industri bagi mengadaptasi hala tuju industri di Malaysia setanding di peringkat global.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Seri Ahmad bin Haji Maslan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam negaraku 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah atas soalan.

Gelombang Revolusi Perindustrian Ke-4 atau Industri 4.0 didorong oleh revolusi digital dan *internet* melalui aplikasi sistem siber fizikal yang bukan hanya tertumpu kepada sektor pembuatan malah akan turut melibatkan sektor perkhidmatan. Gelombang ini merupakan kesinambungan daripada gelombang perindustrian ketiga yang berteraskan sistem elektronik dan juga teknologi maklumat.

Gelombang Industri 4.0 ini bermula dari negara-negara perindustrian maju dan berteknologi tinggi seperti Jerman dan Amerika Syarikat yang kini berkembang ke negara seperti China, Korea Selatan, Jepun dan Singapura. Teknologi pemangkin bagi Industri 4.0 terutamanya bagi sektor pembuatan adalah berteraskan kemajuan dalam bidang, dengan izin, *autonomous robot, big data, augmented reality, crowd computing, internet of things, percetakan 3D, keselamatan siber, simulasi dan integrasi sistem.*

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan perkembangan pesat Revolusi Industri 4.0 dalam sektor pembuatan, MITI sedang memperhalusi draf Dasar Negara Mengenai Industri 4.0 untuk membantu industri terutamanya perusahaan kecil dan sederhana supaya bersiap sedia menghadapi gelombang industri 4.0 dan kekal berdaya saing. Proses merangka draf Dasar Negara Mengenai Industri 4.0 ini telah bermula pada pertengahan tahun 2017 dengan kerjasama kementerian dan agensi berkaitan serta melibatkan input daripada pihak-pihak berkepentingan seperti industri dan akademia.

Pasukan petugas peringkat tertinggi telah ditubuhkan di MITI pada Mei 2017 untuk merangka dasar dan pelan tindakan nasional yang menyeluruh bagi pembangunan industri 4.0. Lima jawatankuasa teknikal turut ditubuhkan iaitu:

- (i) Jawatankuasa Infrastruktur Digital dan Ekosistem yang dipengerusikan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia;
- (ii) Jawatankuasa Pembiayaan dan Insentif dipengerusikan Kementerian Kewangan;
- (iii) Jawatankuasa Pembangunan Modal Insan melibatkan Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Pengajian Tinggi;
- (iv) Jawatankuasa Teknologi dan Piawaian dipengerusikan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI); dan
- (v) Jawatankuasa Perusahaan Kecil dan Sederhana melibatkan MITI dan SME Corp.

Objektif utama jawatankuasa ini adalah untuk menyelaraskan pelaksanaan inisiatif Industri 4.0 dan mengenal pasti strategi yang dapat menggalakkan pengaplikasian Industri 4.0.

Kementerian ini telah merujuk kepada firma perunding antarabangsa iaitu A.T. Kearney bagi menambah nilai terhadap draf Dasar Negara Mengenai Industri 4.0 dari segi perspektif global. Secara amnya, dasar ini bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai:

- (i) rakan strategik untuk pembuatan pintar dan perkhidmatan berkaitan di Asia Pasifik;
- (ii) destinasi utama untuk pelaburan industri berteknologi tinggi; dan
- (iii) penyedia penyelesaian menyeluruh untuk teknologi termaju.

Dasar ini dijangka akan dilancarkan pada pertengahan tahun 2018. Terima kasih.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab dengan begitu terperinci sekali.

Soalan tambahan saya, sejauh manakah kerajaan memberikan keutamaan dalam rundingan dagang dan kerjasama ekonomi serantau apabila pasaran produk dalam zon dagangan digital menjadi platform pilihan pengguna pada masa kini? Terima kasih.

**Datuk Seri Ahmad bin Haji Maslan:** Mengenai dagangan digital ini memang ia adalah merupakan satu kaedah pemasaran terkini. Kita sebut sebagai e-dagang atau pun *e-commerce*. Antara usaha yang kita sedang laksanakan tentunya apa yang kita panggil sebagai DFTZ ya iaitu *digital free trade zone* yang telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama dengan Alibaba.com iaitu yang dimiliki oleh Jack Ma daripada negara China. DFTZ



adalah merupakan *digital free trade zone* yang pertama di luar negara China dan usaha kita ialah untuk memastikan ada 10,000 buah entiti perniagaan PKS dibantu dalam DFTZ. Pada saat dan ketika ini, ada dua ribu lebih sedikit PKS yang sudah berada dalam platform DFTZ dan mereka mula memasuki dan menerima tempahan barangan daripada semua peringkat di pelbagai tempat dan kita akan bantu dari semasa ke semasa. Terima kasih.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri dengan panjang lebar dan terperinci memang hebatlah. Orang Johor ini memang semua hebat-hebat.

Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam jawapan Yang Berhormat Menteri ada menyebut MITI di bawah kementerian ada memberi bantuan kepada SME dan PKS dalam kesiapsiagaan negara berhadapan dengan Industri 4.0.

Maka, soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Menteri, berapa banyak kah SME dan PKS di Malaysia dalam sektor perkilangan yang boleh dibantu dalam Industri 4.0 ini?

Yang Keduaanya, apakah contoh-contoh bantuan kepada PKS dan SME dalam bentuk dana terutamanya bagi membantu mereka menghadapi Industri 4.0? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah. Ya, kita ada lebih kurang 900,000 PKS di seluruh Malaysia. Daripada 900,000 PKS itu, yang sektor perkilangan terutamanya yang terlibat dalam industri 4.0 ini masih kecil, Tuan Yang di-Pertua, iaitu lebih kurang 50,000 PKS lebih kurang ya. Dari segi peratusan lebih kurang 5.5 peratus. Selebihnya adalah merupakan sektor perkhidmatan. Sektor perkhidmatan lebih kurang 89 atau 90 peratus.

Walau bagaimanapun, Industri 4.0 ini bukan hanya untuk sektor perkilangan, untuk memaju dan memantapkan kilang-kilang itu, untuk jadikan kosnya lebih rendah, hasilnya melonjak, tingkatkan produktiviti dengan pemodenan mesin-mesin dan pendigitalan tetapi Industri 4.0 ini juga untuk sektor perkhidmatan.

Mengenai soalan tentang dana, antara dana utama yang kita berikan untuk bantuan berhubung dengan mesin dan automasi, kita ada apa yang kita panggil sebagai SLSAM atau *Soft Loan Scheme for Automation & Mechanization*. Maksudnya Skim Pinjaman Mudah bagi Automasi dan Modenisasi. Ia di bawah satu agensi MITI dan juga Kementerian Kewangan iaitu MIDF. Setakat ini kita berikan RM1.5 bilion. Bukan sedikit angka itu. RM1.5 bilion untuk *automatization* dan dia merupakan *soft loan*, maksudnya dengan kadar faedah yang rendah dan kita akan

meneruskan dana ini. Hari itu kita *cap* sehingga RM10 juta tetapi sekarang ini kita tingkatkan kepada RM20 juta untuk pembelian mesin-mesin dan automasi supaya selaras dengan Industri 4.0. Terima kasih.

■1050

6. **Dato' Isa bin Ab. Hamid** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, adakah pihak JAKOA mewajibkan semua bahan penyelidikan yang dibuat oleh mana-mana pihak terutamanya IPTA dan IPTS diberikan salinan kepada Muzium Orang Asli Gombak dan Unit Penyelidikan JAKOA, jika ada, berapakah jumlah kajian penyelidikan yang telah dilaksanakan dan apakah manfaatnya kepada masyarakat Orang Asli.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Isa telah mengemukakan soalan berkaitan dengan masyarakat Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat, setiap penyelidik ataupun pengkaji mesti memohon terlebih dahulu dengan pihak JAKOA sebelum mereka menjalankan kajian dan juga penyelidikan mereka. Di dalam urusan ini pihak JAKOA akan mengemukakan borang untuk diisi oleh penyelidik dan juga pengkaji. Di dalam borang tersebut terkandung antara syarat-syarat yang mesti dipatuhi ialah mereka wajib untuk menyerahkan salinan hasil penyelidikan kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Hasil penyelidikan tersebut di kumpul dan disimpan di Perpustakaan Orang Asli di Gombak. Bagi tahun 2016 sehingga bulan Februari 2018 terdapat sebanyak 196 bahan kajian daripada penyelidik IPTA dan IPTS telah pun direkodkan. Hasil penyelidikan tersebut telah dijadikan sebagai bahan rujukan kepada semua masyarakat terutamanya pelajar Orang Asli berhubung dengan tatacara kehidupan dan sosiobudaya pelbagai kaum masyarakat Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, tidak semua masyarakat Orang Asli sebenarnya tahu latar belakang kehidupan dan suku kaum yang berbeza yang terdiri daripada tiga kaum utama iaitu suku Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Contohnya suku kaum Senoi yang mempunyai enam suku etnik yang berbeza. Oleh itu hasil penyelidikan ini akan dijadikan dokumentasi sumber ilmu oleh generasi terkini mengenai adat dan pantang larang kehidupan masyarakat terdahulu agar tidak luput begitu sahaja.

Selain daripada itu JAKOA dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah menandatangani MoU pada tahun 2008 sehingga tahun 2018 bagi melaksanakan projek pendokumentasian pengetahuan tradisi berkaitan tumbuh-tumbuhan dan ubat-ubatan beraroma Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Hasil daripada projek ini pengetahuan tradisi tumbuhan, ubatan sebanyak 18 sub etnik Orang Asli di Semenanjung Malaysia telah berjaya direkodkan dan

merangkumi 2,228 sampel herba yang disediakan secara saintifik dan 86 spesies tumbuhan terpilih telah dianalisis di makmal yang mana 33 daripada pelbagai potensi untuk dikomersialkan.

Di samping memelihara dan melindungi pengetahuan tradisi Orang Asli, projek ini dilihat sebagai satu kaedah baru yang mampu menjana sumber ekonomi kepada masyarakat yang terlibat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adakah terdapat penyelidikan ataupun pengkajian tentang masyarakat Orang Asli yang disalahgunakan? Kita melihat bagaimana tongkat ali dipatenkan di US. Terkini, ketum dipatenkan di Jerman. Adakah khazanah-khazanah Orang Asli juga diambil dan dipatenkan di tempat lain?

Soalan yang kedua, adakah kajian-kajian penyelidikan tentang herba, budaya dan seni masyarakat Orang Asli yang dikomersialkan dalam bentuk manfaat? Apakah manfaat kepada Orang Asli itu dalam bentuk *profit sharing*, dengan izin. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan.

Untuk makluman Yang Berhormat, JAKOA bertanggungjawab terhadap setiap permohonan pengkaji tempatan sama ada daripada dalam negara ataupun luar negara yang ingin melaksanakan kajian terhadap penempatan masyarakat Orang Asli di Semenanjung. Setiap permohonan kajian yang telah diluluskan seperti yang saya sebutkan tadi terikat dengan peraturan-peraturan bagi melindungi kebajikan dan kepentingan masyarakat Orang Asli.

Sehingga kini kita tidak menerima sebarang laporan daripada mana-mana pihak berhubung dengan penyalahgunaan hasil kajian dan kepentingan pihak-pihak yang tertentu.

Untuk makluman Yang Berhormat juga kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengambil satu langkah yang positif untuk melindungi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Kita ada Akta Akses Kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 yang bertujuan untuk mengawal selia akses ataupun sumber biologi negara yang mana jika ada mana-mana pihak yang melanggar peraturan ini akan dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali. Hukumannya agak berat kerana inilah antara tujuannya kita hendak melindungi kepentingan seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat.

Melalui undang-undang ini pengetahuan tradisi masyarakat Orang Asli akan diiktiraf dan tidak akan disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Untuk makluman Yang Berhormat juga menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara

JAKOA dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada tahun 2008 sekali lagi saya sebut sehingga tahun 2018, bagi pelaksanaan projek pendokumentasian pengetahuan tradisi berkaitan dengan tumbuhan ubatan yang beraroma untuk Orang Asli di Semenanjung Malaysia sehingga kini belum terlibat dengan penghasilan dan produk untuk kegunaan awam. Projek usaha sama yang dilaksanakan akan menghasilkan ekstrak piawai terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, penghasilan ataupun pembangunan apa juga produk teknologi yang dihasilkan oleh FRIM akan dikomersialkan oleh pihak-pihak tertentu dengan mendapat kerjasama daripada JAKOA dan FRIM. Penghasilan tatacara piawai amat penting kerana hanya di peringkat ianya boleh diambil oleh industri untuk dikomersialkan kepada umum.

Di samping memelihara dan melindungi pengetahuan tradisi Orang Asli, projek ini dilihat sebagai satu kaedah baru yang mampu menjana sumber ekonomi kepada masyarakat Orang Asli. Contohnya, ada sejenis halia yang kita buat kajian dan halia ini hanya boleh ditanam di kawasan-kawasan tinggi dan sejuk. Setelah kajian dibuat ianya mungkin akan mewujudkan satu sumber pendapatan bagi masyarakat Orang Asli sekiranya ianya dapat dikomersialkan. Akan tetapi seperti yang saya sebut ianya masih lagi di peringkat kajian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bersama-sama kita pada pagi ini di Dewan yang mulia... [*Tepuk*] Silakan soalan tambahan Yang Berhormat Aknan.

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya mungkin tidak berkaitan dengan Orang Asli tetapi berkaitan dengan fungsi kementerian. Jadi soalan saya ialah tentang fungsi MARA sebagai...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan ini khusus kepada JAKOA. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun berdasarkan kepadanya. Akan tetapi terpulang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Izinkan saya tanya dulu, nanti...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Okey, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Ini tentang kursus-kursus yang dianjurkan oleh MARA di pusat latihan MARA, institut pengajian tinggi dan sebagainya. Jadi kita dapati bahawa apabila pelajar-pelajar Siam memohon, MARA tidak ada ruang untuk *merecognize*, dengan izin, mengiktiraf kaum Siam sebagai salah satu kaum yang dalam borang permohonan.

Jadi saya harap pihak MARA melakukan sesuatu kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah memaklumkan kepada umum bahawa masyarakat Siam adalah bumiputera dan semua fungsi MARA ataupun kemudahan yang disediakan oleh MARA juga boleh dinikmati atau boleh diberikan kepada masyarakat Siam. Jadi kursus-kursus di pusat pengajian tinggi itu saya minta MARA adakan ruang untuk *recognize* keturunan Siam sebagai adalah satu keturunan yang wujud di Malaysia. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat walaupun soalan ini sebenarnya lari daripada soalan asal. Berkaitan dengan MARA dan juga masyarakat Siam.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya MARA di bawah Kementerian Kemajuan Luar bandar dan Wilayah kita sentiasa mengambil berat tentang masyarakat Siam di negara ini.

■1100

Oleh yang demikian setiap permohonan yang telah dikemukakan yang berkaitan dengan kepentingan-kepentingan masyarakat Siam. Bukan sahaja MARA Yang Berhormat juga di bawah KKLW, kita telah memberi layanan yang sama sebagaimana kaum bumiputera yang lain. Contohnya kemasukan ke MRSM dan juga IPMA, institusi pengajian tinggi di bawah MARA. Kita memberi peluang dan ruang yang seluas-luasnya kepada masyarakat Siam. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua kita tahu masyarakat Siam di dalam negara ini adalah merupakan suatu kumpulan masyarakat yang menyokong kuat Barisan Nasional.

Maka jasa mereka sentiasa di kenang dan diingati oleh kerajaan dan mana-mana pihak sahaja yang sememangnya menyokong Barisan Nasional sudah tentu tidak diabaikan oleh kerajaan. Sekali lagi saya hendak sebutkan di sini soal pengambilan pelajar-pelajar ke IPMA ini ada di kalangan setengah-setengah institusi pengajian tinggi ini yang banyak bersifat terbuka. Seperti contohnya UniKL kita bukan sahaja terbuka kepada mana-mana kaum dalam negara ini bahkan ianya dibuka kepada pelajar-pelajar daripada luar negara. Kepada institusi pengajian tinggi yang lain juga kita mengamalkan dasar yang hampir sama.

Begitu juga dengan MARA, MRSM kita juga membuat pengambilan terhadap mana-mana kaum yang didapati layak mengikut kuota yang telah ditetapkan. Saya yakin dan percaya masyarakat Siam tidak akan tertinggal di dalam perjuangan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk membela masyarakat terutamanya di bawah B40. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 7.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**7. Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, jumlah bilangan pekerja asing yang sah di Malaysia sehingga 31 Disember 2017 mengikut pecahan industri/sector dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan pergantungan terhadap pekerja-pekerja tersebut.

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 31 Disember 2017 terdapat RM1.79 juta pekerja asing di Malaysia. Pecahan pekerja asing mengikut sektor adalah seperti berikut:

- (i) perkilangan 645,000 lebih;
- (ii) pembinaan 350,000 lebih;
- (iii) perladangan 260,000 lebih;
- (iv) perkhidmatan 247,000;
- (v) pertanian 160,000; dan
- (vi) pengkhidmat domestik atau *maid* 128,000.

Kerajaan sentiasa proaktif dalam mengambil langkah mengurangkan kebergantungan pekerja asing serta memberi keutamaan kepada pencari pekerja tempatan dalam pasaran pekerjaan negara. Selaras dengan itu Tuan Yang di-Pertua, antara inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) menetapkan had penggajian pekerja asing di Malaysia tidak melebihi 15 peratus daripada jumlah guna tenaga kerja pada tahun 2020 seperti mana yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas;
- (ii) mempromosi dan memudah cara peluang penempatan pekerjaan melalui program penempatan pekerjaan atau 3P oleh Jabatan Tenaga Kerja untuk memberi keutamaan pencari kerja tempatan;
- (iii) penggajian pekerja asing hanya diluluskan kepada tujuh sektor iaitu sektor pembinaan, pertanian, perladangan dan perkhidmatan (subsektor tukang masak restoran, pekerja pembersihan dan pencucian, pekerja resort pulau peranginan, hotel, *caddy*, spa, urut kaki, pembantu taman tema haiwan,

- kargo (pelabuhan dan lapangan terbang), dan perlombongan yang melibatkan pekerjaan asas dan pengkhidmat domestik);
- (iv) hanya majikan yang berkeupayaan atau *genuine* dan mematuhi standard perburuhan seperti pematuhan gaji minimum, menyediakan kemudahan kediaman berserta kemudahan asas dan tiada rekod pelanggaran kes buruh sahaja dipertimbangkan memohon pekerja asing, keupayaan majikan ditentukan melalui proses saringan dan pemeriksaan JTK;
  - (v) menggalakkan sektor-sektor berinsentif buruh beralih kepada penggunaan mekanisme atau mekanisasi atau automotif bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing. Langkah ini dapat membantu negara mencapai sasaran untuk melahirkan 35 peratus pekerja mahir di negara kita menjelang tahun 2020;
  - (vi) menetapkan *ratio* pekerja warganegara dan pekerja asing bagi menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Sebagai contoh sektor perladangan (kepala sawit) dengan keluasan tanah lapan hektar untuk satu orang pekerja dan getah pula keluasan tanah empat hektar untuk seorang pekerja. Manakala untuk sektor-sektor perkilangan bagi syarikat dalam sub sektor elektrik dan elektronik nisbah kelayakan yang ditetapkan adalah dua orang pekerja warganegara bagi satu orang pekerja asing;
  - (vii) pelaksanaan surat Aku Janji majikan atau *employers undertaking* yang bermula pada satu yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2017 yang menghendaki majikan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pekerja asingnya bermula daripada peringkat kemasukan pengkajian sehinggalah penghantaran pulang pekerja tersebut ke negara asal;
  - (viii) mengutamakan *exit policy* pengkajian untuk pekerja asing dengan menyediakan pelan latihan kemahiran kepada pekerja warganegara, memberi keutamaan kepada mekanisme IBS dalam sektor pembinaan, restoran berkonsepkan *self service*, dan sebagainya;
  - (ix) memperkenalkan Sistem Latihan Dual-Nasional (SLDN) untuk menyediakan tenaga kerja mahir negara melalui kaedah latihan industri yang komprehensif dan terkini bagi memastikan kemahiran tenaga kerja dipertingkatkan; dan

- (x) pembiayaan latihan di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad, HRDF dalam bahasa Inggeris PSMB dalam bahasa Malaysia melalui caruman levi majikan yang melatih semula pekerja bagi meningkatkan kemahiran pekerja terutamanya dalam sektor pembuatan, pembinaan dan perlombongan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan tetapi sebelum itu tadi kita telah dengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai statistik-statistik dan juga langkah-langkah yang sedang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan penggantungan kepada pekerja asing.

Pertama sekali berkenaan dengan statistik, tadi kita dengar jawapan bahawa dari segi jumlah bilangan pekerja asing telah turun kepada 1.79 juta.

■1110

Saya pun, dua hari dulu saya tengok saya dapat laporan Bank Negara. Dalam sini pun ia cakap dari segi peratus tenaga kerja pada tahun 2017 memang telah turun kepada 12 peratus. *That's mean* apa yang saya maksudkan bawah kepada tahap 15 peratus yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri. Isu saya satu, berkenaan dengan angka-angka. Kedua, berkenaan langkah-langkah.

Satu, kalau kita tengok juga laporan Bank Negara ini, baru dapat dua hari lepas dari segi *job creation* dan dari segi pengisian *job creation* terutama sekali saya fokus kepada mereka yang berkemahiran rendah. Oleh sebab banyak pekerja asing yang kita bawa ini *is low skill industries*. Dalam Bank Negara punya *report* dan sebelum ini pun kita banyak dengar kerajaan cakap dia sudah *create 2.26 million* pekerjaan hasil dari ETP tetapi yang mengejutkan pada saya ialah dalam laporan Bank Negara, dia cakap pada tahun 2015 dari bilangan *jobs that were created* sebanyak 64 peratus diisi oleh warga asing, *64 percent job created filled up by foreigners* tahun 2015.

*Shocking* lagi tahun 2016, sebanyak 81.5 peratus *of the job that was created is filled up by the foreigners*. Ini bukan saya punya *figure*. Saya pun *quote statistic* dari Bank Negara. Ia fokus kepada *low skill job*, ini yang kita tengok. Satu statistik cakap ia turun, satu statistik cakap *in terms of job created* itu ia meningkat. Itu satu. *I tidak boleh reconcile this figure*.



Kedua, balik kepada langkah-langkah. Tadi kita dengar 10 langkah yang sedang diambil oleh Kementerian. *My point is* Tuan Yang di-Pertua, *core issue* Kementerian masih gagal untuk *handle core issue*. So, saya hendak tahu apakah langkah-langkah untuk *handle core issue* yang menyebabkan pelambakan atau penggantungan terlalu berat kepada pekerja asing. Biar saya *explain* dan I hendak tahu apa tindakan. *Core issue* kenapa kita ada banyak sangat pekerja asing ialah *business model* yang kita gunakan. *Business model* yang kita gunakan sekarang ialah *low cost model* di mana kita pakai pekerja asing untuk menekan *salary, low salary*, kita bawa pekerja asing. *Low salary* fasal kita hendak turun kita punya *cost* dan kita dapat *business margin*. *That is our model*. Kalau kita pakai model ini kita terpaksa bergantung kepada pekerja asing.

Soalan saya, selain daripada 10 langkah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan akan menggalakkan majikan-majikan untuk tukar *business model* dari *low cost* kepada *high productivity* model selaras dengan objektif kerajaan untuk mewujudkan *high income society*? Kalau *you* hendak *high income society*, *you* kena tukar model. So, adakah langkah-langkah ini akan diambil? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan di atas- bagi saya lebih mirip kepada cadangan atau lebih mirip kepada memberi laporan yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, memang pada tahun 2015 jumlah pekerja asing di negara kita adalah sebanyak 2.1 juta. Selepas itu turun dalam tahun 2016 kepada 1.85 juta. Sehingga 31 Disember 2017, ia telah menurun kepada 1.7 juta. Ini bererti Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah telah dibuat, telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa kita tidak lagi bergantung kepada pekerja asing. Usaha-usaha masih dan sedang giat dibuat untuk memastikan langkah-langkah untuk menurunkan kebergantungan kita kepada pekerja asing dijalankan.

Berbalik kepada apa yang disebutkan tadi dalam mana beliau telah menyatakan bahawa tentang *job creation*. Ya, sememangnya Kementerian Sumber Manusia, saya ingin menegaskan di sini bahawa mungkin ada di luar sana tidak tahu bahawa kerajaan amat prihatin tentang kebergantungan negara kita dengan pekerja-pekerja asing.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah melancarkan TVET Malaysia iaitu pada 27 September tahun lalu dalam mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah melancarkan TVET Malaysia iaitu satu slogan, satu *brand* baru untuk memperkasakan perkataan *Technical and Vocational Education and Training* iaitu di Shah Alam. Dalam mana ketujuh-tujuh Kementerian yang ada sangkut paut untuk melahirkan modal insan yang

berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang supaya kita tidak lagi bergantung kepada- *we were as what you are mentioning just now* yang *labor*, yang perkataan buruh ini supaya kita tidak lagi bergantung kepada *low* dan *cheap labor*.

Bilamana Yang Amat Berhormat telah melancarkan, selepas itu Yang Amat Berhormat dalam pembentangan belanjawan bagi tahun 2018, Yang Amat Berhormat sekali lagi menegaskan dalam pembentangan itu bahawa TVET Malaysia yang telah pun menjadi jenama atau *brand* baru untuk memperkasakan bagi melahirkan lebih modal insan atau tenaga kerja yang berkemahiran tinggi.

Selepas itu pada 22 Mac yang lalu, baru berlalu kerajaan telah melancarkan Ekspo TVET Malaysia. Dalam mana kesemua tujuh kementerian yang ada sangkut paut dengan melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi itu telah dilancarkan- sememangnya dengan industri-industri, dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di PWTC. Ini menunjukkan Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan menyedari bahawa untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, negara kita tidak ada pilihan lain melainkan memperkasakan atau melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi. Saya telah menyebut tujuh kementerian. Antara kementerian-kementerian yang terlibat adalah:

- (i) Kementerian Sumber Manusia;
- (ii) Kementerian Pendidikan Tinggi;
- (iii) Kementerian Pendidikan;
- (iv) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah;
- (v) Kementerian Belia dan Sukan;
- (vi) Kementerian Kerja Raya; dan
- (vii) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Dalam pada itu Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara, apa yang saya ingin sebut, tambah di sini ialah peruntukan sebanyak RM4.9 bilion telah diperuntukkan untuk mengeluarkan iaitu memperkasakan perkataan *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) ini, RM4.9 bilion.

#### ■1120

Akan tetapi saya ingin menyatakan di sini bahawa daripada peruntukan sebanyak itu, Kementerian Sumber Manusia walaupun kita menjadi koordinasi atau penyelaras kepada TVET Malaysia di peringkat kementerian, Kementerian Sumber Manusia hanya mendapat peruntukan RM800,000 daripada RM4.9 bilion ini. Maka ramai di luar sana menyatakan bahawa Kementerian

Sumber Manusia mendapat RM4.9 bilion padahal sebenarnya Kementerian Sumber Manusia hanya mendapat RM800,000 yang merupakan hanya 8.9 peratus.

Maka Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dewan yang mulia ini, inilah usaha yang kerajaan telah buat untuk memastikan bahawa satu, kita tidak boleh lagi bergantung kepada pekerja asing. Keduanya, untuk menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi kita tidak ada pilihan lain melainkan untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi iaitu daripada peratusan yang ada sekarang 28 peratus kepada 35 peratus menjelang tahun 2020. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua, saya tahu ini bukan perbahasan tetapi cuma fasal sedikit sahaja semasa jawapan tadi apabila saya minta langkah-langkah yang kita dapat ialah langkah-langkah dari aspek *training* untuk meningkatkan kemahiran maka dengan peningkatan itu modal akan bertukar kepada *high productivity*. Sedikit sahaja soalan saya sama ada langkah-langkah ini juga akan *involve* insentif kepada majikan dari segi *automation*? Sekarang kita dengar dari segi kemahiran sama ada dari segi *automation*, insentif kepada majikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak boleh membenarkan soalan tambahan ke atas soalan tambahan. Saya harap Yang Berhormat faham.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apabila Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan kepada soalan pokok, dia telah memberitahu pasal *law limitation*. Saya ingat jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri itu memang terperinci dan terbaiklah. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khairul Azwan Harun:** Tuan Yang di-Pertua, boleh satu soalan tambahan lanjutan daripada jawapan daripada Yang Berhormat Menteri? Sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Tuan Khairul Azwan Harun:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada sedikit soalan lanjutan, saya mendengar dengan jelas tadi yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri, TVET ini menjadi antara agenda penting untuk kita cuba menangani cabaran Revolusi Industri Keempat Yang Berhormat Menteri ya. Apabila kerajaan telah memutuskan untuk membelanjakan ataupun memperuntukkan satu jumlah wang yang besar Tuan Yang di-Pertua, RM4.9 bilion, satu angka yang sangat besar- memandangkan Yang

Berhormat Menteri sebut tadi dengan jelas di peringkat Kementerian Sumber Manusia hanya diperuntukkan sebanyak RM800 juta...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Khairul Azwan Harun:** ...Daripada RM4.9 bilion- yang menjadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apabila Kementerian Sumber Manusia diamanahkan untuk menjadi penyelaras bagi tujuan agenda TVET peringkat nasional dan Menteri-menteri apakah ada perancangan untuk menubuhkan satu sebagai contoh *one-stop agency* sebagai badan yang akan mengurus kesemua RM4.9 bilion ini sebagai contoh satu perbadanan TVET ataupun ini hanya akan berterusan iaitu kementerian masing-masing hanya akan menguruskan dan di manakah usaha penyelarasan terhadap peruntukan tersebut? Hal ini kerana saya risau tidak dapat impak yang begitu besar hasil daripada belanja yang besar ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah rancangan untuk membawa segala RM4.9 bilion di bawah kementerian ataupun satu badan?

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Khairul dan terima kasih kerana Tuan Yang di-Pertua pun sedikit menyentuh tentang adakah peruntukan itu akan digabungkan. Tuan Yang di-Pertua, *correction* dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Khairul bukanlah RM800,000 tetapi RM800 juta.

Sebenarnya setelah Kementerian Sumber Manusia diamanahkan oleh kerajaan untuk menjadi penyelaras atau koordinasi kepada enam kementerian yang lain untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang bakal diusahakan setelah mula dilaksanakan akan berjalan dengan lancar dan menjadi satu impak yang besar kemudian kelak. Saya ingin dengan gembiranya menyatakan di sini bahawa kita mempunyai dua jawatankuasa. Satu jawatankuasa dinamakan jawatankuasa-peringkat pegawai dan di bawah jawatankuasa ini kesemua ketua-ketua setiausaha kementerian, tujuh kementerian ini duduk dengan KSU Kementerian Sumber Manusia sebagai pengerusinya telah diadakan- mesyuarat telah diadakan dua kali.

Di peringkat kementerian dalam mana saya sendiri sebagai Menteri Sumber Manusia adalah pengerusi atau penyelaras di peringkat Menteri. Kita pun telah mengadakan satu mesyuarat pada 16 Januari tahun ini juga. Selepas itu barulah satu badan induk iaitu TVET di peringkat negara- kita mempunyai di peringkat kementerian, di peringkat Menteri selepas itu *TVET Technical Council* atau Majlis TVET Malaysia yang banyak kemungkinan akan dipengerusikan kalau tidak oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Ini bererti Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat prihatin, amat serius dengan penubuhan TVET Malaysia atau Majlis TVET Malaysia bagi memperkasakan

TVET Malaysia- untuk memastikan bahawa kita tidak lagi bergantung kepada *foreign workers*, kepada pekerja asing, kita tidak lagi bergantung kepada yang disebutkan oleh Yang Berhormat pertama yang telah mengajukan soalan kepada *law* buruh ini.

Kalau saya sebut lanjut mengenai Industri 4.0- *Industry Revolution 4.0* sebenarnya telah pun dimasukkan dalam TVET Malaysia ini. Maka apa yang telah disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi menyatakan bahawa perkataan *automation digitalization* sudah cukup kerana ia merangkumi apa yang diperlukan dalam kita menghadapi IR 4.0. Sekian, terima kasih.

**8. Datuk Ng Chiang Chin** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah kemajuan (*progress*) terhadap penggubalan sebuah Akta Kesaksamaan Gender setakat ini berikutan dengan isu seperti jurang pendapatan di antara kaum wanita dan lelaki serta kenekadan YAB Perdana Menteri untuk memastikan kaum wanita memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara, oleh itu adakah akta ini juga akan merangkumi pengendalian isu gangguan seksual yang setakat ini masih berlaku secara meluas.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin. Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menggubal Rang Undang-undang Kesaksamaan Gender adalah selaras dengan komitmen dan keahlian Malaysia dalam Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). Undang-undang ini akan membantu menghapuskan diskriminasi dan menegakkan kesaksamaan sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

■1130

Penggubalan akta ini dijangka dapat merapatkan ketidaksaksamaan gender yang wujud di antara wanita dan lelaki, dengan memasukkan prinsip-prinsip CEDAW ke dalam rang undang-undang di Malaysia. Fenomena seperti penglibatan yang rendah dalam kalangan wanita di peringkat kepimpinan, stereotaip dan pengasingan pekerjaan dalam bidang profesional, gaji yang tidak seimbang, lelaki/wanita dalam masyarakat dan sebagainya akan dapat ditangani dengan penggubalan akta ini. Kerajaan mengambil langkah proaktif berdasarkan keputusan kes *AirAsia Berhad* lawan Rafizah Shima binti Mohamed Aris yang memutuskan bahawa, peruntukan-peruntukan CEDAW hanya terpakai sekiranya suatu undang-undang domestik ataupun tempatan yang menerima pakai peruntukan prinsip CEDAW.

Oleh itu, kerajaan merancang untuk menggubal satu rang undang-undang berkaitan hak-hak wanita yang memasukkan prinsip-prinsip CEDAW seperti rang undang-undang

kesaksamaan gender. Susulan daripada kesedaran itu, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat telah mengadakan satu bengkel penggubalan dan undang-undang kesaksamaan gender di Putrajaya pada 30 Ogos 2017.

Bengkel ini adalah anjuran bersama Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat dengan *United Nations Development Program* (UNDP). Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk membincangkan rasional bagi mewujudkan akta kesaksamaan gender di Malaysia dan memberi pemahaman tentang peruntukan cadangan penggubalan rang undang-undang ini. Bengkel ini telah melibatkan agensi di bawah kementerian seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, termasuk beberapa agensi luar yang telah dikenal pasti iaitu Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Luar Negeri.

Bengkel ini turut disertai oleh pertubuhan bukan kerajaan seperti *National Council of Women's Organization* (NCWO), *The Joint Action Group for Gender Equality* (JAG), *Women's Aid Organization* (WAO) dan lain-lain. Terkini, pihak kementerian juga telah mengadakan sesi perbincangan susulan dengan Kementerian Luar Negeri, Jabatan Peguam Negara berserta pihak NGO pada 29 Mac 2018 yang lalu dan beberapa siri perbincangan lanjutan akan diadakan pada tahun ini, melibatkan semua agensi kerajaan di semua negeri, CAUCUS Wanita Parlimen Malaysia, pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan *stakeholders* berkaitan.

Penggubalan akta ini masih dalam peringkat konsultasi dengan pelbagai pemegang taruh, bagi memastikan semua pandangan diambil kira dalam penggubalan undang-undang ini. Draf undang-undang ini tidak akan merangkumi isu gangguan seksual kerana pihak kerajaan juga sedang meneliti sekiranya terdapat keperluan untuk merangka satu rang undang-undang khusus mengenai gangguan seksual. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan soalan tambahan.

**Datuk Ng Chiang Chin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberi yang telah memberikan jawapan yang baik. Soalan tambahan saya, setakat hari apakah prestasi pencapaian kaum wanita memegang jawatan GLC dan syarikat swasta? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan tersebut. Saya kongsilah dengan Yang Berhormat Senator dan juga Dewan yang mulia ini, bahawa setakat ini pencapaian wanita dalam sektor awam dahulu ialah 35.8 peratus orang, iaitu sudah melebihi 30 peratus. Bagi di sektor swasta

pula sehingga Jun 2017 sebanyak 16.9 peratus orang daripada keseluruhan ahli lembaga pengarah di syarikat awam itu adalah sudah 16.9 peratus adalah terdiri daripada kaum wanita dan kita masih lagi memperjuangkan. Dimaklumkan bahawa cuma enam sahaja daripada 100 syarikat teratas yang tidak mempunyai ahli lembaga pengarah wanita. Keseluruhan dari segi pembuat keputusan di peringkat swasta adalah 19 peratus sekarang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan status *NAM Institute for the Empowerment of Women Malaysia* (NIEW). Oleh kerana saya dimaklumkan bahawa NIEW ini yang ditubuhkan pada tahun 2010 tetapi sekarang ini peranan NIEW telah diletakkan di bawah Institusi Sosial Malaysia. Maka, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah NIEW ini berperanan dalam memperkasakan kaum wanita?

Kedua, sejauh manakah pihak kementerian dan kerajaan menjejaki mereka-mereka yang telah dilatih ini untuk menjadi pemimpin-pemimpin wanita terutama di dalam sektor swasta? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah. Berkenaan dengan NIEW ini, memang NIEW ini telah diletakkan di bawah Institut Sosial Malaysia. Ertinya, masih berperanan untuk memberikan latihan kepada bukan sahaja kaum wanita tetapi semua kumpulan sasar kementerian kita. Di sini saya ingin maklumkan bahawa salah satu peranan yang telah dilaksanakan oleh NIEW ini ialah melatih wanita-wanita yang berpotensi untuk menjadi ahli lembaga pengarah syarikat. Di mana kita telah dapat melatih lebih daripada 1,000 orang wanita untuk menjadi ahli lembaga pengarah.

Sebahagian besar itu, saya tidak berapa ingat peratusannya, telah pun dilantik menjadi ahli pengarah wanita. Mereka ini adalah berdaftar dengan kita dan kita akan dapat dengan secara *online* untuk dapat menjejaki sama ada mereka ini sudah dilantik ke dalam ahli lembaga pengarah ataupun tidak. Daripada sudut latihan keseluruhannya wanita itu, memang kita di kementerian melaksanakan program-program melatih wanita dalam pelbagai bidang. Bukan sahaja dalam sektor swasta tetapi juga dalam kepimpinan keseluruhannya itu masih lagi kita laksanakan. Kita belum lagi berpuas hati dengan pencapaian kita kerana dari segi sudut politiknya itu, kita perlu capai 10 peratus. Kita masih memperjuangkan lagi untuk sampai ke tahap sekurang-kurangnya 30 peratus.

Cara pemantauan kita ialah kerana kita ada banyak NGO's kita dan kita banyak badan-badan di peringkat akar umbi, daripada di situlah kita akan dapat melihat sejauh mana perkembangan mereka. Sama ada mereka terlibat dalam bidang pembuat keputusan, dilantik macam-macam jawatan, bukan sahaja di peringkat yang tertinggi tetapi di peringkat akar umbi, pengerusi JKK, ketua kampung dan lain-lain lagi. Ini secara berterusan kita pantau melalui agensi-agensi kita dan juga jentera kita di peringkat akar umbi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk pertanyaan-pertanyaan lisan selesai.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

## **USUL**

### **MERENTIKAN KUAT KUASA P.M. 47 DAN P.M. 66**

**11.38 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat iaitu 82(1) dan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Majlis Mesyuarat ini merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 47 dan Peraturan Mesyuarat 66 bagi membolehkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018 dan Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018 seperti yang tertera di aturan nombor 2, dan nombor 3 di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini di bahas dan diputuskan.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.



**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG TARA (PINDAAN) (NO. 2) 2018

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**11.39 pg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Timbang Tara 2005, dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1140

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1956, Malaysia menjadi ahli Pertubuhan Perundingan Undang-undang Asia-Afrika (AALCO). Setahun kemudian iaitu pada tahun 1957, Malaysia menjadi ahli penuh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan komisennya dalam Undang-undang Perdagangan Antarabangsa atau pun UNCITRAL. Pada tahun 1978, AALCO menubuhkan Pusat Timbang Tara Kuala Lumpur sebagai sebuah organisasi bebas untuk mempromosikan timbang tara di Malaysia dan bagi rantau Asia Pasifik.

Manakala pada tahun 2005, Akta Timbang Tara atau pun Akta 646 telah diluluskan. Akta ini dimodelkan berdasarkan semakan semula Undang-undang Model Timbang Tara Antarabangsa yang digubal oleh UNCITRAL pada tahun 1985. Namun, sejourus Akta Timbang Tara ini diluluskan pada tahun 2006, UNCITRAL telah mengeluarkan versi Undang-undang Model yang telah disemak semula.

Versi Undang-undang Model yang terkini ini masih belum diterima pakai oleh Malaysia walaupun pindaan kepada Akta Timbang Tara 2005 dilakukan pada tahun 2011. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta 646 yang telah dipinda pada tahun 2011 adalah berasaskan justifikasi berikut:-

- (a) Memberikan kebebasan kepada pihak yang bertelingkah untuk menentukan undang-undang substantif yang terpakai di Tribunal Timbang Tara dan tidak hanya menghadkan kepada undang-undang Malaysia bagi menggalakkan pihak-pihak di negara luar untuk membuat timbang tara di Malaysia;
- (b) pindaan tersebut juga memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk membuat perintah bagi apa-apa langkah interim atau pun *interim measures* walaupun tempat timbang tara adalah di luar Malaysia;
- (c) memandangkan pada ketika itu Akta 646 tidak mempunyai peruntukan berkaitan perintah yang boleh dikeluarkan oleh mahkamah semasa menggantung prosiding *admiralty*, maka peruntukan dimasukkan ke dalam Akta 646 bagi membolehkan Mahkamah Tinggi membuat perintah penahanan harta ikat jamin atau jaminan lain sebelum atau semasa prosiding timbang tara sebagai jaminan bagi amaun dalam pertikaian; dan
- (d) terdapat lompong dalam beberapa peruntukan dalam Akta 646 yang sekiranya tidak dipinda akan memberi implikasi perundangan dari segi komitmen Malaysia dalam menunaikan obligasi di bawah *United Nations Commission on International Trade Law (UNCITRAL)* ataupun *UNCITRAL Model Law on International Commercial Arbitration 1985* ataupun yang saya akan panggil sebagai *UNICITRAL Model Law*.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2013, AALCO dan Kerajaan Malaysia menandatangani perjanjian untuk mempromosikan Malaysia sebagai hab ADR global atau pun dipanggil *alternative dispute resolution global* dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai salah satu *safe seat*. Lanjutan itu, Kerajaan Malaysia memberikan komitmen untuk memperkasa dan menjenamakan semula KLRCA. KLRCA juga ditempatkan semula di Bangunan Sulaiman atas usaha ini.

Pada tahun 2018, dalam usaha Kerajaan Malaysia dalam memperkukuh status negara sebagai satu *safe seat*, KLRCA dinamakan sebagai *Asian International Arbitration Centre*. Penjenamaan itu merupakan langkah pertama dalam mempromosikan Malaysia sebagai hab ADR global dan kemudian KLRCA sebagai tempat yang diiktiraf untuk menyelesaikan pertikaian antarabangsa.

Pindaan yang dicadangkan itu adalah langkah kedua ke arah peningkatan bilangan kes antarabangsa di Malaysia dan pengukuhan status Malaysia sebagai tempat yang selamat dengan

mengguna pakai pindaan-pindaan terkini Model Undang-undang UNCITRAL dalam Undang-undang Timbang Tara di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia atau *Asian International Arbitration Centre* (AIAC) yang dahulunya dikenali sebagai KLRCA adalah bertujuan untuk mempergiatkan usaha pengukuhan pemasaran dan promosi dengan lebih berkesan. Ini termasuk usaha untuk menubuhkan satu badan latihan yang dipanggil *Asian Institute for Alternative Dispute Resolution*. Penubuhan satu pakatan timbang tara untuk menangani pertelingkahan yang berbangkit daripada inisiatif- *Belt and Road Initiative*, dan pelbagai inisiatif sama ada dari perspektif serantau atau pun domestik.

Satu memorandum Jemaah Menteri berkenaan usaha-usaha penjenamaan dan pemerkasaan semula Pusat Timbang Tara Serantau KLRCA telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Julai 2017.

Dalam hal ini, langkah pertama seperti yang saya nyatakan tadi adalah penjenamaan dan memperkasakan AIAC. AIAC telah mengusulkan penjenamaan semula Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA) kepada Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia atau *Asian International Arbitration Centre* (AIAC) melalui Akta Timbang Tara (Pindaan) 2018 yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini dan telah mula berkuat kuasa pada 28 Februari tahun ini.

Lanjutan daripada langkah penjenamaan semula AIAC, kini AIAC mencadangkan penambahbaikan kepada rangka perundangan sedia ada bagi memperkasakan lagi Malaysia sebagai satu hab penyelesaian pertelingkahan bertaraf antarabangsa dan bagi mewujudkan platform yang kukuh untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju pusat penyelesaian pertikaian alternatif (ADR) di rantau Asia Pasifik ataupun di persada antarabangsa.

Cadangan pindaan rangka perundangan ini kini diusulkan adalah berasaskan *UNCITRAL Model Law* untuk memenuhi dan melaksanakan obligasi Malaysia kepada UNCITRAL. Selain itu, pindaan kepada Akta 646 ini adalah selaras dengan *UNCITRAL Model Law* bertujuan sebagai satu langkah penyeragaman bagi Malaysia mengguna piawai antarabangsa iaitu *UNCITRAL Model Law*. Cadangan pindaan ini juga dilihat dapat meningkatkan daya persaingan timbang tara dalam arena antarabangsa dan bertujuan menjadikan Malaysia sejajar dengan negara-negara maju yang lain dan meningkatkan seterusnya sebagai destinasi penyelesaian pertelingkahan yang boleh dipercayai.

Berdasarkan faktor-faktor di atas dan langkah penyeragaman peruntukan undang-undang Malaysia dengan UNCITRAL, pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk mengguna pakai

semula Undang-undang Model 2006 untuk membawa Malaysia selaras dengan 23 negara yang timbang tara mengamalkannya. Pindaan yang dicadangkan khususnya berhasrat untuk menstrukturkan semula bidang kuasa mahkamah dan memastikan penetapan award timbang tara yang bersifat muktamad. Antara lain, pindaan yang dicadangkan ini memberi mahkamah kuasa pengawasan yang lebih besar terhadap timbang tara:

- (i) melanjutkan skop langkah-langkah interim yang diberikan menurut semakan seksyen 11 dan seksyen 19J; dan
- (ii) membenarkan mahkamah untuk menilai hal perkara pertikaian ketika memutuskan tentang kebolehtimbangtaraan selaras dengan pindaan seksyen 4(1).

Pindaan yang dicadangkan ini juga bertujuan meletakkan Malaysia setaraf dengan Singapura dan Hong Kong terutamanya dengan menetapkan dalam seksyen 33 yang telah disemak semula dengan jelas berhubung dengan pemberian faedah pra award dan pasca award bagi mahkamah dan tribunal timbang tara.

Cadangan pemansuhan seksyen 42, dan seksyen 43 tidak akan menjejaskan bidang kuasa mahkamah. Ini kerana, pertama, seperti yang dinyatakan tadi, mahkamah akan menikmati kuasa penyeliaan yang luas dan lebih besar seperti seksyen 37, dan seksyen 39 dengan pengecualian dasar awam kekal tidak berubah. Kedua, tidak ada peruntukan sedemikian di dalam kedua-dua semakan Undang-undang Model UNCITRAL yang merupakan satu rangka kerja undang-undang yang telah dilaksanakan oleh lebih daripada 109 buah negara di seluruh dunia.

Salah satu indikator utama Indeks Daya Saing Global ialah kecekapan rangka kerja undang-undang dalam menyelesaikan pertikaian. Malaysia kini menduduki tempat ke-23 dalam Laporan Daya Saing Global 2017. Singapura dan Hong Kong masing-masing menduduki tangga pertama dan keenam dunia di mana bagi rantau ini, sebenarnya Malaysia adalah berada di kedudukan ketiga di belakang Singapura dan Hong Kong.

Pindaan yang dicadangkan ini akan memperbaiki rangka kerja undang-undang dalam menyelesaikan pertikaian dan dengan itu akan menyumbang secara positif kepada kedudukan Malaysia dalam Indeks Daya Saing Global. Peningkatan kedudukan Malaysia dalam laporan tersebut akan menjadi petunjuk kepada pelabur asing dan pelaburan yang datang ke Malaysia. Dengan itu, ia akan meningkatkan ekonomi Malaysia dan meningkatkan pendapatan selaras dengan dasar-dasar negara.

Daripada perspektif perundangan, Akta Timbang Tara 2005 yang berdasarkan semakan Undang-undang Model 1985 tidak mencerminkan perkembangan dalam timbang tara

antarabangsa di peringkat global dan serantau. Pindaan yang dicadangkan mengguna pakai semakan semula Undang-undang Model 2006 adalah tepat pada masanya memandangkan Singapura dan Hong Kong yang telah melangkah lebih jauh dengan meminda akta timbang tara masing-masing untuk memberi pengiktirafan autonomi parti dan kejelasan yang terdapat di bawah kedua-dua semakan pada tahun 1985 dan 2006 Undang-undang Model UNCITRAL.

#### ■1150

Pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk mengikuti perkembangan Singapura dan Hong Kong di mana pastinya akan memberi kelebihan kepada Malaysia memandangkan lokasi strategik negara kita, kepakaran yang kita miliki dan kos yang lebih rendah. Pindaan-pindaan ini pastinya akan turut membantu untuk meningkatkan kedudukan Malaysia dalam Global Competitiveness Index.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia, Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) (No. 2) 2018 yang dicadangkan ini keseluruhannya mengandungi 13 fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 2, Akta 646 dalam takrif Tribunal Timbang Tara untuk menghapuskan ketaksaan dan untuk memastikan kejelasan berhubung dengan *award* yang dikeluarkan oleh penimbang tara kecemasan.

Fasal 3 bertujuan memasukkan seksyen baru 3A, dalam Akta 646 untuk memastikan bahawa kedua-dua pihak domestik dan antarabangsa mempunyai kebebasan untuk memilih perwakilan melalui mana-mana wakil.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 4, Akta 646 dengan memasukkan peruntukan berkenaan dengan kerelevanan, kebolehtimbangtaraan hal perkara apabila memutuskan persoalan mengenai kebolehtimbangtaraan sesuatu pertikaian.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 9, Akta 646 untuk mengadakan peruntukan bagi satu kerangka untuk mengiktiraf perjanjian timbang tara yang dibuat dalam bentuk elektronik.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 11, Akta 646 untuk mengadakan peruntukan bagi bidang kuasa Mahkamah Tinggi untuk memberikan langkah interim.

Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 19, Akta 646 untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa Tribunal Timbang Tara untuk memberikan langkah interim serupa dengan langkah yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 19A, 19B, 19C, 19D, 19E, 19F, 19G, 19H, 19I dan 19J dalam Akta 646.

Seksyen baharu 19A yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan syarat-syarat untuk memberikan langkah interim.

Seksyen baharu 19B yang dicadangkan adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi permohonan untuk perintah permulaan dan syarat-syarat untuk memberikan perintah permulaan. Perintah permulaan memperuntukkan satu cara untuk memelihara status quo sehingga Tribunal Timbang Tara mengeluarkan satu langkah interim.

Seksyen baharu 19C yang dicadangkan adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mekanisme spesifik yang mengawal selia pemberian perintah permulaan yang menetapkan perlindungan untuk pihak yang terhadapnya perintah permulaan itu diarahkan.

Seksyen baharu 19D yang dicadangkan akan memperuntukkan bahawa Tribunal Timbang Tara diberi kuasa untuk mengubahsuai, menggantung atau menamatkan satu-satu langkah interim.

Seksyen baharu 19E yang dicadangkan untuk Tribunal Timbang Tara boleh menghendaki pihak yang meminta satu langkah interim untuk mengadakan jaminan melainkan jika Tribunal Timbang Tara fikirkan bahawa ia tidak sesuai atau tidak perlu untuk berbuat demikian.

Seksyen baharu 19F yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi obligasi satu pihak untuk menzahirkan apa-apa perubahan penting dalam hal keadaan tertentu untuk memastikan keputusan yang adil dan saksama dalam memberikan langkah interim.

Seksyen baharu 19G yang dicadangkan akan memperuntukkan bahawa liabiliti untuk membayar kos dan ganti rugi adalah kepada pihak yang meminta suatu langkah interim atau yang memohon satu perintah permulaan jika pihak itu gagal dalam permintaan atau permohonan sedemikian.

Seksyen baharu 19H yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengiktirafan kebolehuatkuasaan satu langkah interim yang dikeluarkan oleh satu Tribunal Timbang Tara.

Seksyen baharu 19I yang dicadangkan memperuntukkan alasan untuk menolak pengiktirafan atau menguatkuasakan sesuatu langkah interim.

Seksyen baharu 19J yang dicadangkan memperuntukkan bahawa Mahkamah Tinggi mempunyai kuasa untuk mengeluarkan suatu langkah interim berhubung dengan sesuatu Tribunal Timbang Tara,

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 30, Akta 646 untuk memperuntukkan bahawa pihak-pihak kepada prosiding timbang tara boleh memilih kaedah undang-undang yang terpakai kepada isu pertikaian.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 33 Akta 646 untuk memberi kuasa kepada Tribunal Timbang Tara untuk mengaward faedah pra award dan pasca award.

Fasal 11 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 41A dan 41B dalam Akta 646. Seksyen baharu 41A dan 41B yang dicadangkan adalah bertujuan untuk melindungi kerahsiaan prosiding timbang tara yang merupakan salah satu unsur teras timbang tara; dan

Fasal 12 dan 13 bertujuan untuk memotong seksyen 42, dan 43, Akta 646. Seksyen 42 dipotong untuk menggalakkan timbang tara sebagai satu alternatif penyelesaian pertikaian. Manakala seksyen 43 dipotong sebagai pindaan berbangkit kepada pemotongan seksyen 42 tadi.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Razali bin Ibrahim yang telah membentangkan tadi. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Timbang Tara 2005 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Perbahasan. Pertama sekali, kalau ada sesiapa lagi yang hendak buat perbahasan boleh bagi nama pada kita ya.

Sekarang kita mulakan dengan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin. Silakan.

**11.56 pg.**

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai JPM kerana membentangkan Pindaan Rang Undang-undang Timbang Tara 2018.

Saya amat berbangga dan berbesar hati kerana usaha berterusan kerajaan untuk menambah baik dan menaik taraf *Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration* (KLRCA) kepada *Asian International Arbitration Centre* (AIAC). Langkah ini seiring dengan perkembangan terkini model perundangan PBB bagi penyelesaian pertikaian dagangan antarabangsa adalah bertepatan sekali Pindaan Akta Timbang Tara 2018 ini dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk menyentuh banyak perkara. Cuma dua perkara yang pertama, berkenaan dengan kos dan ganti rugi dalam fasal baru 19G yang mencadangkan bahawa liabiliti, kos dan ganti rugi adalah kepada yang meminta suatu langkah interim atau yang memohon perintah permulaan prosiding jika pihak itu gagal dalam permintaan ataupun permohonan sedemikian timbang tara. Oleh itu, AIAC telah menyediakan kerangka kos-kos yang terlibat bagi mengendalikan kes-kes seperti *Arbitration Rules 2017, 2013, Fast Track Arbitration Rules, Arbitration Rules and Mediations*. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah dengan rangka-rangka perundangan timbang tara ini kerajaan tidak menetapkan secara komprehensif nilai-nilai caj perkhidmatan tersebut?

Ini kerana saya dapati kos yang dikenakan bagi kes-kes domestik dan antarabangsa ia hanya dimasukkan dalam fi kalkulator dalam laman sesawang AIAC. Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan kepastian daripada Yang Berhormat Menteri dalam membangunkan AIAC sebagai pusat rujukan serantau dalam khidmat timbang tara, apakah peranan yang dimainkan oleh kerajaan Malaysia dalam menentukan kelayakan dan pengiktirafan yang akan memastikan perlindungan kebebasan dan integriti personel dalam institusi yang didaftarkan dalam AIAC?

Bagaimanakah syarat dan kelayakan yang ditentukan dalam peruntukan akta ini dan bagaimanakah kerajaan menyelenggarakan integriti dan kepatuhan personel yang berdaftar supaya yang dapat dijalankan prosidingnya supaya prosidingnya dapat dijalankan dengan adil serta saksama dalam memberikan keadilan menang-menang kepada semua pihak?

Akhir sekali, saya mohon menyokong rang undang-undang ini dan mendoakan agar perkembangan pesat AIAC akan memanfaatkan Malaysia sebagai institusi rujukan antarabangsa. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih banyak Yang Berhormat Senator. Sekarang saya minta pula Yang Berhormat Senator Datuk Rabiya binti Ali.

**11.59 pg.**

**Datuk Rabiya binti Ali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Pindaan Timbang Tara 2005.

■1200

Syukur *alhamdulillah*, dengan izin, dan limpahnya, Yang Berhormat Menteri telah membentangkan pindaan Akta Timbang Tara 2018 ini dan menambah baik kerangka perundangan timbang tara Malaysia agar ia bersesuaian dengan profil perundangan negara



Malaysia sebagai pusat rujukan serantau yang kondusif dan mempunyai keterangkuman bidang kuasa timbang tara yang bertaraf antarabangsa serta menjadi kehendak model undang-undang timbang tara antarabangsa perdagangan komersial.

Tuan Yang di-Pertua, dalam peruntukan yang dibuat dalam fasal 5 seksyen 9 pindaan akta ini, pindaan yang dibuat merangkumi suatu peruntukan untuk mengiktiraf kerangka perjanjian timbang tara yang dibuat dalam bentuk elektronik. Ia menggambarkan bahawa kepesatan teknologi digital yang amat pesat berkembang dan akan memberikan pendekatan eksklusif dan efektif perjalanan sesuatu prosiding timbang tara. Namun demikian, apakah dengan adanya penggunaan mesej data elektronik ini kesesuaian dan pihak-pihak yang terlibat untuk menggunakan saluran timbang tara di Malaysia dilindungi atau terpakai dalam ruang lingkup perundangan digital dalam siri perundangan Malaysia.

Soalan saya, apakah mungkin melalui saluran aplikasi komunikasi seperti *WhatsApp*, *Telegram document* dan apa-apa bahan yang berkaitan dengan timbang tara boleh digunakan selaras dengan perundangan dan terma syarat syarikat penyelia aplikasi komunikasi digital ini? Apakah isu perundangan dari segi pewartaan jenis aplikasi digital bagi transmisi mesej-mesej data ini perlu disenaraikan dalam warta akta ini agar kerangka perundangan timbang tara Malaysia menepati penerimaan antarabangsa undang-undang perdagangan komersial yang diterima pakai oleh suruhanjaya PBB mengenai undang-undang perdagangan antarabangsa mengenai timbang tara komersial antarabangsa?

Saya mohon menyokong pindaan rang undang-undang ini dan terima kasih serta tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai atas pembentangan pindaan ini serta komitmen yang amat tinggi dalam menjadikan Malaysia sebagai institusi rujukan serantau bagi mengendalikan kes-kes timbang tara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator yang menjawab yang berbahas dan lagi? Sekarang ada sesiapa yang menyokong? Sekarang kita habis *list* saya. Minta Yang Berhormat Menteri menjawab sudah.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Razali bin Ibrahim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada dua Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin, dan Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali.

Waktu saya bentang di Dewan Rakyat, seorang sahaja bahas. Makna dekat sini dia punya keprihatinan itu tinggi sikit. Tidak tahulah dekat sana waktu itu mungkin petang, dia sudah tidak

ada *mood*. Apa pun saya mengalu-alukan dua pandangan yang saya rasa semua daripada kita jelas dan percaya perkara ini akan membawa lebih kebaikan.

Saya rumuskan balik. Kita sudah ada keazaman untuk mewujudkan satu hab. Cuma, bila kita warta pindaan yang dahulu *ancestral* dibuat satu model yang baru dan sekarang ini kita hendak guna pakai perkara tersebut seperti yang saya bentang tadi. Terutama dalam soal award. Soal penyeragaman undang-undang.

Dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin berkaitan tentang syarat-syarat kepada personel. Sebenarnya untuk kita dapat *safe seat*, dia ada 10 prinsipal selain daripada undang-undang yang diguna pakai, selain daripada kepercayaan, selain daripada kewibawaan mahkamah sebenarnya personel yang disebut itu juga termasuk dalam prinsip yang diberikan penekanan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin. Ini kerana apa yang sedang berlaku hari ini banyak syarikat luar melabur dalam negara kita dan sudah tentu orang yang melabur ini inginkan keuntungan.

Keyakinan kepada tempat melabur supaya pelaburan dia itu tidak hilang sudah tentu mempengaruhi keputusan mereka. Malaysia memang sedang menerima begitu banyak pelaburan. Cuma, tanpa pindaan ini kita khuatir dia akan pergi ke Singapura atau Hong Kong. Walhal, kita mempunyai kepakaran dan saya boleh nyatakan di Dewan ini bersama kita di Dewan adalah Datuk Profesor Sundra Rajoo. Seorang yang saya sangat di hormati dalam bidang *arbitration* ataupun timbang tara ini, menulis buku yang tebal merupakan direktur kepada AIAC kita. Saya percaya dengan pindaan ini apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator itu akan dipenuhi. Satu orang yang hebat.

Kedua, tentang penetapan kos. Oh, sebelum itu. Kita guna pakai juga perkara yang digunakan di Singapura dan Hong Kong dalam penetapan personel dalam kelayakannya. Kedua, dibangkitkan tentang adakah kerajaan menetapkan secara jelas kos berkaitan prosiding. Suka saya nyatakan bahawa kos yang terlibat adalah di bawah kaedah-kaedah timbang tara. Kos yang terlibat adalah bersifat pentadbiran dan sebenarnya tidak boleh di kawal. Ini kerana seperti yang saya nyatakan tadi, pihak yang bertelingkah dia bebas boleh menggunakan undang-undang yang mereka persetujui. Maklumlah kalau yang pertikai itu bukan syarikat daripada negara kita dia ada *preference* dia sendiri. Kita telah pun memberikan hak kepada pihak yang bertikai untuk menentukan perkara tersebut.

Akan tetapi, kos yang kita tetapkan adalah yang saya nyatakan tadi. Kos pentadbiran untuk memilih Malaysia sebagai tempat untuk mereka memilih melakukan timbang tara lebih rendah pastinya. Kalau dibandingkan dengan negara-negara lain. Akan tetapi, kos kepada

pertikaian itu macam di mahkamah ada bidang kuasa dan timbang tara antarabangsa ini juga ada bidang kuasanya sendiri.

Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali mengenai tentang elektronik. Sebenarnya, elektronik ini adalah satu perkara baru yang kita masukkan berikutan ledakan penggunaan platform-platform elektronik dalam urusan. Jadi, penerima pakai platform elektronik ini adalah untuk kita kembangkan bidang kuasa tersebut dan sudah tentu sekali lagi dia tertakluk kepada pihak yang bertikai. Jadi, penerimaan aplikasi contoh macam *WhatsApp*, *Telegram* juga termasuk dalam seksyen 9 yang dinyatakan tadi sebagai salah satu inisiatif tambahan kepada meningkatkan kemampuan dan keupayaan satu-satu timbang tara untuk menyelesaikan satu-satu pertikaian.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Senator yang memberi sokongan kepada pindaan ini. Moga-moga negara kita dapat terus bersaing dalam menetapkan hab timbang tara Malaysia antara yang terbaik di rantau ini dan di dunia. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Razali bin Ibrahim yang menjawab dengan terang dan nyata. Sekarang, Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

***[Fasal-fasal 1 hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki) dan diluluskan]*

■1210

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PENCEGAHAN  
RASUAH MALAYSIA (PINDAAN) 2018****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****12.10 tgh.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat antarabangsa menggesa supaya inisiatif pencegahan rasuah turut difokuskan kepada kedua-dua sektor awam dan swasta supaya ia bukan sahaja meliputi seorang individu ataupun *natural person* sahaja tetapi ia juga menjangkau entiti komersial yakni *legal person*. Senada dengan trend tersebut *Internal Organization for Standardization* (ISO) telah mengeluarkan garis panduan ISO 37001:2016 mengenai *anti-bribery management system* untuk membantu organisasi-organisasi di seluruh dunia dalam mewujudkan langkah-langkah pencegahan rasuah.

Justeru, peruntukkan seksyen 17A ini adalah menepati obligasi terhadap Artikel 26 dalam perjanjian *United Nations Convention Against Corruption* (UNCAC) yang ditandatangani oleh Malaysia pada tahun 2003. Perjanjian kerjasama Komprehensif dan Progresif Trans-Pacific (CPTPP) yang ditandatangani oleh kerajaan pada 8 Mac 2018 juga mengehendaki pematuhan Malaysia terhadap obligasi UNCAC itu. Inisiatif untuk mengadakan peruntukan baharu seksyen 17A ini sebenarnya telah dimulakan semenjak tahun 2012 lagi. Sebagaimana yang telah diperjelaskan dalam *Government Transformation Programme 2.0*, rata-rata rakyat melihat *grand corruption* sebagai satu isu mendesak yang sangat perlu disegerakan penyelesaiannya.

Justeru, keutamaan untuk memasukkan seksyen baharu 17A dalam Akta SPRM 2009 ini sememangnya sesuatu yang dijangka dan dinantikan pelaksanaannya. Dengan sasaran untuk menyuburkan amalan perniagaan dan komersial yang sihat dan yang bebas daripada rasuah sudah tentu ia dapat memangkin persaingan yang setara dan adil di kalangan penggiat ekonomi di negara ini. Maka, peruntukan ini adalah sangat penting dalam kerangka untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi. Menyedari kepentingan peruntukan ini, pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai badan kawal selia Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2016 turut tiada halangan terhadap cadangan peruntukan baharu 17A.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan seksyen 17A bukanlah suatu perkara baru. Syarikat-syarikat di Malaysia sebenarnya telah pun diperkenalkan dengan konsep *liability corporate* sejak tahun 2011 melalui pelaksanaan *Corporate Integrity Pledge* di bawah kerangka *Corporate Integrity System* yang didukung oleh Institut Integriti Malaysia, *Transparency International Malaysia*, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia Berhad dan SPRM sendiri.

Peruntukan yang dicadangkan ini juga diharap akan dapat memberi keadilan kepada masyarakat dengan mempertanggungjawabkan kedua-dua pihak organisasi komersial dan juga orang-orang yang bersekutu dengan sesuatu organisasi komersial itu untuk sama-sama melaksanakan dan bertindak dalam mencegah dan menolak amalan rasuah ini. Pihak-pihak yang berkepentingan tidak perlu gusar kerana cadangan peruntukan baharu seksyen 17A mengenai kesalahan oleh organisasi komersial ini kerana seksyen tersebut mengadakan peruntukan pembelaan kepada pihak organisasi komersial.

Organisasi komersial boleh membela diri dengan membuktikan bahawa ia telah mempunyai tatacara yang mencukupi dalam bahasa Inggeris, *adequate procedures* untuk menghalang mana-mana orang yang bersekutu dengannya daripada melakukan sesesuai perbuatan rasuah yang dinyatakan. Satu garis panduan Menteri juga akan dikeluarkan bagi menjelaskan mengenai tatacara yang mencukupi itu. Dalam masa yang sama, peruntukan ini akan hanya dikuatkuasakan dalam tempoh dua tahun selepas rang undang-undang ini diluluskan. Ia bagi tujuan untuk memberi masa yang mencukupi kepada organisasi komersial bagi mengadakan tatacara pencegahan rasuah dalam organisasi masing-masing.

Rang undang-undang yang dicadangkan ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Akta 694 yang maksud utama pindaan ini adalah untuk memasukkan seksyen baharu 17A ke dalam Akta 694 ini, dalam fasal 4 rang undang-undang yang memperuntukkan bahawa suatu organisasi komersial melakukan suatu kesalahan jika mana-mana orang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu melakukan rasuah untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah untuk organisasi komersial itu.

Tujuan peruntukan baharu ini adalah untuk menggalakkan perniagaan dan aktiviti komersial dijalankan dalam keadaan yang bebas daripada rasuah dan menggalakkan semua organisasi komersial untuk mengambil langkah mencukupi untuk mencegah rasuah di dalam organisasi masing-masing. Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, izinkan saya untuk menjelaskan 11 fasal yang terkandung dalam rang undang-undang ini.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminta seksyen 3 Akta 694 dengan memotong takrif “bank” dan menggantikan takrif “institusi kewangan”. Tujuan pindaan ini adalah untuk mengemas kini dan memperluaskan skop takrif institusi kewangan supaya meliputi semua institusi yang ditubuhkan di bawah undang-undang yang berkaitan. Pada masa ini takrif institusi kewangan hanya terhad kepada orang yang menjalankan syarikat perniagaan perbankan ataupun kewangan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*]. Kemudiannya pindaan berbangkit dibuat kepada subseksyen 33(4) dalam fasal 6, seksyen 35 dalam fasal 7, perenggan 36 (1)(c) dalam subfasal 8(a) dan seksyen 37, dalam subfasal 9(a).

Ketiga, fasal 3 dan 10 bertujuan untuk meminda perenggan 17(b) dan subseksyen 38(1) masing-masing teks Bahasa Kebangsaan Akta 694 untuk menjadikannya selaras dengan teks bahasa Inggeris manakala Perenggan 8(b)(ii) bertujuan untuk meminda subseksyen 36(3) teks bahasa Inggeris Akta 694 untuk menjadikannya selaras dengan teks Bahasa Kebangsaan.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 17A ke dalam Akta 694 untuk memperkukuhkan bahawa sesuatu organisasi komersial melakukan suatu kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu secara rasuah memberikan, bersetuju memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang apa-apa suapan sama ada bagi manfaat orang itu atau orang lain dengan maksud untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan untuk organisasi komersial itu atau untuk memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan untuk organisasi komersial itu.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 30 Akta 694. Subfasal 5(a) bertujuan untuk memotong subseksyen 30(7), Akta 694. Dengan pemotongan subseksyen 30(7) seseorang yang mendedahkan apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa buku, dokumen, rekod, akaun, data berkomputer atau barang, menurut subseksyen 30(1), (2), dan (3), Akta 694 tidak lagi kebal daripada mana-mana pendakwaan prosiding atau tuntutan.

Subfasal 5(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 30(8), Akta 694 untuk menjelaskan bahawa mana-mana pegawai suruhanjaya boleh merekodkan kenyataan yang dibuat oleh seseorang yang diperiksa di bawah subseksyen 30(1)(a), Akta 694.

Keenam, subfasal 8(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 36(3), Akta 694.

#### ■1220

Perenggan 8(b)(i) bertujuan untuk meminda subseksyen 36(3), Akta 694 untuk memperuntukkan bahawa pegawai suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya dan yang lebih

tinggi boleh mengarahkan mana-mana orang yang kepadanya telah disampaikan notis bertulis di bawah subseksyen 36(1) untuk memberikan pernyataan dengan bersumpah atau berikrar yang menjelaskan bagaimana dia dapat mempunyai, memiliki, mengawal atau memegang apa-apa kepentingan dalam apa-apa harta yang berlebih-lebihan. Sebelum pindaan ini dicadangkan, subseksyen 36(3), Akta 694 hanya terpakai bagi seorang penjawat awam.

Ketujuh- subfasal 9(b) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu (IA) ke dalam seksyen 37, Akta 694 untuk memperuntukkan bahawa pegawai suruhanjaya yang melaksanakan sesuatu penyitaan di bawah seksyen ini hendaklah segera memberitahu Bank Negara Malaysia Suruhanjaya Sekuriti atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan mengenai mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen 37(1), Akta 694.

Kelapan- fasal 11 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 41A ke dalam Akta 694 untuk membolehkan apa-apa dokumen atau apa-apa salinan dokumen yang diperoleh oleh Suruhanjaya diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta 694.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira dan ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta meminda Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Perbahasan dan saya minta- *list* saya ini, saya minta Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun. Sila.

## 12.22 tgh.

**Dato' Indera Hoh Khai Mun:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018. Hanya beberapa perkara yang saya ingin berkaitan secara ringkas sahaja bersama beberapa persoalan yang berkaitan isu rasuah dan integriti.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diketahui umum di Dewan ini, pengenalan seksyen baharu 17A dalam rang undang-undang-undang adalah untuk meningkatkan pematuhan syarikat korporat tempatan dan asing serta *government-linked company* melaksanakan langkah

penencegahan dan latihan kesedaran mengenai rasuah secara serius kepada pekerjaanya. Langkah ini amat baik dan merupakan satu lagi lonjakan usaha daripada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk memerangi rasuah iaitu memastikan *corporate also liability for any forms of corruption*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu, sebelum pengenalan seksyen baharu 17A ini, SPRM hendaklah mengemukakan langkah Integriti PAC, dengan izin, untuk memastikan pematuhan syarikat korporat tempatan dan asing serta *government-linked company* untuk isu rasuah. Dengan itu saya ingin mengetahui daripada SPRM, sejak pengenalan Integriti PAC ini, berapakah banyak syarikat korporat tempatan dan asing serta *government-linked company* daripada Kerajaan Pusat atau daripada kerajaan negeri yang telah mengadaptasikan Integriti PAC, dengan izin?

Tuan Yang di-Pertua, saya membuat satu andaian awal bahawa pengenalan Integriti PAC dengan izin, pada masa ini masih mengalami kekangan dalam mengatasi gejala rasuah kerana ia adalah berdasarkan kepada kesukarelaan syarikat korporat tempatan dan asing serta *government-linked company*. Maka, seksyen baharu 17A dalam rang undang-undang yang akan dikuatkuasakan oleh kerajaan nanti sebagai pelengkap kepada Integriti PAC. Berkemungkinan juga akan timbul keluhan daripada syarikat korporat tempatan dan asing serta *government-linked company* untuk mengadaptasikan Integriti PAC dengan seksyen baharu 17A. Kemungkinan, adakah dengan pengenalan seksyen baharu 17A ini, pematuhan integriti oleh syarikat korporat tempatan dan asing serta *government-linked company* akan meningkatkan juga prestasi dan apakah perkembangan mengenai SPRM yang ingin memperkenalkan suatu akta asing yang telah dikatakan oleh SPRM tahun lepas iaitu *corporate liability law*, dengan izin?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi situasi yang akan timbul persoalan berikutan pengenalan seksyen baharu 17A ini iaitu adakah penguatkuasaan hanya tertakluk kepada SPRM sahaja atau merangkumi agensi kerajaan lain seperti Bank Negara? Ini adalah penting kerana peranan Bank Negara sebagai badan pemantau akan lebih cepat dan berkesan untuk mengidentifikasikan sebuah syarikat korporat sama ada syarikat tersebut terlibat dalam rasuah atau tidak. Maka pengenalan akta asing mungkin akan mempertingkatkan usaha membanteras isu rasuah.

Secara umum, kita tidak boleh mengabaikan hakikat bahawa kerja dan tugas SPRM adalah lebih berkesan melalui bantuan media kerana pihak media membawa usaha SPRM kepada kesedaran awam. Ia telah dilaporkan secara meluas tahun lepas bahawa SPRM akan mendakwa sekurang-kurangnya satu kes seminggu. Walaupun telah banyak kes dilaporkan di



media, tetapi apakah pencapaian kes rasuah yang berjaya didakwa berbanding dengan sasaran yang telah ditetapkan oleh SPRM?

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kuasa pendakwaan kes ke mahkamah berada di tangan pendakwa raya awam iaitu Jabatan Peguam Negara yang merupakan jabatan di bawah Pejabat Perdana Menteri memandangkan tugas SPRM itu sepatutnya bebas daripada mana-mana bentuk kecenderungan kepada mana-mana sebelah pihak, adakah bidang kuasa SPRM dimandatkan ketika kes rasuah dibawa ke peringkat pendakwaan? Adakah agar kesaksamaan dan kecekapan kes rasuah dapat diselesaikan secara cepat?

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pendakwaan hanya boleh dilaksanakan selepas kelulusan diberikan oleh Peguam Negara, ia adalah penting bahawa SPRM diberikan kuasa ini untuk memastikan pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai dalam Pejabat Perdana Menteri dan kementerian lain dipantau oleh SPRM dengan layanan yang adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat sesetengah pihak telah menyeru pihak kerajaan untuk mempertingkatkan penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (*Independent Police Complaints and Misconduct Commission*), dengan izin sebagai langkah memperkasakan SPRM untuk memerangi rasuah, maka saya ingin mendapatkan pendirian kerajaan mengenai langkah ini serta adakah kerajaan telah mendapatkan tinjauan pendapat daripada pihak berkepentingan atau *stakeholders* dengan izin seperti pihak Polis Diraja, pihak angkatan tentera, masyarakat dan sebagainya?

#### ■1230

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu mengenai *certified integrity officer* yang telah dikeluarkan daripada semua kementerian, maka adalah perlu bagi pihak SPRM dan kerajaan untuk memperjelaskan secara terperinci apakah sebabnya dan justifikasi seramai 47 pegawai integriti bertauliah ataupun *certified integrity officers* telah dikeluarkan dari kementerian-kementerian atau agensi-agensi kerajaan yang telah ditugaskan sebagai pemantau. Tanpa penempatan pegawai integriti bertauliah ini, apakah langkah yang telah di mitigasi bagi peranan pegawai integriti yang bertauliah ini? Usaha memerangi rasuah seharusnya dilakukan secara dalaman dan juga luaran bagi memastikan sasaran memerangi rasuah negara kita tercapai. Maka, dengan ini saya menyokong pindaan tersebut. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar. Silakan.

**12.31 tgh.**

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas peluang membahaskan pindaan ini. Sebenarnya kalau kita rujuk kepada sejarah latar belakang SPRM, SPRM telah menghadapi banyak perubahan sejak ia ditubuhkan. Dulu badan ini dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR) kemudian diubah menjadi SPRM.

Akan tetapi yang penting bagi kita semua sebagai warganegara Malaysia rakyat negara ini, adakah perubahan-perubahan yang diadakan melalui perubahan dari segi *statutes*, undang-undang ini memberi imej baik ataupun meningkatkan keberkesanan SPRM itu? Ini merupakan satu perkara yang masih dipertikaikan. Misalnya, *you can change the name, but you cannot change the performance*. Itu yang jadi masalah.

Walaupun kita difahamkanlah bahawa sejak kebelakangan ini SPRM telah bertindak dengan lebih agresif. Ini saya sendiri mengaku ya, lebih agresif untuk membendung kegiatan rasuah di negara ini. Malangnya, dari segi penilaian *Transparency International Corruption Perception Index*, kedudukan SPRM telah merosot iaitu jatuh daripada 55 kepada 60 daripada 180 negara, dengan penurunan dua mata iaitu daripada 49 kepada 47. Dalam ASEAN, Malaysia berada di tempat ketiga, selepas Singapura dan Brunei.

Imej ini memang tidak elok dan harus diperbaiki dengan cepat. Walaupun bagi sayalah, SPRM itu memang bekerja bersungguh-sungguh untuk membendung rasuah. Akan tetapi cadangan Ketua Pesuruhjaya SPRM- Tan Sri Dzulkifli Ahmad, bahawa kerajaan sendiri harus mempunyai indeksnya sendiri. Bagi sayalah, tidak masuk akal kerana orang ramai sudah pasti akan mempersoalkan keikhlasan mana-mana badan yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk memantau prestasi serta keberkesanan SPRM.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah menggunakan pendekatan yang lain untuk menilai prestasi serta keberkesanan SPRM dan menentukan bahawa SPRM itu benar-benar dapat mencapai matlamatnya untuk membendung gejala rasuah di negara Malaysia. Sebenarnya, langkah-langkah yang saya hendak cadangkan di sini, di Dewan yang mulia ini bukan cadangan-cadangan yang luar biasa ataupun tidak boleh dilaksanakan. Jika kita rujuk sahaja kepada *Hansard*, cadangan-cadangan yang saya hendak mengemukakan di sini pernah dicadangkan beberapa kali oleh Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan Rakyat dan juga Dewan *Senate*.

Pertama, SPRM haruslah berdiri sendiri sebagai suatu badan yang bebas, bebas daripada *the Prime Minister's Office*. Apa sebabnya? Kita mendapati bahawa negara-negara di mana badan atau agensi mencegah rasuah terletak di bawah kawalan atau arahan *the Prime Minister's Office* ataupun Presiden seperti apa yang didapati di Filipina pada zaman Ferdinand

Marcos, maka badan atau agensi mencegah rasuah itu tidak akan berkesan langsung. Apa lagi kalau kita rujuk kepada negara-negara di Afrika ini, di mana badan mencegah rasuah itu diletak di bawah agensi *Prime Minister*. Sebaik sahaja *Prime Minister* itu menjadi *crime minister*, maka keberkesanan badan pencegah rasuah itu tidak bermakna lagi.

Kedua, SPRM haruslah melaporkan kegiatan serta keberkesanannya membendung rasuah dalam negara kepada Parlimen. Ini badan disinilah, Parlimen sebenarnya yang harus menilai keberkesanan SPRM. Parlimen harus diberi mandat untuk memantau dan menilai prestasi SPRM.

Ketiga, usaha SPRM untuk membendung gejala rasuah dalam usahanya, badan ini mesti bertindak secara ikhlas dan jujur. Sesiapa yang terlibat dalam rasuah harus diberkas dan dihadapkan di mahkamah tanpa mengambil kira kedudukan atau pangkat individu itu.

Keempat, SPRM mesti diberi kuasa untuk memulakan tindakan mahkamah ke atas sesiapa pun ataupun mana-mana pihak atau badan yang dibuktikan terlibat dalam kegiatan rasuah tanpa merujuk kepada *Attorney General*. Penting kalau *Attorney General* itu pelantikan politik, *political appointment*, maka sudah pastilah SPRM itu akan menghadapi halangan-halangan atau rintangan dalam usahanya untuk menjalankan tugasnya dengan elok.

Tuan Yang di-Pertua, lebih elok SPRM menyiasat kes-kes rasuah secara ikhlas dan jujur, khususnya kes-kes rasuah di mana pemimpin-pemimpin negara dituduh terlibat dalam rasuah, daripada berdiam diri dan hanya perhatikan siasatan-siasatan yang dilakukan di Amerika Syarikat, Switzerland, Singapura dan juga negara yang paling kecil di Eropah, Luxembourg.

Jika kita rujuk kepada huraian rang undang-undang ini kita mendapati tujuan utama pindaan ini ialah untuk bertindak terhadap mana-mana organisasi komersial yang melakukan sesuatu kesalahan. Jika mana-mana orang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu melakukan rasuah untuk memperoleh dan mengekalkan perniagaan atau faedah untuk organisasi komersial itu.

Oleh sebab itu, saya ingin tanya, ini saya dapat baca daripada surat khabar-surat khabar. Menurut *Wall Street Journal*, *SRC International* telah menandatangani RM40 juta dalam akaun peribadi Perdana Menteri sebab satu pinjaman sebanyak RM4 bilion dipinjamkan kepada *SRC International Sdn Bhd*. Peguam Negara dalam kenyataannya yang diterbitkan oleh *Free Malaysia Today* menjelaskan bahawa Perdana Menteri tidak bersalah. Kenapa? *Because*, dengan izin, *he did not solicit any gratification for any party*. Baik, saya terimalah alasan ini, saya tidak mahu mempertikaikan perkara ini.

Saya hendak cadangkan- baiklah kita terima ini. Akan tetapi apa sebabnya *SRC International* mendepositkan wang itu ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri? Kenapa tindakan terhadap pegawai-pegawai *SRC International Sdn. Bhd.* ini yang telah pindah wang itu seolah-olah itu macam itu wang mereka sendiri ke akaun Perdana Menteri? Apa sebabnya sampai hari ini tindakan tidak diambil terhadap mereka? Saya timbulkan soalan ini kerana saya hendak tegaskan bahawa mungkinlah dengan cara tidak memihak kepada mana-mana pihak dalam siasatan yang dijalankan oleh SPRM, mungkinlah imej negara ini dapat diperbaiki. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar. Ketiga, saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Silakan.

■1240

12.40 tgh.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri dan para pegawai SPRM kerana berjaya membentangkan pindaan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 ini dengan menambah baik beberapa peruntukan-peruntukan undang-undang agar mekanisme perundangan untuk mengekang gejala rasuah di kalangan masyarakat tidak terus menjadi masalah utama negara.

Pada pandangan saya, kerajaan perlu menyepadukan usaha dan rangkaian set undang-undang pelengkap kepada SPRM agar pertumbuhan dan perkembangan ekonomi semasa dan kemahiran kompleks perbuatan rasuah dan gejala tidak berintegriti dapat ditangani dengan baik dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan ini, seksyen baharu 17A dimasukkan bagi mengambil kira perbuatan rasuah dan kesalahan yang dilakukan oleh organisasi komersial. Saya menyambut baik langkah ini kerana kepesatan pasaran global dan setempat dan peningkatan persaingan menjadikan gejala rasuah yang dilakukan oleh institusi komersial lebih rancak dan semakin bertambah.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, pada perenggan seksyen 17A(8)(d), apakah institusi perkongsian komersial seperti koperasi tidak diambil kira bagi diambil tindakan sama dalam peruntukan pindaan ini? Sejauh manakah akses dan bidang kuasa yang boleh dibuat sekiranya sebahagian entiti perkongsian yang melakukan kesalahan jenayah rasuah dimiliki oleh

orang bukan pemastautin yang mendaftarkan perniagaan mereka di luar negara dan adanya kekangan apabila SPRM ingin memulakan prosiding siasatan?

Tuan Yang di-Pertua, gejala rasuah yang berlaku dalam masyarakat kita dan institusi awam banyak melibatkan gejala rasuah di kalangan anggota dan pegawai agensi penguat kuasa. Justeru, fokus berkesan dan efektif perlu diberikan kepada agensi penguat kuasa agar ketenteraman negara, kedaulatan negara dan keselamatan rakyat dipelihara.

Justeru, saya ingin mendapat penjelasan dari SPRM berhubung, pertama, berapakah bilangan jabatan dan agensi penguat kuasa kerajaan yang sudah pun melaksanakan IBR ataupun Ikrar Bebas Rasuah sebagaimana ketetapan yang dibuat oleh SPRM kini?

Kedua, bagaimanakah SPRM menangani persepsi rakyat tentang kes-kes tangkapan reman untuk siasatan rasuah di kalangan pegawai kanan agensi penguat kuasa tetapi gagal diambil tindakan secara pentadbiran oleh pihak pengurusan tertinggi pentadbiran agensi penguat kuasa tersebut?

Ini kerana terdapat satu kes rasuah yang berlaku pada November 2017 di selatan tanah air yang mendapat liputan meluas akhbar dan media televisyen. Jabatan penguat kuasa tersebut hanya memindahkan sekejap sahaja pegawai kanan kumpulan pengurusan tertinggi ke ibu pejabat di Putrajaya. Akan tetapi atas sebab rayuannya, pegawai ini sudah dipindahkan semula ke pejabat asal mereka pada Januari lalu.

Isu ini menimbulkan keraguan di pihak awam kerana apabila pemindahan semula pegawai yang telah disiasat dan direman rasuah ini, orang awam bimbang pegawai penguat kuasa ini menggunakan kuasa yang ada pada mereka untuk membalas dendam kepada suspek-suspek yang disasarkan terlibat dalam melaporkan kesalahan rasuah mereka.

Justeru, saya mohon agar SPRM di setiap negeri menjejaki semula personel-personel penguat kuasa yang telah direman dan disiasat SPRM agar dipindahkan bagi menepis persepsi negatif rakyat dan memastikan pencegahan rasuah dapat dilakukan sebaik mungkin.

Saya juga memohon penjelasan dari SPRM tentang berapakah kes-kes siasatan rasuah yang disiasat oleh SPRM sehingga tahun 2018 dan berapakah bilangan yang telah didakwa dan menunggu untuk pendakwaan serta berapa lamakah masa yang diperlukan oleh Pejabat Peguam Negara untuk membolehkan SPRM membuat pendakwaan?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian SPRM tentang kemunculan mata wang digital atau *Bitcoin* yang telah mendominasi pasaran di dalam media sosial dan zon pasaran digital. Soalan saya kepada SPRM, sejauh manakah undang-undang SPRM dan akta yang dikuatkuasakan oleh SPRM dapat mencegah perlakuan jenayah menggunakan platform mata

wang digital ini di kalangan rakyat Malaysia? Bagaimanakah cara dan akses yang boleh dilakukan oleh SPRM dalam merentas masuk saluran komunikasi media sosial agar gejala rasuah dapat ditangani dengan baik?

Saya menyokong rang undang-undang ini bagi meminda Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan diharap semoga dengan pindaan ini, gejala rasuah dapat dihapuskan di kalangan masyarakat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Rahimah. Sudah tiga orang yang ambil bahagian dalam perbahasan ini. Ada lagi? Tidak ada ya. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab. Dipersilakan.

**12.46 tgh.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Razali bin Ibrahim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah berbahas kepada hasrat pindaan yang dikemukakan.

Sebelum itu, saya ingin menarik perhatian sebab tadi perbahasan itu macam bahas keseluruhan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah. Saya hendak tarik. Saya akan jawab- bukan sebahagian- semua yang dibangkitkan itu tapi saya hendak beritahu terima kasih kerana menyokong.

Yang Berhormat Senator Khai ya, yang kita bentangkan ini adalah apa yang disebut sebagai tanggungan korporat, *corporate liability*. Sebenarnya kita sudah bincang ini lama. Dalam beberapa pentas antarabangsa pun kita beritahu bahawa Malaysia sudah hendak masuk fasa ketiga. Peringkat awal kita memberi tumpuan kepada penjawat awam kerana dia menjaga dana awam. Kemudian kita pergi kepada GLC, anak-anak syarikat kerajaan. Sekarang kita hendak pergi kepada syarikat swasta.

Maknanya semua syarikat yang berdaftar dalam negara kita, seperti yang dilaksanakan di negara-negara luar, juga akan bertanggungjawab di atas *conduct* wakil mereka. Kalau dalam kes tort, kita boleh dengar dari segi macam *vicarious liabilities*. Maknanya apa yang dibuat oleh *employee*, *employer* juga terkait. Jadi itu sahaja perkara yang kita hasratkan dalam pindaan ini selain beberapa perkara pentadbiran yang berkaitan dengannya.

Namun begitu, Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan beberapa perkara menarik yang kalau dibiarkan begitu sahaja seolah-olah kita tidak dapat menunjukkan bahawa kita memang serius. Syarikat korporat yang telah menandatangani integriti CPI atau *Corporate Integrity Pledge* itu sebanyak 1,119 yang telah pun menandatangani sebelum ini.

Keduanya, saya setuju dengan Yang Berhormat tentang peranan media dalam memaklumkan. Cumanya, saya lebih berminat untuk kita memberi penekanan dalam apa yang dulu dipanggil IIM atau Institut Integriti Malaysia dan sekarang ini dipanggil INTEGRITI dalam memberikan pendidikan soal-soal *values* yang baik.

SPRM juga ada program-program pendidikan di universiti dan juga di sekolah. Seperti juga kita mengajar anak-anak kita dari kecil bahaya dadah, kita juga merasakan bahawa ia mesti bermula daripada peringkat sekolah. Jadi pendidikan sebenarnya lebih baik kepada saya walaupun menghormati media- kadang-kadang media ini dia lapor atau dia *judge* satu perkara itu terlebih awal sehinggakan perkara-perkara persepsi yang tidak sepatutnya berlaku, orang itu sudah dihukum.

■1250

Jadi pada saya pendidikan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Dato' Hou adalah lebih baik kita mulakan di peringkat pendidikan yang memang sudah ada sama ada di bawah SPRM sendiri ataupun agensi-agensi berkaitan di bawah kerajaan seperti integriti yang saya nyatakan tadi. Kemudian bertanyakan juga tentang sasaran pendakwaan. Yang Berhormat, kerja kita untuk mencegah rasuah ini kita sebenarnya tidak menitik beratkan berapa banyak yang kita dakwa sebab itu kita panggil Suruhanjaya Pencegahan.

Kita tidak boleh bangga kalau banyak kita dakwa ini itu maksud ia. Jadi pendakwaan ini bukan perkara yang kita hendak banggakan. Sebenarnya kita juga perlu berlaku adil ada kes intensiti siasatan itu lama ada sedikit, sebab itu kalau statistik yang bangkit tentang kes saya boleh bagi secara bertulis tetapi jangan ingat itu pencapaian. Ini kerana ada kes yang mula disiasat tahun 2014 hanya boleh didakwa pada tahun 2018. Ada kes yang disiasat bermula tahun 2016, tahun 2017 sudah didakwa ia bergantung kepada intensiti dan kita kalau dakwa kita hendak menang.

Jadi kita akan memastikan siasatan itu lengkap dalam undang-undang ia ada *justice delayed, justice denied, justice hurried, justice burried*. Maknanya kita tidak boleh terlalu nak cepat atau kita melengah-lengahkan seperti yang dibangkitkan oleh sebahagian Yang Berhormat. Kemudian Yang Berhormat juga bangkit tentang kuasa mendakwa. Sebenarnya Yang Berhormat, tidak ada mana-mana badan dalam dunia ini yang ada kuasa siasat dan dakwa.

Tadi Yang Berhormat Dr. Ariffin pun tanya sebenarnya di Dewan Rakyat lagi garang dia tanya tentang perkara ini. Jawapan saya yang saya bagi di Dewan Rakyat saya ulang di sinilah sebab sini semua *very calm and* baik-baik. Saya cakap dekat sana kalau kita bagi kuasa mendakwa kepada SPRM hari ini, Yang Berhormat juga akan bangun suatu hari nanti macam

mana ada satu badan boleh menyiasat dan mendakwa sebab dia sengaja cari benda yang asalnya tidak betul sahaja...

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Boleh saya celah?

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Celah.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Bagus. Kalau kita terima alasan ini ada sebab-sebab yang munasabah tidak mahu bagi kuasa kepada SPRM untuk mendakwa tetapi bagi saya satu cara untuk *check and balance* dalam proses. Ini ialah kalau SPRM itu bertanggungjawab kepada Parlimen tingkah laku mereka ini boleh dipersoalkan. Ini merupakan satu *check and balance* yang mereka tidak boleh bertindak sewenang-wenang. Sekian, terima kasih.

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Saya akan sampai situ Yang Berhormat. Saya tidak habis lagi tadi. Nanti orang petik saya macam tidak ada badan lain sebenarnya kalau tidak silap saya betulkan saya di Indonesia ada satu badan. Akan tetapi rata-rata tidak ada orang diberi kuasa penuh, boleh siasat, boleh dakwa. Akan tetapi ada satu kalau tidak silap saya di Indonesia lah sebab saya bukan apa, takut nanti sekarang ini zaman suka *spin spin* ini kan.

Jadi maknanya kita tak buat - tetapi kita ada pegawai daripada pejabat Peguam Negara yang dihantar untuk menjadi pegawai kita di SPRM supaya mereka ada pengkhususan untuk mengendalikan kes-kes rasuah sebab kita serius hendak memerangi rasuah. Jadi mereka ini ditempatkan di SPRM dan boleh membuat peranan semacam AG dan kita juga ada mahkamah khusus tentang rasuah. Makna ini antara keseriusan perkara-perkara yang dibangkit tentang hendak beri kuasa mendakwa. Yang Berhormat punya yang panjang nanti saya akan sampai, tetapi saya hendak selesaikan Yang Berhormat Dato' Hou dulu ya.

IPCMC kerajaan sudah buat lama sudah keputusan untuk tidak hanya *single out police* dan kita kena- saya tidak sepatutnya jawab yang inilah sebab tidak kena dengan rang undang-undang tetapi sebenarnya tidak adil untuk kita ada satu badan hanya untuk menyiasat polis sahaja. Akan tetapi apa yang kerajaan tawarkan adalah penubuhan EAIC ataupun SIAP, Suruhanjaya Agensi Penguat kuasa ini.

Maknanya semua penguat kuasa saya tidak ingat berapa jumlah yang ada sekarang saya rasa sudah termasuk 20 lebih termasuk PBT, kastam dan imigresen. Asal sahaja agensi itu ada berurusan dengan orang ramai dan mempunyai- ataupun dipanggil agensi penguat kuasa, mereka duduk bawah SIAP ini. Satu suruhanjaya juga macam Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, ada satu Suruhanjaya Agensi Penguat kuasa yang ditubuhkan termasuk polis.

Kedua, saya hendak sebut bila kita cakap fasal IPCMC kesalahan ini ia ada banyak ketidakpatuhan peraturan, ada juga kes polis, ada kes rasuah, ada tadbir urus. Jadi Suruhanjaya



Penguat kuasa ini memberi peluang kepada orang ramai mengadu apa juga perkara. Mana yang melibatkan polis dia bagi polis, mana yang melibatkan rasuah dia bagi kepada SPRM. Sebenarnya ada satu badan yang telah pun diwujudkan setara dan lebih besar tidak *single out police*, dengan izin, tetapi ia melibatkan pelbagai bentuk agensi penguat kuasa.

Kemudian 47 CEIO ini sebenarnya kita yang mula, CEIO ini ditempatkan terlatih kemudiannya kita ambil balik sebab ada penubuhan tentang unit integriti ini. Kita menubuhkan Jabatan Integriti Tadbir Urus Negara (JITN) daripada bahagian dinaikkan kepada sebuah jabatan, dekat situ kita buat penstrukturan dan kita perlukan pegawai-pegawai terlatih maka 47 orang ini akan ditempatkan di bawah- supaya ia tidak perlu kita belanja tambahan sebab orang ini pun memang ada dan dia pun sudah terlatih, *certified* jadi dia diserapkan kepada Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara.

Kemudian Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin beritahu tentang latar belakang BPR, SPRM. Saya cuma nak cakap beginilah ya. Tadi disebut tentang *Corruption Perception Index* (CPI) SPRM menurun atau merosot. Pertama saya nak betulkan. CPI ini tidak merujuk kepada SPRM. CPI ini ada 13, pertama begini. Jangan bandingkan CPI macam KDNK negara ia tidak boleh sebab negara yang dinilai tidak sama. Kita pernah duduk nombor 25 tidak silap saya, 23 tetapi yang dinilai negara hanya 60.

Sekarang ini kita turun sedikit katanya tetapi negara dinilai 100 lebih. Jadi kita tidak buat itu, pertama saya hendak beritahu dan dia dinilai oleh bukan badan *corruption*, bukan rasuah. Ia nilai tentang *ease in doing business*, *World Economic Forum*, Bank Dunia dan ia hanya melibatkan responden peniaga luar negara. Dia menilai ini nak beritahu adakah negara itu sesuai untuk kita labur sebab itu dipanggil persepsi rasuah.

Contohnya saya ambil paling mudah untuk kita faham. Kalau katakan hendak mohon lulus syarikat sampai sebulan, orang mulalah kata kenapa lama sangat. Akan tetapi kalau kita mohon hari ini *online* terus lulus petang sudah tentu peluang untuk berlaku rasuah itu kurang. Jadi peniaga luar suka, ini antara contoh barometer yang dibuat. Selepas itu *survey* ini dia ada 13, ada negara itu hanya di *survey* oleh dia mesti sekurang-kurangnya tiga untuk dia layak untuk dinilai.

Akan tetapi tiga daripada 13 ini mungkin berbeza-beza, yang buat penilaian untuk Malaysia tidak sama dengan Brunei, tidak sama dengan New Zealand dan sebagainya. Maka *it's not apple-to-apple comparison but* kita mengambil serius indeks-indeks ini sebagai hasrat untuk menambah baik dan kita harap perkara-perkara ini dapat memberi keyakinan pelabur untuk

datang. Saya pernah jawab di Dewan ini walaupun kedudukan kita itu sedikit menurun tetapi dari segi orang yakin dengan kita itu lebih baik daripada sesetengah negara yang *rankingnya* baik.

Jadi pada saya CPI ini adalah indikator untuk kita jadikan panduan dan saya setuju kalau kita ada indeks sendiri pun tidak ada kena mengena. Bila kita akses diri kita sendiri dan cerita mari datang ramai-ramai sebab kita ini baik, tidak ada rasuah. Jadi indeks ini pun pada saya bukan satu perkara yang kita hendak beritahu orang kita ini baik, akhirnya orang tidak datang juga. Jadi lebih baik orang luar menilai negara kita dan akhirnya pelabur boleh datang dan kita dapat kurangkan rasuah. Tentang cadangan satu, dua, tiga, empat, lima, SPRM perlu bebas. Kita memang bebas, Yang Berhormat, persepsi ini sudah berulang kali kalau hendak kita kira macam itu Parlimen ini bukan tidak bebas sebab Parlimen ini pun kalau perbelanjaan duduk bawah JPM.

Akan tetapi SPRM ini sebuah suruhanjaya yang *direct* bawah lantikan, bawah Agong. Cuma sistem kita ada dinasihati oleh Perdana Menteri. Akan tetapi bebasnya sebab ia ada lima jawatankuasa kalau saya boleh baca. Salah satunya JKMR yang ada parti politik kedua-ke dua negara, lepas itu ia ada jawatankuasa khas mengenai rasuah, Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Jawatankuasa Aduan, Panel Penilaian Operasi, Panel Perundingan. Mana-mana kes yang bawa tidak didakwa akan dimasukkan dalam penilaian PPO ini. Dia hendak tanya kenapa benda ini kalah, kenapa benda ini tidak bawa.

Maknanya sampai macam itu sekali tetapi ramai tidak minat, kita minat di luar tidak minat dia cuma fikir kenapa Perdana Menteri yang jahat ini tidak ditangkap. Ini semua persepsi yang dibuat yang tidak menguntungkan kita ini. Walhal semua benda itu telah pun dinilai dan ditimbang. PAC sudah beritahu sudah, kalau kes yang itulah tetapi *ICI Forex* beritahu memang betul salah tidak pula di panjang-panjangkan sebab apa? Sebab pada kita hal-hal yang berkaitan dengan ini biarlah badan yang menyiasat itu buat siasatan.

Kedua, ikhlas jujur saya tidak payah komen lah ya sebab kasihan dia orang ini memang ikhlas dengan jujur [*Ketawa*] Cuma kadang-kadang ikhlas, jujur ini subjektif. Kita ikhlas, kita balik kawasan hantar beras, ikhlas. Orang kata ikhlas apa masuk *Twitter*, susah. Jadi pada saya akhirnya kita dengan Tuhan lah. Saya dapati mereka memang sangat beretika sehinggakan bila dia terlalu agresif pun orang marah. Jadi cukup-cukuplah. Jadi bukan dia yang keluar dalam media, dia buat kerja sahaja. Ada laporan, surat layang pun dia layan tetapi mesti ada laporanlah. Lepas itu kes luar yang melibat- *sorry*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Seri, banyak lagi?

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Itulah saya kalau boleh hendak habiskan ini. Saya bagi yang ini lah ya. Kita hendak bacakan semua sempat? Jabatan Agensi Penguat kuasa, SRC saya tidak boleh sebut sebab tengah siasat. Kita ada satu dalam akta kita ini tidak bolehlah. Agensi Kerajaan Persekutuan yang telah- IBR ya, 962, kementerian 39, jabatan 537, agensi negeri 200, badan berkanun 186.

Selepas itu Yang Berhormat Datin Rahimah, koperasi tidak masuk. Saya beri yang spesifik dengan pindaan lah yang lain ini semua cerita sahaja ini. Makna koperasi tidak terlibat. Pemastautin sebenarnya akses ini kepada semualah. Kalau dia berdaftar di bawah negara kita dia itu siapa pun, dia masih tertakluk kepada undang-undang kita. Jabatan Kerajaan IBR saya sudah bagi. Persepsi selatan tanah air ini nanti saya jumpa Yang Berhormat lah. Yang Berhormat tidak sebut siapa orangnya. Saya takut saya tersalah cakap kes lain pula. Kalau main agak-agak selatan tanah air ini saya dari Johor.

Jadi orang itu pindah ke- ini nanti saya jumpa Yang Berhormat apa yang dimaksudkan, yang penting saya hendak beritahu tidak perlu timbul orang itu bila terlepas dia akan hukum sebab penjawat awam ini, kalau penjawat awamlah dia ada *General Order* yang dia kena patuhi dia tidak boleh senang-senang hukum orang dan lebih kurang itu sahajalah.

Tahun	Jumlah kertas siasatan
2013	976
2014	919
2015	982
2016	985
2017	863
2018	200 (setakat ini)

Nanti masuk dalam *Hansard* esok boleh tengok, laju saya baca itu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sekali lagi terima kasih dan kita harap selepas daripada rang undang-undang ini, dua tahun kita bagi untuk kita kukuhkan supaya syarikat-syarikat dalam negara kita bersedia dan sama-samalah kita beritahu antarabangsa bahawa Malaysia akan meletakkan tanggungjawab kepada memerangi rasuah ini bukan hanya kepada pekerja tetapi kepada syarikat di mana mereka bekerja dan sekutu-sekutunya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri telah menjawab dengan baik, licin dan padat. Saya hendak beritahu sekarang hari ini mungkin kita akhir kita punya persidangan dan saya nak cakap terus terang juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, sepanjang saya di sini saya rasa makin hari makin saya berilmu. Berilmu saya dapat banyak pengetahuan,

mana yang betul mana yang- rasa ilmu itu banyak didapati dan saya rasa bertuah kita di sini berhadapan dengan ahli-ahli yang bijaksana, Ahli Yang Berhormat.

Jika sekiranya ada tutur kata saya yang tidak betul saya mohon maaf. Bak kata pantun orang Melayu.

*Guruh berbunyi merata-rata,  
Kalau gelap pakailah pelita,  
Jika tersilap tutur kata,  
Jari disusun maaf dipinta... [Dewan tepuk]*

Jam pukul 1, Ahli Yang Berhormat sekarang saya tangguhkan mesyuarat hingga 2.30 petang. Sekian.

***[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.03 tengah hari]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]***

***[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]***

#### ■1430

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam sehati sejiwa, salam negara ku. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak sambung balik. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

***[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

***[Fasal-fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

***[Jadual diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN BOMBA (PINDAAN) 2018**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**2.36 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Yang Berhormat, Senator-senator yang saya hormati sekalian. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 ataupun Akta 341 adalah merupakan suatu perundangan yang menubuhkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ataupun singkatannya JBPM. Sejak Akta 341 ini diwartakan pada 9 Jun 1988 dan berkuat kuasa pada 1 September 1989, ia telah dipinda sebanyak dua kali oleh dewan yang mulia ini iaitu pada tahun 1991 dan pindaan yang terakhir ialah pada 1994.

Secara ringkasnya, Tuan Yang di-Pertua, pindaan pada tahun 1991 telah pun memperuntukkan berkenaan dengan penubuhan jawatankuasa kumpulan wang kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba. Manakala pindaan pada tahun 1994 adalah berkaitan pindaan untuk memperuntukkan mengenai pangkat pegawai bomba dalam jadual kedua dan penambahan seksyen baru mengenai kuasa ketua pengarah untuk mengeluarkan perintah atau suatu kegiatan dihentikan dalam kes-kes mendesak. Cadangan pindaan kepada akta 341 pada kali ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah melibatkan perkara-perkara berikut:

- (i) peruntukan bagi membolehkan pendaftaran dan kawal selia pengurusan pasukan bomba sukarela atau singkatannya PPBS diletakkan di bawah akta 341. Pada masa ini pendaftaran PPBS adalah tertakluk di bawah akta pertubuhan 1996 Akta 335;

- (ii) peruntukan bagi membolehkan organisasi keselamatan kebakaran atau singkatannya OKK. Ditubuhkan di premis ditetapkan bertujuan untuk menggalakkan penglibatan orang awam dalam mengambil langkah-langkah mencegah kebakaran peringkat awal di premis masing-masing; dan
- (iii) menambahbaikkan serta menjelaskan tugas dan kuasa pegawai bomba dan pegawai bomba bantuan atau singkatannya PBB dalam menyampaikan perkhidmatan kebombaanan kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, secara dasarnya penubuhan pasukan bomba sukarela ataupun PBS ini akan memberi faedah kepada rakyat, kerajaan dan PBS itu sendiri. Satu, untuk rakyat. Ia akan dapat memastikan penyampaian perkhidmatan dapat diberikan dengan lebih baik. Ini kerana pasukan bomba sukarela akan ditubuhkan di kawasan terpencil yang jauh daripada balai bomba dan penyelamat mengikut kepada kawasan jagaan atau, dengan izin, *fire cover* seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Dengan penetapan kawasan jagaan bagi setiap pasukan bomba sukarela, tindakan kepada insiden kebakaran di kawasan setempat dapat diambil dengan cepat.

Kedua, bagi kerajaan pula, ia akan dapat membantu mengurangkan kos operasi dan kos pembinaan balai bomba baru di kawasan tersebut. Ketiga, bagi pasukan bomba sukarela sendiri menerusi peralihan pendaftaran yang dicadangkan, pengurusan dan kawal selia PBS akan menjadi lebih tersusun dan berkesan. PBS yang didaftarkan di bawah Akta 341 kelak akan membawa identiti sebagai satu pasukan penyelamat dan pemadaman kebakaran.

#### ■1440

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan kecekapan dan kemahiran PBS, latihan berterusan akan diadakan. Di samping itu, kerajaan akan membantu PBS dalam pembinaan balai, pengurusan kewangan, peralatan perlindungan diri atau *personal protective equipment* dan kelengkapan lain. Kenderaan, balai dan kelengkapan sedia ada akan kekal menjadi milik pasukan PBS tersebut.

Dari segi sumber kewangan, PBS boleh mendapatkan peruntukan bagi tujuan pengurusan pasukan dan akan dipantau dari semasa ke semasa oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Perenggan 62(1)(d), Akta 341, Tuan Yang di-Pertua, memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan mengenai Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK). Dengan cadangan pindaan Akta 341 dan penubuhan OKK dalam rang

undang-undang ini, peraturan-peraturan akan dibuat dengan kadar yang segera supaya OKK dapat memberi perkhidmatan mencegah dan memadam kebakaran di premis yang ditetapkan.

Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, terdapat 8,154 buah premis ditetapkan atau, dengan izin, *designated premises* di seluruh negara menurut seksyen 27 akta.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, secara keseluruhannya, cadangan pindaan yang dikemukakan ini melibatkan 22 fasal. Rang undang-undang ini mencadangkan dua fasal berkaitan tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa serta peruntukan peralihan manakala 20 fasal lagi merupakan cadangan pindaan kepada peruntukan dalam Akta 341 seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 adalah berkenaan pindaan tajuk panjang dalam akta ibu agar perkhidmatan kebombaan ini dapat dijelaskan dengan lebih komprehensif. Selain itu, penyelarasan dan penambahbaikan juga dibuat terhadap tafsiran sedia ada.

Fasal 3 adalah berkenaan pindaan seksyen 2 Akta 341 untuk meminda beberapa takrif sedia ada dan memasukkan takrif baru.

Fasal 4 adalah berkenaan pindaan seksyen 3 Akta 341 untuk menstruktur semula perjawatan dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan seterusnya dengan menambah pangkat bagi Pasukan Bomba Sukarela dalam Jadual Kedua serta Menteri diberi kuasa untuk meminda Jadual Kedua tersebut melalui perintah yang diwartakan.

Fasal 5 adalah dengan meminda seksyen 4 Akta 341 bagi membolehkan Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menaikkan pangkat dan menamatkan pelantikan PBB ataupun pasukan bomba bantuan.

Fasal 6 adalah dengan menambah seksyen baru seperti berikut:

- (i) seksyen 4A mengenai pelantikan kenaikan pangkat dan pembatalan pelantikan PBS;
- (ii) seksyen 4B mengenai penubuhan Pasukan Bomba Sukarela di kawasan jagaan atau, dengan izin, *fire cover*;
- (iii) seksyen 4C mengenai tugas pendaftar, pelantikan timbalan pendaftar dan penolong pendaftar; dan
- (iv) seksyen 4D menyentuh tentang mekanisme rayuan oleh pegawai bomba bantuan dan Pasukan Bomba Sukarela yang ditamatkan perkhidmatan.

Fasal 7 adalah pindaan kepada seksyen 6 Akta 341 untuk menyeragam dan menyediakan pakaian serta tanda pangkat pasukan bomba sukarela.

Fasal 8 adalah dengan menambah seksyen baru seperti berikut:

- (i) seksyen 7A mengenai pengurniaan pingat atau pangkat kehormat kepada mana-mana orang yang berkeelayakan; dan
- (ii) seksyen 7B mengenai Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat boleh mengeluarkan suatu perintah tetap untuk kawalan am, arahan dan maklumat bagi tujuan pelaksanaan kuasa dan tugas pegawai bomba di bawah akta ini.

Fasal 9 adalah pindaan kepada seksyen 18, Akta 341 dengan membolehkan pegawai bomba bantuan menjalankan kuasa pegawai bomba semasa sesuatu kebakaran. Selain itu, pindaan ini memasukkan kuasa-kuasa tambahan seperti berikut:

- (i) perenggan (f) mengeluarkan atau mengarahkan perpindahan, bahan mudah terbakar, meletup atau bahan yang berbahaya yang terdapat di dalam dan sekitar premis semasa kebakaran;
- (ii) perenggan (g) menutup atau memutuskan atau memberi arahan untuk memutuskan bekalan gas, bahan api, bekalan elektrik atau mana-mana sumber bekalan tenaga yang terdapat di dalam atau berdekatan premis semasa kebakaran; dan
- (iii) perenggan (h) memindahkan mana-mana kenderaan atau objek yang menghalang operasi semasa kebakaran oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Fasal 10 adalah dengan menambah seksyen baru iaitu seksyen 18A mengenai kuasa pegawai bomba untuk meminta maklumat semasa menjalankan siasatan tentang kebakaran di bawah perenggan 5(1)(b), Akta 341.

Fasal 11 adalah pindaan kepada seksyen 20, Akta 341 untuk meluaskan perlindungan kepada Pasukan Bomba Sukarela atas apa-apa tindakan menuntut ganti rugi berkaitan dengan tugas di bawah Akta 341.

Fasal 12 adalah dengan menambah seksyen baru iaitu seksyen 27A mengenai penubuhan Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK) di premis yang ditetapkan atau, dengan izin, *designated premises*.

Fasal 13 adalah pindaan kepada subseksyen 29(4), Akta 341 dengan menggantikan perkataan "*Kemudahan keselamatan diri, pencegahan kebakaran, perlindungan dan menentang*



*kebakaran yang mencukupi mengikut mana-mana yang berkenaan”* kepada perkataan *“Kelengkapan menentang kebakaran atau perpasangan keselamatan kebakaran”* selaras dengan tafsiran dalam Akta 341.

Fasal 14 adalah pindaan kepada subseksyen 32(1), Akta 341) dengan menggantikan perkataan, *“Kemudahan keselamatan diri, pencegahan kebakaran, perlindungan dan menentang kebakaran mengikut mana-mana yang berkenaan”* kepada perkataan, *“Kelengkapan menentang kebakaran atau perpasangan keselamatan”* selaras dengan tafsiran dalam Akta 341. Pindaan juga dibuat pada seksyen 33, Akta 341 untuk menetapkan hukuman secara spesifik bagi kesalahan di bawah peruntukan tersebut.

Fasal 15 adalah pindaan kepada seksyen 33, Akta 341 untuk mengenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Fasal 16 adalah pindaan kepada seksyen 45, Akta 341 iaitu dengan menamakan orang yang dilantik oleh Menteri untuk menjalankan *inquiry* sebagai suatu Suruhanjaya Siasatan Kebakaran dan bagi menjelaskan maksud sebenar seksyen tersebut.

Fasal 17 adalah pindaan kepada seksyen 51, Akta 341 yang berbangkit daripada pengenalan Pasukan Bomba Sukarela (PBS) ke dalam Akta 341. Cadangan pindaan juga bertujuan untuk memperuntukkan hukuman yang spesifik bagi kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen tersebut.

Fasal 18 adalah pindaan kepada seksyen 56, Akta 341 dengan menetapkan secara spesifik hukuman bagi kesalahan memberikan atau menyebarkan maklumat palsu mengenai kebakaran atau kecemasan yang boleh menimbulkan panik terhadap orang awam. Pindaan ini bertujuan supaya pihak yang tidak dipertanggungjawabkan tentang sesuatu kebakaran atau kecemasan tidak menyampaikan maklumat yang boleh menjurus kepada penyampaian maklumat yang tidak tepat sehingga boleh membawa kepada timbulnya panik terhadap orang awam.

Fasal 19 adalah fasal untuk memasukkan seksyen baru 61A, ke dalam Akta 341 berkenaan kewajipan untuk memaklumkan jika berlakunya kebakaran ke atas premis, kenderaan atau *vesse/*, pemunya atau penghuni premis itu atau pemunya atau penghuni kenderaan atau *vesse/* hendaklah serta-merta memberitahu balai bomba yang terdekat. Peruntukan ini menetapkan supaya apa-apa kes kebakaran dapat dimaklumkan dengan segera kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Kegagalan memaklumkan kebakaran dengan segera boleh mengakibatkan kebakaran menjadi besar dan sukar dikawal.

Fasal 20 adalah pindaan kepada seksyen 62, Akta 341 dengan memberi kuasa kepada Menteri antara lainnya untuk menetapkan jumlah denda bagi kesalahan dalam peraturan sehingga RM10,000 dan tempoh pemenjaraan sehingga kepada tiga tahun.

■1450

Fasal 21 adalah penggantian Jadual Kedua Akta 341 bertujuan untuk menyusun semula pangkat pegawai Bomba, pegawai bomba bantuan (PBB) dan pasukan bomba sukarela (PBS). Fasal 22 adalah bagi mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan kepada akta yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sesungguhnya cadangan pindaan-pindaan yang saya bentangkan tadi adalah bertujuan untuk membolehkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia berfungsi dengan berkesan dan cekap bagi melindungi nyawa dan harta daripada risiko kebakaran, kecemasan dan tujuan-tujuan lain yang berkaitan dengannya. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique. Terima kasih banyak dan sekarang ada siapa-siapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Razali bin Ibrahim]:** Ya, saya sama juga menyokong bacaan yang kedua tersebut.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Perbahasan, saya jemput dulu Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Dipersilakan.

**2.52 ptg.**

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk berbahas Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018.

Saya dengan ini mengambil kesempatan untuk pertama kalinya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas pembentangan Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018 ini yang mana bagi saya akan membina satu landskap baharu dalam perkhidmatan Bomba Kebangsaan kerana legitimasi perundangan pasukan bomba sukarela dan pasukan bomba bantuan yang semestinya akan membantu perkhidmatan menyelamat yang lebih komprehensif.

Tuan Yang di-Pertua, kepentingan perkhidmatan bomba dalam masyarakat kini amat penting dan signifikan. Pertumbuhan pesat bandar-bandar dan kawasan perumahan baharu

memerlukan perkhidmatan bomba untuk bersiap-siaga melakukan kerja-kerja menyelamatkan, memadam kebakaran dan pelbagai kerja sosial lain sama ada di darat atau juga di sungai atau pun kolam. Dengan pindaan ini yang kita rasakan amat penting kerana ia akan memastikan bahawa pasukan bomba bantuan dan bomba sukarela dapat memberikan kerja-kerja bantuan dengan segera. Oleh itu saya memohon penjelasan daripada kerajaan tentang beberapa perkara.

Pertama ialah sejauh manakah insentif dan bagaimanakah peruntukan kewangan elaun sara diri dapat disalurkan kepada anggota dan pegawai bomba sukarela dan bomba bantuan apabila mereka didaftarkan mengikut peruntukan yang ada di dalam rang undang-undang ini? Kedua, apakah garis panduan perincian tata kelola dan tata amalan yang boleh diguna pakai ke atas bomba sukarela dan bomba bantuan agar masyarakat umum tidak terkeliru kerana pasukan bomba terbabit sama menguatkuasakan beberapa perundangan mengenai kelulusan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan seperti mana yang termaktub di bawah *Uniform Building By-Laws Acts* (UBBL) 1984.

Ketiganya, sejauh manakah komitmen kerajaan dan promosinya kepada orang awam untuk menarik minat bagi memasuki perkhidmatan bomba bantuan dan bomba sukarela agar segmen perkhidmatan komuniti ini akan memberi kesan dan manfaat besar kepada kerja-kerja menyelamatkan di negara kita? Seterusnya, saya juga ingin memohon penjelasan bagaimanakah kerajaan dapat menyalurkan bantuan perolehan kelengkapan melawan kebakaran untuk memastikan pasukan bomba sukarela dan bomba bantuan ini benar-benar beroperasi dengan baik?

Tuan Yang di-Pertua, anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat pada hari ini melakukan pelbagai kerja di semua sektor komuniti daripada kebakaran, kemalangan jalan raya, lemas, bantuan perkhidmatan kesihatan apabila diminta melakukan kerja-kerja seperti yang agak rumit juga seperti membuang cincin dan sebagainya. Jadi, membuang cincin di anggota badan manusia. Tidak perlulah saya sebut di mana anggotanya lah [*Ketawa*] Ini adalah satu kerja yang amat rumit sekali dan berisiko kepada orang yang berhadapan dengan keadaan tersebut. Bukan bomba yang berisiko tetapi orang yang terlekat cincin itu berisiko [*Ketawa*]

**Seorang Ahli:** Dekat mana itu?

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Faham-faham sahajalah. Jadi, seterusnya juga ialah kita tahu bahawa kita sekarang berhadapan dengan zaman perindustrian termasuk jugalah situasi di mana kita berhadapan dengan bahan kimia berbahaya atau pun petrol kimia dan sebagainya yang mana kalau terkena kebakaran akibat daripada kimia yang bahaya ini maka *treatment*-nya tidaklah sama seperti kita memperoleh *treatment* di hospital biasa melainkan ada hospital-

hospital yang tertentu yang boleh memberi *treatment* kalau akibat daripada kebakaran kerana terkena bahan kimia yang berbahaya.

Jadi, dalam perkara ini saya ingin juga mendapatkan penjelasan daripada kementerian dan juga Jabatan Bomba dan Penyelamat, apakah semua balai bomba seluruh negara kita mempunyai kelengkapan untuk melawan bahan kimia bahaya yang saya sebutkan tadi yang lengkap kelengkapan kita, mencukupi untuk kesiap-siagaan kita bagi menentang bahayanya tumpahan bahan kimia terhadap orang awam?

Ini merupakan satu tanggungjawab ataupun kerja tambahan kepada pihak bomba. Apakah setiap bomba diberi kelengkapan perlindungan diri yang berpadanan dan menepati kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994? Ini kerana risiko kemalangan semasa melakukan kerja-kerja tersebut ada kalanya tidak boleh kita elakkan dan seterusnya, apakah insentif tambahan yang boleh dipertimbangkan kepada pegawai dan anggota yang memiliki kepakaran dalam bidang HAZMAT? Hal ini kerana risiko keselamatan mereka amat tinggi apabila melakukan kerja-kerja menyelamat.

■1500

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita ketahui bahawa kepentingan penggunaan air di dalam memadamkan kebakaran amatlah penting. Jadi, soalan saya mungkin ada melibatkan beberapa kawasan di negara kita, termasuk juga di negeri Sarawak. Bagaimanakah kelengkapan dan sumber air bagi persediaan melawan kebakaran dapat dilengkapkan secara efektif? Ini kerana jaringan rangkaian bekalan air ataupun sumber air dan keadaan geografi kita mungkin menjadi kekangan utama kepada kerajaan dalam memastikan infrastruktur ini dibekalkan. Jadi soalan saya, sejauh manakah dapat kerajaan menimbang peruntukan yang lebih signifikan agar peruntukan kewangan bagi melengkapkan infrastruktur melawan kebakaran dapat dioptimumkan di negara kita ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa rang undang-undang ini adalah untuk menambah baik dan untuk memantapkan lagi perkhidmatan kebomgaan di negara kita. Walau bagaimanapun, kiranya ia melibatkan penubuhan pasukan bomba sukarela dan juga pasukan bomba bantuan, maka kita haruslah menyemaikan minat rakyat ataupun belia-belia kita ataupun anak-anak muda kita untuk melakukan kerja-kerja sukarela seperti ini. Oleh itu, mungkin tidak ada dalam peruntukan undang-undang ini tetapi saya ingin hendak mencadangkan di sini bahawa jabatan bomba mesti memantapkan dan memperluaskan lagi kadet bomba di sekolah-sekolah. Biarlah kita menyemaikan semangat sukarela ini di dalam kerja-kerja kebomgaan di kalangan anak-anak kita yang masih lagi di bangku sekolah.

Begitu juga dalam kita hendak memantapkan dan memperkasakan lagi akta kebombaaran ini. Saya pernah bercakap dengan seorang pegawai kanan tanah di negeri Sarawak. Katanya mereka dihantar ke Australia untuk mengkaji undang-undang Kanun Tanah Australia. Jadi, khususnya dalam bidang *Native Customary Rights Land* dan juga bidang bangunan, rang undang-undang untuk bangunan.

Jadi, katanya di Australia ianya mengambil masa 30 tahun untuk membina satu *big data* tentang undang-undang tanah yang termasuk katanya ialah mereka dapat mengumpul maklumat mengenai orang yang ada menghuni sesebuah rumah ataupun sesebuah bangunan.

Jadi, di Australia katanya *the very moment* apabila berlaku kebakaran, apabila pasukan bomba dipanggil, *the response team* katanya, *the moment* mereka masuk di dalam kereta bomba, *the response team* sudah mendapat maklumat bahawa apa jenis rumah yang terbakar, di mana lokasi yang tepat, berapa orang yang menghuni rumah tersebut, adakah di dalam rumah tersebut orang kurang upaya, orang tua, kanak-kanak dan sebagainya. Begitu sekali datanya itu. Maka dia kata, *it takes them 30 years* untuk membina data seperti itu. *The very moment* ada panggilan kecemasan, bomba keluar dan masuk ke dalam kereta, bomba sudah tahu berapa orang dalam rumah itu dan apa harta benda yang ada. Semuanya terkandung di dalam data.

*I think*, saya rasa dalam kita hendak usaha memperkasakan undang-undang kebombaaran ini, perkara ini perlu juga kita fikir. Walaupun di negara kita mungkin akan mengambil masa yang agak panjang tetapi biarlah kita *start at the very moment* sebagai satu transformasi kepada perkhidmatan kebombaaran di negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, oleh kerana dalam rang undang-undang ini kita akan memperbanyakkan lagi pasukan bomba sukarela, bomba komuniti dan sebagainya, saya rasa satu perkara yang tidak boleh kita pandang ringan ialah kita mesti ada akademi latihan bomba, kita buat dengan tambahkan lagi yang ada. Kalau sekarang ada di Terengganu, mungkin kita tambahkan lagi di negeri-negeri lain.

Saya difahamkan bahawa di negeri Sarawak sudah ada sebidang tanah dikhaskan untuk akademi latihan bomba. Akan tetapi pembinaannya belum lagi dimulakan. Walaupun kita di Sarawak ada satu akademi latihan bomba yang ada di balai bomba di Daerah Bau, walaupun ianya aktif menjalankan latihan-latihan tetapi kita memerlukan satu akademi bomba yang lebih lengkap dan lebih moden lagi, sesuai dengan keadaan geografi dan demografi di negeri Sarawak ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melihatkan bagi negeri Sarawak. Apakah perancangan, adakah jabatan bomba ada satu perancangan untuk membina balai bomba di kawasan Matang, Kuching? Memandangkan kawasan itu adalah satu kawasan yang pesat

membangun. Maka, kita harus ada satu perancangan untuk membina sebuah balai bomba yang baru di kawasan Matang. Jadi, akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili. Terima kasih banyak ya. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

**3.06 ptg.**

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya membahaskan rang undang-undang pindaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [*Akta 341*] yang akan dinamakan Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018. Kita tahu tujuan pindaan ini merangkumi banyak lagi. Satu ialah penubuhan pasukan bomba sukarela. Satu sebabnya ditubuhkan di pindaan rang undang-undang ini kerana kita difahamkan setakat ini, setakat masa ini, PBS ini hanya dapat di tubuh dengan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 355*].

Kedua, penubuhan Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK).

Ketiga, saya difahamkan memberi kuasa kepada Menteri membuat peraturan-peraturan untuk kebaikan perkhidmatan PBS dan perkhidmatan bomba seluruhnya. Sebelum saya memanjangkan bahas saya, saya akan berkongsi satu cerita yang benar...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oh, sila, sila.

**Datuk Paul Igai:** Tidak lama kira-kira lima tahun dahulu, apabila saya masih menjadi Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri Sarawak, saya diberi peluang untuk berceramah di sebuah rumah panjang di Sibu, Sarawak. Saya akan tanya dahulu, apakah langkah pertama apabila kita nampak api baru mula merebak atau menjilat dapur? Adakah kita telefon ke bomba dahulu? Adakah kita mengangkat barang kemas dan keluar ke tempat yang lebih selamat?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Paul Igai:** Ketiga, adakah kita tunggu bomba datang? SOP ini macam ini selalu berlaku, SOP ya. Bila saya memberi ceramah, ada orang menjerit, '*Api! Api!*'. Semua orang lari ke rumah dan bilik mereka sendiri.

■1510

Hanya saya dengan dua, tiga orang sahaja tinggal. Saya tanya kepada rakan saya, "*Mana api?*" Saya dengar di dapur sana di belakang. Okey, kami tiga, empat orang sahaja yang ada dan saya cakap pergilah kita ke dapur sana cari mana api. Nasib baiklah api itu belum besar dan kami semua- saya tanya kepada penduduk yang bersama kami memeriksa api tadi, saya tanya, "*Mana pemadam api?*" Dia kata, "*Nadai*". *You know, in Iban is no, tidak ada. Nadai.*

Kami terus melihat sekitar adakah pasir atau tanah. Nasib baik kami tengok pasir banyak di tepi rumah itu. So, kami ambil pasir untuk memadam api. Kira-kira lima minit kemudian api pun padam dan kami pergi balik ke ruang tamu atau ruang ceramah tadi dan apa yang saya tengok? Di depan rumah, aduh, banyak TV, banyak kerusi di depan rumah. Banyak alat-alat katil kah, meja kah, macam-macam periuk di luar. Apa hal? Kerana itu pentingkan harta bendanya sendiri tetapi terlupa rumah panjangnya akan hangus jika kami orang tidak memadamkan api tadi.

Tuan Yang di-Pertua, insiden yang kecil itu memberikan perasaan kepada saya untuk baguslah kita ada kesedaran macam mana kita akan memadam api. Jangan lari dari api. Itu saya difahamkan dalam perkhidmatan bomba atau *training* bomba, ia ada cara-cara meneliti mana api, mana punca api dan macam mana untuk kita memadamkannya. Kesedaran ini bukan sahaja-ataupun tidak ada kesedaran ini bukan sahaja di luar bandar, saya tahu juga di bandar, di kota memang ada orang yang tidak faham juga dalam memadamkan api.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan sukarelawan ini memang bukan benda baru. Di Argentina semasa tahun 1884 dahulu sudah ada pasukan bomba sukarela. Di *Victoria*, Australia, *New South Wales* ada 70,000 *volunteer* ataupun pasukan bomba sukarela. Juga di Chile, seratus peratus pasukan bomba adalah *volunteer* atau sukarela.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana telah membentangkan rang undang-undang tersebut dan pindaan ini saya harap akan memperkasakan perkhidmatan bomba. Saya harap pelaksanaan pindaan ini juga dapat diuruskan dengan baik demi kesejahteraan rakyat lebih-lebih lagi kepada penduduk-penduduk yang jauh dari balai bomba umpamanya macam di rumah panjang yang saya kata tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kita pun tahu ahli bomba orang yang bukan sahaja terlibat dalam memadam api bahkan ahli bomba juga terlibat dalam menolong orang dalam kecemasan jalan raya, orang yang terperangkap di kereta dan juga bangunan runtuh, tanah runtuh dan sebagainya. Memang ahli bomba saya *tag* itu orang memang *unsung hero in many cases*, dengan izin. Saya kagum juga mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah meluluskan RM200 sebulan elaun khas kepada bomba. Saya terima berita ini dengan sangat baik. Juga, penubuhan Pasukan Bomba Sukarela ini dapat memupuk semangat kejiwaan kepada rakyat yang menyertai pasukan sukarela ini.

Sebelum saya duduk...

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Saya...

**Datuk Paul Igai:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Saya hendak kepastian, bomba rela kah sukarela bomba? Jadi ayat ini agak berbeza. Rela ini lain macam sedikit bunyinya. Jadi saya mahu penjelasan, pencerahan daripada Yang Berhormat.

**Datuk Paul Igai:** Okey, *sorry*. PBS lah. Pasukan Bomba Sukarela. Sebelum saya duduk mengakhiri perbahasan saya, saya ada tiga soalan. Soalan pertama ialah mengenai seksyen 4A. Siapakah yang akan dilantik menjadi pegawai bomba sukarela? Kedua, saya tengok dalam pindaan ini masih ada perkataan 'bomba bantuan'. Adakah ia dimansuhkan atau tidak atau belum?

Ketiga, bagaimanakah kita mendaftar PBS di kawasan pedalaman seperti di rumah panjang yang saya kata tadi yang jauh dari balai bomba yang ada lebih kurang 300 orang penduduk? Keempat, adakah kementerian setakat ini meneliti atau kaji selidik tentang *cladding* bangunan di Malaysia selepas insiden kebakaran Grenfell di London dan KWSP di sini? Jika ada, apakah langkah yang akan dan sedang dibuat?

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk, saya ada sekerat pantun.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagus. Sila.

**Datuk Paul Igai:** Ditujukan lebih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oh! Terima kasih.

**Datuk Paul Igai:** *[Mengucapkan pantun]*

*Di rumah jangan main api,  
Kerana akan menyebabkan kebakaran,  
Undang-undang mesti dipatuhi,  
Supaya hidup lebih berdisiplin.*

Dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai. Dia minta kita berdisiplin. Betul ya? Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.

**3.19 ptg.**

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018, dan kuasa kepada Yang Berhormat Menteri apa-apa yang boleh memberi kebaikan kepada bomba.



## ■1520

Saya apabila bercakap mengenai bomba ini, saya hendak berterima kasih banyak kepada bomba kerana setiap tahun ia membantu penduduk Rantau Panjang apabila menghadapi musim banjir. Bomba ini saya tengok dia punya tugas dia semakin membesar sekarang ini. Jadi alangkah baiknya dan berfaedahnya apabila ditubuhkan bomba sukarela dan pasukan bomba bantuan. Cuma saya hendak tanya pihak kementerian, apabila kita hendak tubuh bomba sukarela di setiap kawasan ini ada *limit* tidak? Ada dia punya *target* bilangan berapa sebuah Parlimen? Satu-satu Parlimen itu mesti ada *target*. Apabila sudah ada bomba sukarela, tentunya ada elaun. Kalau RELA ada elaun, APM ada elaun, polis PBR pun ada elaun. Jadi saya hendak tanya ada elaun atau tidak apabila diwujudkan bomba sukarela?

Pada saya ini satu benda yang baik sebab apabila musim banjir, saya tengok kakitangan bomba tidak ramai. Hendak pindah penduduk sampai 4,000 hingga 5,000 orang ini memerlukan bantuan yang ramai. Saya hendak beritahu, maaflah selalu sebut Rantau Panjang sebab Rantau Panjang ini banjir. Saya tengok di Rantau Panjang, pertama kalau adanya bomba sukarela ia memberi baik dan berkesan kepada Kerajaan Barisan Nasional dalam membantu rakyat musim banjir.

Kedua, saya hendak minta dengan kementerian supaya peralatan terutamanya bot dan lori. Ini lori bomba di Rantau Panjang musim banjir saya naik macam tidak ada tempat berteduh, bocor. Semua barang basah dalam lori. Saya kata kalau macam ini hendak tolong macam mana, sebab sebelum orang tolong kita sudah sejuk. Hendak sampai- kalau tolong masa banjir dengan lori itu kita sudah basah kuyup dalam itu. Nampak ada teduh tetapi teduh ia bocor. Jadi minta kalau boleh biar efisien sikitlah. Kalau bagi lori baru itu sedap sikit buat kerja untuk menolong rakyat dalam masa banjir... [Disampuk]

Dan- ya lah, kalau bomba ini biasa dia bersama dengan RELA, polis, askar ada sekali. Akan tetapi yang tadi elaun itu mustahak itu, mereka akan tanya. Bomba sukarela ini kalau hendak jadi ahli bomba hendak ambil waran itu di mana? Di pejabat bomba jajahan atau dengan ibu pejabat bomba? Siapa yang pilih itu? Tentu hendak ambil bomba sukarela ini jangan *simply* ambil begitu. Kena ambil yang budak dadah nanti mati kita. Jadi tentunya ada tapisan pengambilan bomba sukarela.

Kemudian yang kedua, saya ini dulu kerja Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 10 tahun di sana. Dahulu kita ada Briged Setia. Briged Setia, dia bomba sukarela Briged Setia tetapi sekarang ini tidak apalah apa nama pun janji ada bomba sukarela. Hendak

nama Briged Setia kah tidak apa, janji ada bomba sukarela sebab KPDNKK ada dia punya *Friends of KPDNKK*.

Kedua, saya dengar rungutanlah. Ini rungutan untuk kakitangan bomba ini dia *close service*. Ada orang kata hendak naik pangkat susah sekarang ini, tidak tahulah. Nanti Yang Berhormat Menteri jawablah sebab dia *close service* hendak naik pangkat susah.

Kemudian ketiga, kalau ada guru duka lara dan ada juga pegawai kakitangan bomba yang duka lara. Suami di Penang, isteri di Kelantan. Isteri di Pahang, suami di Kelantan. Jadi saya minta perkara ini pihak kementerian *alert*-lah benda ini supaya kalau Kementerian Pendidikan boleh guru duka lara itu akan dipulangkan bersama, duduk bersama suami isteri. Jadi saya mintalah kalau kakitangan bomba, pegawai bomba yang duka lara ini minta pihak kementerian selesaikan di bawah kuasa Menteri apa-apa pindaan yang memberi kebaikan kepada anggota bomba.

Keempat, saya juga setuju kalau akademi bomba ini- sekarang ini akademi bomba ada di Kuala Terengganu sahaja, Pantai Timur. Saya kalau boleh akademi bomba ini sebab bomba semakin membesar. Semakin membesar dia punya tugas dan tanggungjawab. Kalau boleh diadakan di setiap negeri. Saya tidak mahu bomba ini dipandang remeh. Jabatannya kecil, tugas dan tanggungjawab bomba semakin membesar. Jadi apa salahnya kalau dibuat setiap negeri akademi bomba. Barulah bomba itu efisien. Baru dia rasa gah, bomba sekarang sudah dilihat sebagai jabatan atau agensi kerajaan yang bertanggungjawab dan besar tugasnya. Ia ada di setiap negeri.

Kemudian yang kelima, Yang Berhormat Menteri saya tengok baru ini pegawai bomba mati kena gigit dengan ular...

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Ular tedung kah? Jadi *alert*-lah pegawai bomba terutama yang hendak belajar ilmu pegang ular, tidak perlu, rugi jabatan kerajaan. Ini baik binatang, binatang mana dia ada otak. Masa dia baik, baiklah. Silap terpijak ekor dia patuk kita. Jadi elakkan pegawai bomba daripada bela anjing kah, bela harimau kah, bela ular kah, *any* binatang buas tidak perlu. Rugi, satu kematian rugi kepakarannya. Dia sudah lama kerja, dia ada kepakaran.

Jadi tidak perlu. Jangan lagi hendak galak-galak atau pegawai kakitangan ini memelihara, berbaik-baik rapat dengan binatang buas. Kalau orang berjinak-jinak dengan buaya dia akan mati dengan buaya. Kalau berjinak-jinak dengan ular, dia akan mati dengan ular. Jadi tidak perlu.

Jangan pula ada selepas ini anggota bomba bela- berjinak dengan buaya, tidak perlu. Rugi kerajaan.

Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya sokong pindaan ini dan *insya-Allah* bomba ini akan diperluaskan. Kalau boleh bomba ini dia uniform, kalau boleh bentuk dia di bangku sekolah lagi. Supaya untuk dapat melahirkan *national spirit* yang kuat. Saya sokong kalau askar ada PALAPES, ada di ROTU lah, bila bomba pula? Tidak apalah, jadi bomba pun. Sekarang ini asal ada kerja, tidak kira bomba, askar, polis janji ada kerja. Jadi saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, terima kasih sekali lagi. Dipersilakan pula Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif.

### 3.28 ptg.

**Puan Sopiah binti Sharif:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi kebenaran saya untuk berbahas Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018. Selain daripada itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang membawa rang undang-undang di dalam Dewan Negara. Ini merupakan rang undang-undang yang saya rasa perlu dipinda dan juga bersesuaian dengan keadaan masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa anggota bomba perlu ditakrifkan sebagai wira yang tidak dendang, yang mana mereka sanggup berkorban nyawa, diri dan memelihara keselamatan dengan tidak mengira diri mereka sendiri terutamanya dalam menyelamatkan kebakaran dan juga nyawa manusia. Rang undang-undang ini haruslah diwujudkan bagi memelihara, angkat martabat dan melindungi anggota bomba ketika bertugas. Selain daripada itu, rang undang-undang ini juga boleh rakyat mendapat perkhidmatan bomba dalam masa yang singkat dan juga berlaku kecemasan.

### ■1530

Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada undang-undang ini di mana saya ingin menyentuh mengenai pindaan seksyen 20 mengenai pegawai bomba sukarela. Saya ingin tahu berapa ramai pegawai sukarela bomba yang ada pada masa ini khasnya di Pulau Pinang. Sebab saya tahu Pulau Pinang ini memang aktif dalam sukarela bomba tetapi terdiri daripada

kaum Cina. Syabas saya ucap kepada kaum Cina. Selain dari itu saya ingin menumpu fasal yang kelapan mengenai pemakaian, pengurniaan pingat, pangkat anggota bomba.

Sekiranya kita lihat beberapa pihak tidak bertanggungjawab yang boleh membuat dan menjahit pakaian anggota dengan mudah. Kerisauan saya di sini ialah pangkat dan pingat yang boleh dipalsukan. Pernah dulu kita lihat banyak *depa* buat atau menjahit pakaian askar maka timbullah satu isu yang boleh mendatangkan kepada pihak berkuasa. Di sini juga saya ada sedar bahawa kementerian mengenai perkara-perkara, langkah-langkah yang perlu diambil terutama pakaian uniform anggota bomba.

Seterusnya saya menyentuh fasal yang kesembilan mengenai tiada seorang pun atau pihak yang boleh mengena apa-apa bayaran kepada Jabatan Bomba bagi penggunaan air semasa menjalankan tugas. Saya bersetuju fasal ini kerana sekiranya berlaku kecemasan maka pihak bomba akan dilindungi dan daripada saman. Saya ingin bertanya bagaimana pula dengan premis sendiri, persendirian ataupun rumah kediaman. Ini kerana apabila berlaku kecemasan segala kemungkinan akan berlaku. Dengan adanya fasal ini, ada pihak terbabit boleh membuat sebarang tuntutan ataupun tuntutan yang lain ke atas premis sendiri dan saya ingin juga perkara insiden ataupun perkara-perkara ini dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengambil peluang dalam bahas rang undang-undang ini saya ingin memohon memaklumkan kementerian mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh bomba terutamanya di Pulau Pinang. Saya ingin merujuk kepada masalah yang dihadapi terutamanya balai bomba di Nibong Tebal. Yang mana antaranya ialah keluasan hanyalah 015 kaki persegi kecil sahaja. Selepas itu struktur bangunan itu adalah bangunan yang lama selepas itu dia lagi satu susur hendak keluar daripada jalan balai bomba itu dia sudah jadi jalan sehalu. Dia hendak keluar memang tersangkut jadi kecemasan itu mungkin melambatkan kerja-kerja ini menyebabkan kalau kami tengok dan saya tengok di kawasan Nibong Teballah, apabila berlaku bencana kebakaran ini yang pergi dulu adalah sukarela daripada bomba.

Yang di Sungai Udang, yang di Jawi dan juga di perkampungan Jawi. Bila berlaku terutamanya kebakaran yang menyebabkan kelambatan daripada penjara sebab daripada bomba. Yang ada satu lagi bomba daerah dia duduk di kawasan sempadan Simpang Empat jauh dengan suasana jalan yang kita rasa sesak dan sebagainya walaupun bunyi lampu dan sebagainya tetap melambatkan perjalanan. Kedua juga saya rasa perlu diberi perhatian apabila berlaku kebakaran terutama daripada sukarela bomba iaitu dari segi paip air, paip apa, paip bomba. Bila sampai-sampai dia kata paip bomba rosak, air tak cukup, pam tak boleh naik, tiba

sekarang ini kita dapati di Nibong Tebal ini dia banyak tumbuh kilang-kilang sama ada kilang itu haram kah tak haram kah.

Baru-baru ini terbakar depa kata tempat kilang kertas tetapi tengok-tengok ada tangki minyak meletup dalam itu sebab apa sekarang bangunan itu di kandang dengan zink. Kita pun tak tahu jadi pihak penguasa itu patut pi pantau-pantau lah tengok tempat bangunan yang kita rasa. Kadang-kadang kebakaran itu sekejap mata sahaja boleh hangus dan kita terpaksa panggil sukarela bomba daripada bandar baru. Kita kena panggil Parit Buntar, kadang-kadang lima kereta mai, sampai-sampai rumah pun tak boleh buat apa fasal rumah itu pula ia berdekatan tak ada lorong-lorong untuk hendak bawa kenderaan bomba. Ini pun perlu ambil perhatian juga oleh menteri ya.

Seterusnya juga, di Sungai Udang. Di Sungai Udang ini merupakan satu pasukan sukarela bomba yang aktif yang begitu prihatin. Jangan kata macam itu orang dok sunat pun bagi mandi, ini bomba Cina yang *pi* bagi mandi. Sukarelawan bomba ini adalah kaum Cina, pasukan sukarela ini ialah bawa pergi mandi orang hendak bersunat tiap-tiap tahun itu sampai tak menang. Jadi ini pun perlu diberi perhatian terutama tadi pakaian untuk- pakaian apa pakaian jaket kah. Jaket jadi itu pun perlu diberikan juga kepada Persatuan Sukarela Bomba. Bagi saya ada empat *kot* yang begitu aktiflah dan mereka ini bersama setiap dengan NGO dan juga aktiviti. Jadi saya rasa itu adalah yang perlu diberi perhatian terutamanya jalan susur bomba di Nibong Tebal itu. Sebab dia jalan sehalu yang ini kita tolong kaji balikkah tengok macam mana.

Tempat dia kereta bomba pun hendak keluar susah. Selepas itu yang terakhir saya dengan ini dengan harapan dan baik untuk perubahan rang undang-undang ini saya menyokong penuh rang undang-undang ini dengan doa agar pasukan bomba khususnya sukarela diperbanyakkan di kawasan-kawasan terutamanya di rumah-rumah setinggan dan juga di rumah flat. Yang mana kita rasa memang bila berlaku sekejap dalam perubahan itu akan kita dapat ketara. Sekian. *Wabillahirtaufik, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif. Sekarang saya minta pula Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa.

**3.37 ptg.**

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana

memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Pindaan) 2018.

Pertama sekali kita mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana Allah melindungi negara kita daripada kemalangan-kemalangan besar dan kebakaran-kebakaran yang besar. Walau bagaimanapun, kita terpaksa menghadapi kebakaran-kebakaran ini sebagai satu ujian daripada Allah SWT kepada kita semua. Pertama sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada pihak kementerian yang mengadakan pindaan undang-undang terhadap bomba untuk meningkatkan lagi keupayaan dan kekuatan supaya Jabatan Bomba dan Penyelamat ini benar-benar memberi khidmat kepada rakyat dan negara dan memberi sumbangan yang lebih besar lagi. Kita bersyukur kepada Allah SWT kerana di negara kita ini banyak rahmat dan nikmat Allah SWT dan *insya-Allah* jika kita senantiasa bersyukur Allah akan melindungi nikmat dan rahmat ini.

Walaupun bagaimanapun, pada tahun 2016 kerugian akibat kebakaran dilaporkan sebanyak RM4 bilion dan pada tahun 2017 hampir RM5 bilion kerugian akibat kebakaran seluruh negara.

#### ■1540

Kilang dan rumah kediaman adalah merupakan jenis kebakaran yang besar berlaku di negara kita. Kita berharap semoga kebakaran dan kerugian yang seperti ini tidak akan berlaku lagi pada masa yang akan datang.

Saya ingin mengalu-alukan cadangan penubuhan pasukan bomba sukarela dalam RUU ini dan juga bomba bantuan. Kita harap, semoga pasukan bomba sukarela ini dapat memberikan satu kekuatan yang baru kepada pihak bomba. Kita juga harap, ia akan dibina dengan baik. Saya juga mencadangkan semoga kerjasama bomba ini, dipanjangkan atau dilakukan dengan memanfaatkan NGOs yang berada dalam masyarakat yang sedang bergerak dalam masyarakat kita. Begitu juga dengan institusi masjid, di negara kita ini jarang diambil- atau jarang menggunakan institusi masjid sebagai satu institusi yang memberikan khidmat kepada masyarakat.

Jadi, saya tidak tahu jumlah masjid kita di seluruh negara ada berapa sekarang ini. Kalau institusi masjid ini dapat digunakan dengan sebaik-baiknya, untuk memberikan khidmat kepada masyarakat, saya rasa ia menjadi satu kekuatan yang baru kepada pihak bomba. Sama juga dengan kadet-kadet bomba di sekolah perlu dilanjutkan kepada masyarakat. Jangan hanya latihan bomba ini atau kadet ini hanya dilatih di sekolah-sekolah sahaja tetapi tidak memberikan manfaat kepada masyarakat. Jadi, saya cadangkan semoga kadet bomba di sekolah ini diperkasakan dan dilanjutkan kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya beberapa soalan, yang pertama, mengenai kekerapan audit yang dijalankan oleh pihak bomba terhadap bangunan-bangunan di dalam sesebuah negeri. Ini kerana, di sesuatu kawasan itu ada bangunan baru dan bangunan lama. Sepatutnya bangunan-bangunan yang lama ini, diberikan perhatian khusus kerana ia lebih terdedah kepada kebakaran. Jangan hanya tunggu kebakaran berlaku barulah tindakan-tindakan dilakukan.

Bagaimana audit ciri-ciri keselamatan bangunan dijalankan oleh pihak bomba dan penyelamat terhadap bangunan-bangunan kerajaan yang lama, rumah-rumah kediaman, bangunan sekolah, khususnya bangunan sekolah-sekolah pondok di seluruh negara? Ini kerana bangunan-bangunan lama ini, berisiko tinggi dan terlalu terdedah kepada kebakaran. Saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan mewajibkan alat pemadam api kepada setiap bangunan dan rumah-rumah kediaman terutamanya bangunan-bangunan pondok dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sekarang difahamkan mempunyai 14,000 orang pegawai dan anggota tetap serta 2,000 orang pegawai bomba bantuan di seluruh negara. Saya ingin bertanya, berapakah jumlah kakitangan atau pegawai bomba di negeri Kelantan? Saya harap negeri Kelantan juga mendapat balai bomba yang sama dengan negeri-negeri yang lain. Soalan seterusnya, berapakah jumlah jawatan bomba dan penyelamat yang ditambah setiap tahun?

Satu lagi ialah berkenaan dengan kebajikan kakitangan bomba itu sendiri. Adakah setiap kakitangan bomba itu dilindungi ataupun mempunyai insurans perlindungan untuk kepentingan dan kebajikan mereka?

Akhir sekali saya juga ingin mencadangkan supaya kakitangan bomba ini sentiasa dididik dengan pendidikan agama dan perlu selalu adakan ceramah-ceramah agama untuk meningkatkan lagi motivasi mereka supaya mereka bekerja itu kerana Allah dan mengharapkan bukan sahaja bantuan, gaji atau elaun, tetapi yang lebih besar lagi ialah mendapat pahala di sisi Allah SWT dan menjadi amal yang soleh yang diterima oleh Allah SWT. *Insyallah* kakitangan bomba akan diberikan jaminan masa depan oleh Allah di syurga nanti.

Dengan kata-kata itu, saya menyokong rang undang-undang ini. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa. Terima kasih banyak ya. Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

**3.46 ptg.**

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Sebelum saya membahaskan berkait dengan RUU Pindaan Perkhidmatan Bomba pada hari ini, saya ingin merakamkan tahniah kepada seorang penerbit filem Ahmad Idham yang telah menerbitkan sebuah filem yang cuba untuk memartabatkan seorang ahli bomba iaitu filem “*Qhaliq*” yang sepatutnya ditayangkan pada hari ini tetapi terpaksa ditangguhkan pada 12 Jun 2018. Saya kira satu usaha untuk menobatkan dan yang kita katakan tadi *unsung hero*- jadi kita ‘*sung*’ kan hero bomba ini. Di samping hari ini, kita membahaskan Akta Perkhidmatan Bomba.

Kedua, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana saya melihat kepada RUU pada kali ini yang membuat pindaan khususnya berkait dengan penubuhan pasukan bomba sukarela yang mana antara kriteria penting pasukan bomba sukarela ini telah- sebelum ini didaftarkan di bawah ROS, sekarang ia didaftarkan secara terus di bawah ketua pengarah melalui pindaan yang dibuat dalam akta ini. Saya kira satu usaha yang cukup baik bagi pihak kerajaan bagi memastikan keadaan yang lebih kondusif bagi penubuhan pasukan bomba sukarela.

Ketiga, jika kita lihat kepada keanggotaan kalangan pegawai bomba sukarela ini, mereka ini terdiri daripada kalangan mereka yang bekerja kerajaan, mereka yang bekerja swasta dan juga mereka yang bekerja sendiri. Cuma, saya yakin pihak kerajaan sebelum ini kita telah adapun pekeliling yang memberikan cuti tanpa rekod, memberikan markah-markah prestasi kerja bagi anggota-anggota kakitangan awam yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti seperti ini iaitu aktiviti-aktiviti kesukarelawanan.

Akan tetapi, bagaimana pula sekiranya anggota bomba sukarela ini bekerja swasta ataupun bekerja sendiri? Bagaimana insentif yang diberikan oleh kerajaan bagi menggalakkan mereka terus berkhidmat sebagai anggota bomba sukarela? Kemungkinan diberikan suatu insentif pengecualian cukai ataupun bagaimana insentif yang boleh diberikan kepada majikan-majikan yang mengambil kerja kakitangan mereka yang berkhidmat sebagai anggota bomba sukarela agar mereka ini terus boleh bekerja dan dalam masa yang sama berkhidmat dalam pasukan bomba sukarela.

Terakhir- kedua, terakhir, saya ingin tahu bagi penubuhan pasukan bomba sukarela ini apakah bentuk geran-geran yang diberikan oleh kerajaan bagi mereka? Bagaimanakah jumlah geran-geran ini diukur? Adakah diukur daripada sudut bilangan anggota kepada pasukan tersebut di satu-satu tempat ataupun melihat kepada aktiviti-aktiviti ataupun keaktifan mereka? Jadi, saya ingin tahu berkenaan dengan geran tersebut.



Terakhir, kita melihat keperluan pasukan bomba sukarela ini amat diperlukan khususnya bagi kawasan-kawasan yang berisiko tinggi kebakaran dan kawasan-kawasan yang tidak mematuhi piawaian PBT daripada sudut bangunan seragam.

■1550

Jadi, keadaan-keadaan ini contohnya bandar-bandar lama yang melibatkan jalan-jalan yang terlalu sempit di mana kenderaan bomba tidak dapat masuk, bangunan-bangunan lama yang melibatkan *wiring* yang lama jadi risiko-risiko kebakaran ini sangat besar dan sekiranya berlaku memang susah untuk memadam kebakaran.

Jadi bagaimana usaha kerajaan melalui akta ini bagi menggalakkan ataupun mewajibkan penubuhan pasukan-pasukan bomba sukarela bagi kawasan-kawasan yang sebegini? Oleh sebab saya kira- jika saya lihat kepada akta ini penubuhan pasukan bomba sukarela ini adalah suatu pilihan sama ada kemungkinan ada jika ada dua anggota boleh ditubuhkan tetapi tidak ada elemen mesti ditubuhkan di satu-satu tempat yang berisiko tinggi. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan berkait perkara tersebut.

Jadi setakat itu sahaja perbahasan saya berkaitan dengan Akta Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018 cuma memandangkan hari ini adalah hari terakhir perkhidmatan saya untuk menghadiri sidang Dewan Negara dan saya akan tamat tempoh pada akhir bulan Jun. ini saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli Dewan Negara dan terutamanya Tuan Yang di-Pertua dan yang Timbalan Tuan Yang di-Pertua dan kepada semua pegawai-pegawai yang bertugas, Bentara, semua sekalilah dan saya ucapkan terima kasih di atas kerjasama semua dan pengalaman saya enam tahun di Dewan Negara cukup memberi pengalaman dan cukup memberi impak kepada saya yang sangat besar. Saya mengucapkan maaf jika terdapat sebarang kesilapan kata dan juga kesilapan perbuatan. Sekian *wabillahi taufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam*. Jadi terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed sudah lama dua *term* berkhidmat. Jadi jasanya dikenang. Jadi perkhidmatan itu adalah sumbangan Yang Berhormat kita kepada negara amat besar. Tahniah. Bak kata orang tua-tua budi baik.

*Di atas bukit tanamnya ubi,  
Burung tempua buat sarang,  
Bukan budi sebarang budi,  
Budi baik dikenang orang.*

Sekarang, saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan silakan.

### 15.53ptg

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas laluan yang diberikan untuk saya turut sama bangun dan berbahas Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba ini. Ringkas sahaja ucapan saya kali ini, Tuan Yang di-Pertua. Antara pindaan utama rang undang-undang ini ialah bagi meletakkan pasukan bomba sukarela (PBS) di bawah seliaan Jabatan Bomba dan Penyelamat yang dikenal sebagai JBPM.

Pindaan terhadap Akta Perkhidmatan Bomba 1988 iaitu dalam Akta 341 ini akan meletakkan pendaftaran dan kawal sedia PBS di bawah Akta 341 berbanding di bawah Akta Pertubuhan 1966 pada masa ini. Ini kerana pasukan bomba sukarela ini dahulunya didaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) kini sudah sampai masanya Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) mengambil tanggungjawab dengan meletakkan PBS di bawah pengurusan JBPM.

Kementerian dan JBPM bukan ingin mengambil alih harta atau aset PBS tetapi mahu memudahkan penyaluran bantuan serta pengurusan pasukan ini dari segi aset dan sebagainya. Ini sekali gus menjawab tohmahan pihak tidak bertanggungjawab bahawa rang undang-undang ini bertujuan untuk mengambil alih peranan dan semua aset-aset pasukan bomba sukarela. Ini sekali gus bertujuan melemahkan fungsi dan peranan pasukan bomba sukarela ini.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pindaan ini antara insentif yang akan diterima setiap pegawai dan anggota sukarela adalah pemberian jentera, kelengkapan dan peralatan. Pembekalan alat pelindung diri, pemberian elaun semasa bertugas dan latihan serta penyelenggaraan peralatan. Ini sekali gus bakal mengurangkan kerenah birokrasi kerana peruntukkan daripada kementerian dapat disalurkan terus kepada pasukan bomba sukarela ini.

Tuan Yang di-Pertua, pasukan bomba sukarela ini juga bakal diberi tumpuan dari segi pengambilan, lantikan latihan berupaya meningkatkan tahap perkhidmatan bomba di negara ini termasuk dari segi kecekapan masa bertindak. Di sini saya ingin mencadangkan agar dilantik *consultant image* yang memberi fokus kepada pasukan bomba sukarela ini dari segi etika berpakaian, kemahiran berkomunikasi, ketetapan waktu, skil dan kemahiran agar mereka ini dapat menjadi *second layer* dan *back up team* kepada Pasukan Bomba dan Penyelamat yang ada pada hari ini.

Di sini saya juga mencadangkan Kementerian memberi tumpuan terhadap pemberian elaun yang lebih menarik termasuk elaun *hardship* selain pemberian pangkat dan uniform yang lebih hebat dan menarik agar pasukan ini dapat menjadi satu pasukan perkhidmatan bomba yang lebih baik dan mampu mengalas tugas sebenar Pasukan Bomba dan Penyelamat. Di samping itu, aset-aset perlu dimodenkan, diberi kelengkapan baharu yang canggih serta latihan yang mencukupi berkenaan kaedah yang betul penggunaan aset-aset moden ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini saya juga seperti Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah yang mana ucapan ini adalah ucapan terakhir. Tiga kali sudah saya berucap Tuan Yang di-Pertua tetapi ini adalah terakhir. *Insyah-Allah*.

Jadi saya mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua mengucapkan ribuan terima kasih terutama sekali kepada kerajaan, kepada Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Yang di-Pertua semua kakitangan Parlimen, urus setia, Bentara, Setiausaha Dewan, kafe kita makan lagi-semualah, saya minta maaf. Saya mengambil kesempatan ini memohon maaf mungkin dalam kita memberi khidmat kepada Dewan yang mulia ini mungkin dalam ucapan kita tersinggung, itu bukan niat saya. Mungkin dalam ucapan saya ini hanya bergurau senda untuk memartabatkan Dewan yang mulia ini.

*Insyah-Allah* janji-janji saya kepada kawan-kawan ada harumanis, *insyah-Allah* kita bawa tetapi sekarang ini tidak masak lagilah. Kalau macam dari Bentong dia kata musang pun tidak jadi lagi. *Insyah-Allah*, *insyah-Allah* Dato Presiden *insyah-Allah*. Jadi ribuan maaf saya pohon kepada Tuan Yang di-Pertua sebagai yang memberi dorongan kepada kami di sini dan saya ucapkan ribuan terima kasih. Sekali lagi saya memohon maaf mungkin dalam ucapan saya mungkin ada tersilap.

Saya difahamkan saya *dok* belek-belek tengok Tuan Yang di-Pertua, tahun ini lebih kurang 17 orang akan pencen. Saya *dok* ingat saya dengan kawan sahaja. Saya belek tengok senarai ini 17 sampai bulan Disember lah tetapi kami ini mungkin hukum kata bersara wajib lah. *Insyah-Allah*. Di antara kami ini- saya dengan Yang Berhormat Senator Puan Khairiah ini kami ini dua-dua penggal, *alhamdulillah*. Nampaknya tidak masuklah dalam Dewan ini, kalau *mai* pun duduk di belakang sahaja *insyah-Allah*.

BR1M tidak layak malah jumpa-jumpa Kak Limah- saya ini bukan hendak bercakap sangat tetapi kerana Kak Limah punya fasal, *ya Allah*.

#### ■1600

Memang kalah. Yang Tok Mi punya berkenan dekat Kak Limah, bagi jam yang dia pakai hari ini. Saya tengok semua tangan tidak ada jam. Tok Mi pakai jam bomba. Bukan main orang

tua ini. Pakai songkok tidak tahu hala ini [*Ketawa*] Risau saya ini. Mana? Itu dia. Kalau tidak percaya suruh Tok Mi angkat tangan. Tok Mi, saya minta tolong angkat tangan Tok Mi [*Dewan ketawa*] Itu dia yang kata Tok Mi ini, itu *sat-sat* saya minta maaf sudah, tapi hendak buat macam mana. Puan Siti Aishah pun sama.

Jadi, kita ini- Kak Limah, terima kasih banyak-banyak, *I love you* Kak Limah. Saya doakan orang macam Kak Limah ini- betul-betul saya doa, ikhlas- Menteri lah. Sama-sama kita berdoa, saya ingat orang-orang bomba semua doakan Kak Limah, KPKT pun doakan Kak Limah, *you are a good Minister*lah...

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Kalau macam ini punya ucapan, esok tarik balik lah *kot*.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Saya pun hendak tanya, hendak tarik balik fasal apa, apa yang tidak kena?

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Ayat *I love you* itu.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Okey. Itu Kak Limah buat mulut *sat lagu tu*. Jadi, Kak Limah *thank you, all the best to you* dan dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan. Itu telah habis dua *term*, syabas dan tahniah. Saudara telah banyak berkorban dan berkhidmat di dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi, puas hati kita, jasa mu dikenang, mudah-mudahan Allah membalas perkhidmatan kita itu. Biasalah, hari ini banyak kawan-kawan kita akan kita tidak temui. Jadi, jangan lupa ini adat alam. Satu perkara yang Yang Berhormat mesti ingat Yang Berhormat Senator sudah banyak berjasa, mudah-mudahan Allah memberkati. Bak kata orang tua-tua tadi Tuan Presiden.

*Hidup ini jangan gelisah,  
Hati tenang tidak terasa,  
Adat bertemu ada berpisah,  
Moga-moga berjumpa di lain masa.*

Adat itu. Jadi, di hati Yang Berhormat puas, *I served my country*, dengan izin. Saya sudah berkhidmat, Tuhan akan membalas jasa kita itu, keberkatan kita. Jadi, saya minta pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun. Silakan.

**4.03 ptg.**

**Puan Hajah Azizah binti Haji Harun:** Okey- *Bismillahi Rahmani Rahim. assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018. Di dalam kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri serta Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana membentangkan Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018. Tuan Yang di-Pertua, bagi meringkaskan perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018 ini, saya ingin mengemukakan persoalan kepada Yang Berhormat Menteri untuk penjelasan.

Jabatan Perkhidmatan Bomba banyak melakukan kerja-kerja menyelamatkan terhadap serangan haiwan berbahaya seperti ular berbisa dan juga haiwan. Soalan saya juga kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah persediaan pengurusan tertinggi bomba untuk melengkapkan kemudahan dan kelengkapan alatan dan perlindungan diri (PPE) anggota bagi memastikan kerja-kerja menangkap haiwan liar berbisa tidak memudaratkan anggota dan pegawai bomba? Kedua, apakah pihak bomba perlu mempunyai petugas paramedik sendiri agar persediaan menghadapi musibah semasa menangkap haiwan berbisa dapat dilaksanakan dengan baik? Apakah kerjasama yang boleh dibuat dengan Jabatan PERHILITAN atau Jabatan Veterinar, agar kerja-kerja menangkap haiwan berbisa ini dilakukan dengan sebaik mungkin?

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang ingin saya sentuh adalah mengenai kemalangan yang melibatkan lif, *escalator* dan kren-kren menara yang dipasang pada tapak-tapak binaan. Saya amat prihatin kepada isu ini kerana apabila berlakunya kemalangan di sektor ini, bombalah pihak pertama yang akan datang membantu menyelamatkan.

Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah ada kerja di antara DOSH dan bomba bagi memberi latihan komprehensif kepada anggota bomba dan pegawai bomba bagi memahami reka bentuk, struktur dan alatan kawalan fungsi *escalator* dan lif agar kerja-kerja menyelamatkan mangsa kemalangan lebih komprehensif? Anggota bomba lebih berupaya apabila berhadapan dengan situasi kecemasan apabila kemalangan berlaku.

Sejauh manakah Akademi Bomba di seluruh negara dilengkapi dengan kemudahan alat kelengkapan seperti model *escalator* dan lif bagi melengkapkan simulasi kerja-kerja penyelamat dan latihan kemahiran menyelamatkan? Bagaimanakah kerjasama yang diberi oleh pemilik bangunan, DOSH atau pihak berkepentingan lain agar dapatan audit keselamatan di seluruh bangunan agar pemasangan *escalator* dan lif dikongsi menerusi platform bersepadu yang akan

memberi manfaat persediaan bomba dalam melakukan kerja penyelamat apabila berlaku kecemasan.

Tuan Yang di-Pertua, kerisauan utama saya dalam aktiviti melawan kebakaran di Lembah Kelang adalah mengenai sumber bekalan air bagi melawan kebakaran. Justeru, saya memerlukan penjelasan dari kementerian tentang bagaimanakah bomba dan syarikat utiliti air memastikan bahawa bekalan air bagi bomba untuk digunakan semasa kecemasan mencukupi dan mempunyai rangkaian bekalan dengan tekanan yang baik dan mencukupi?

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan bomba ekoran krisis *margin reseve* air terawat di Lembah Kelang ketika ini amat kritikal. Sejauh manakah persediaan yang dilakukan oleh bomba untuk menghadapi masalah krisis air ini dengan berkesan? Selain daripada itu, saya ingin bertanya dengan kebakaran berlaku kerana litar pintas. Adakah wayar atau *wiring* itu digunakan berapa lama sepatutnya *wiring* ini boleh digunakan? Adakah 15 tahun, adakah 30 tahun? Berapakah *limit* lamanya *wiring* ini perlu ditukar untuk mengelakkan kejadian litar pintas ini sering berlaku? Akhirnya, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Semoga dengan rang undang-undang ini, perkhidmatan bomba lebih berdaya maju dan manfaat kepada rakyat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun. Sekarang saya minta pula Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah.

**4.09 ptg.**

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya bersama-sama membahaskan rang undang-undang ini. Terlebih dahulu saya hendak mengucapkan terima kasih dan kebanggaan saya kepada pegawai-pegawai bomba dan juga bomba-bomba sukarela yang bertaburan di Malaysia.

■1610

Mereka ini tidak kira, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga sayang kepada anak-anak Tionghoa ini yang sukarelawan bomba ini dan mereka ini tidak mengenali. Bila ada saja api, bila ada saja kebakaran, tidak pernah mereka bertanya rumah ini orang Melayu kah, rumah orang Cina kah, rumah orang India kah, rumah orang PAS kah, rumah orang MCA kah, rumah DAP kah, rumah PKR kah, mereka sama sahaja. Ini satu yang perlu saya bersetuju dengan rakan-rakan tadi, kita patut memberikan satu penghormatan yang tinggi daripada Menteri-nya sampai ke bawah.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya. Maklumlah bila kita bermain dengan api ini dan kalau kita tengok, banyak cerita yang berhubung dengan *fire fighters* ini. *Tower Inferno- famous*. Bagaimana *fire fighters* berlawan dengan api di bangunan yang tinggi. Filem *9/11*, bagaimana 343 sukarelawan bomba yang masuk di *north tower*, tidak tahu bahawa *south tower* ini akan jatuh. Mereka tidak pernah tahu bunyi siren itu untuk panggil mereka keluar. Mereka sangka ini bukan untuk mereka, ini untuk orang lain kerana mereka hendak menyelamatkan manusia. Tidak pernah terlintas bagi mereka untuk keluar. Seramai 343 orang yang *registered* terkorban.

Kita melihat juga *Fire Fighters Only The Brave* baru-baru ini, bagaimana sebuah *oil rig* yang telah disambarnya api. *Backdraft, Hellfigthers*. Ini di antara *movie-movie* yang dibuat untuk mengenangkan jasa-jasa sukarelawan bomba ini. Mereka-mereka ini saya katakan tadi tidak pernah memilih dan ada yang berlaku kematian.

Seperti mana yang saya katakan tadi, bila bermain dengan api ini, penyakit yang selalu yang dibuat kajian di antara ahli-ahli bomba ini ialah *chronic respiratory problems* dan *cardiovascular disease*. Ini satu penyakit yang bila kita bermain dengan asap, ia akan menyebabkan sukarelawan-sukarelawan ini senang untuk mendapat penyakit tadi.

Kedua, *mesothelioma* yang mana dulu asbestos- kampung-kampung saya juga sekarang masih lagi ada asbestos. Ini salah satu perkara yang membuatkan mereka akan mendapat penyakit ini, *easily catch*, dengan izin, termasuk jugalah dengan kanser.

Jadi soalan saya kepada kementerian, kepada Yang Berhormat Menteri, apakah persediaan yang kita buat bagi mereka ini? Adakah dibuat kajian berapa orang kah setakat ini ahli-ahli bomba sama ada sukarela ataupun ahli bomba kerajaan yang mendapat penyakit ini? Apakah bantuan-bantuan yang kita berikan kepada mereka dan keluarga mereka? Saya tahu *they are covered by insurance*. Akan tetapi selain daripada insurans itu, apakah kerajaan ataupun Jabatan Bomba memberi satu bonus lain kepada mereka-mereka ini untuk menjaga anak-anak isteri mereka apabila mereka diserang penyakit ini?

Tadi ada rakan bertanya daripada Pulau Pinang, dia lupa hendak sebut- dia sebut paip bomba tadi tapi sebenarnya pili bomba. Pada tahun 2017, kalau tidak salah saya di Sarawak sahaja- bukan di Sarawak, di seluruh Malaysia mungkin. Sebanyak 4,091 pili bomba yang rosak akibat vandalisme daripada orang-orang muda dan sebagainya, anak-anak dadah yang mengambil kepala itu dan kadang-kadang mereka mengetuk kepala itu maka lari *lining*-nya itu. Bila kita hendak masuk hos, sudah tidak dapat masuk.

Saya hendak bertanya kepada kementerian, kepada Yang Berhormat Menteri, kalau ada vandalisme-vandalisme yang begini, apakah tindakan yang akan diambil kepada mereka? ini

kerana kalau pili bomba rosak, maka ini masalah besar kepada hos-hos yang hendak dimasuk untuk hendak membantu kebakaran tersebut. Dan berapa harganya? Setakat ini berapa jumlah kerugian yang ditanggung oleh kerajaan akibat daripada vandalisme ini?

Saya terbaca di England pada tahun 2016, *the cost of false alarm- sorry, yang ini false alarm, sorry*. Berapa banyak kah kerugian hasil daripada vandalisme pili-pili paip ini?

Tadi Yang Berhormat juga menyebut *false alarm*. Saya hendak bertanya, berapa kali kah *false alarm* ini berlaku dalam setahun? Kenapa ia berlaku? Bagaimana setakat ini kementerian mengatasi masalah ini, Jabatan Bomba mengatasi masalah ini? Saya mendapat makluman bahawa di *United Kingdom, the cost of false alarm in the UK is estimated to be about GBP1 billion a year*. Tuan Yang di-Pertua, *GBP1 billion a year*. Ini banyak. Kalau di Malaysia berapa? Yang Berhormat Menteri, berapa banyak *false alarm* dan berapa kos *false alarm* itu?

Kemudian ada juga kalau kita tengok terdapat sebuah rumah di Kedah dulu, rumah yang menempatkan anak-anak kita yang OKU yang pekak dan bisu. Mereka ini kalau bunyi pun tidak dengar, kalau api naik pun mereka tidak tahu. Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk memberi penerangan kepada mereka ini sebagai persediaan awal? Adakah mereka ini ditunjuk dengan video-video dan sebagainya untuk mereka menyelamatkan diri sebelum *fire fighters* datang untuk membantu mereka? Apakah ada penerangan-penerangan yang diberi secara menyeluruh di setiap negeri? Kalau di luar negara, kita melihat ada *special alarm for them*. Kalau mereka membaca buku pakai Braille, pekak dan bisu ini ada *special alarm for them*. Apakah kementerian telah mengkaji untuk meletakkan *alarm-alarm* ini di rumah-rumah tersebut? Ini soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri, kalau kita lihat daripada kurikulum *fire fighter courses* ini yang dijalankan di luar negara dan juga di dalam negara, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kursus-kursus yang telah diberikan ini menyeluruh? Contoh, *Workplace Fire System (WPS)*, *BFF* atau *Basic Fire Fighting including SCBA*, *Advanced Fire Fighting Courses*, *Off Shore Emergency Response Team Members*. Apakah kursus-kursus ini diberikan kepada mereka di kampung-kampung?

Saya tahu pernah sebuah bot terbakar, mereka tidak dapat membantu kerana tidak ada *facilities*, tidak ada *equipment* untuk membantu kapal yang terbakar di tengah laut. Kawasan saya kawasan persisiran pantai. Apakah *equipment* yang ada sekarang mencukupi? Apakah kita ada helikopter tersendiri? Apakah kita sudah ada bot-bot yang tersendiri bagi negeri-negeri atau bagi kawasan-kawasan yang di tepi pantai? Yang Berhormat Menteri, ini soalan-soalan yang saya tujukan kepada Yang Berhormat Menteri.



Akhir sekali, kita perlu memperjuangkan anak-anak sukarelawan dan juga ahli-ahli bomba yang berada di Malaysia ini. Saya juga mengambil kesempatan hendak mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Bomba kerana semasa taklimat dimaklumkan saya telah diberi jam dan hari ini saya pakai jam tersebut kerana saya berasa bangga.

■1620

Saya berasa bangga sekali dengan sukarelawan-sukarelawan dan juga bomba-bomba yang menyelamatkan kita. Ada rakan tanya dia kata letak harga di situ RM216. Saya kata RM216 bukan harganya. Bukan harganya. Mereka ini *not worth a single cent*. Mereka ini semua tidak peduli langsung bab harga yang dibayar kepada mereka dengan apa kerja yang mereka buat. *They don't care. They don't care.*

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Laluan.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Minta lah laluan.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Boleh minta laluan.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Okey.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Tuan Yang di-Pertua, fasal apa saya bangun ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Tok Mi ini terkenal sebagai PEMADAM. Bila PEMADAM dia bukan bomba. Ya, kak Limah. Dia bukan bomba. Pemadam api bukan pemadam. Dia PEMADAM fasal dadah. Jadi, sebab itu bila Tok Mi *the only person* yang pakai jam ini pertama sekali sebenarnya saya hendak *repeat* dia hendak tunjuk dekat kak Limah *how serious he is*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak masuk dalam *Hansard* pun tidak ada makna apa pun. Jadi, tidak usah masuk dalam *Hansard* saya yang itu. Jadi, akhir sekali seperti mana yang saya katakan tadi saya amat berbangga dengan rang undang-undang yang dibentangkan ini. Memang sudah sampai masanya diambil daripada ROS dan dijalankan sendiri oleh Jabatan Bomba. Terima kasih. Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah yang banyak menceritakan perjuangan dia bersama. Sekarang saya menjemput yang terakhir sekali iaitu kita punya presiden Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad. Dipersilakan.

**4.22 ptg.**

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah rabbil alamin... [Membaca doa]*. Salam sejahtera kepada semua dan salam Negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membahaskan saya hendak ambil kesempatan untuk bahas sedikit. Saya hendak tambah sebab rakan-rakan banyak sudah menyentuh segalanya sampai ke jam pun sudah sentuh. Saya bukan tidak mahu pakai Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah. Saya bukan tidak mahu pakai. Yang Berhormat Kak Limah ingat saya tidak mahu pakai. Akan tetapi, sampai semalam saya *dok try* buka kotak itu tidak boleh... *[Dewan ketawa]* Saya pun tidak tahu dekat mana suis dia. Saya hendak buka kotak jam itu tidak boleh hendak buka. Saya tidak tahu dekat mana letak suisnya untuk saya buka. Saya *try* ikut bawah, tidak boleh. Ikut tepi, tidak boleh... *[Disampuk]*

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Bagi saya. Bagi saya.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Boleh? Kepada yang tidak terima itu saya rasa kak Limah bawa *spare*. Jangan minta yang saya punya. Dia tidak hadir malam itu. Yang Berhormat Datuk Megat tidak hadir. Jadi, dia minta saya punya. Saya bagi dekat dia, dia pecah kotak nanti. Bukan dia buka.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya tidak dapat.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Oh. Tidak dapat? Saya akan dapatkan, *insya-Allah*. Yang Berhormat Kak Limah ada ramai yang tidak dapat. Termasuk rakan-rakan yang bukan Ahli Majlis Senator tolong bagi. Tolong bagi. Kesian. Kawan-kawan. Semua kawan-kawan. Yang Berhormat Hajah Khairiah akan berpencen juga. Pencen itu belum. Itu belum tambah. Ada yang hendak tambah. Memang habis satu penggal. Macam Yang Berhormat sudah habis dua penggal. Sudah *confirm*-lah tidak boleh tambah. Melainkan kita pinda Perlembagaan- lah. Selepas kita menang dua pertiga nanti. *Insya-Allah... [Dewan tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh itu juga saya ingin menyampaikan salam rakan-rakan Yang Berhormat yang lain kepada rakan-rakan yang akan bersara. Selamat maju jaya. Walaupun di luar Dewan kita masih lagi sahabat. Kita masih lagi kawan-kawan. Kita masih lagi rakan. Maka, kita akan terus berinteraksi sebagai ini dan kita masih lagi boleh bersama-sama termasuklah rakan-rakan saya semua.

Saya tidak pernah ada kecil hati dengan sesiapa dan kita boleh terus berkawan dan berhubungan. Nombor telefon semua ada dalam *WhatsApp* Senator Parlimen. Jadi kita boleh

simpan nombor itu sebelum Parlimen keluarkan nombor-nombor kita, simpanlah nombor kawan-kawan kita agar kita dapat berinteraksi lagi dan kita boleh juga buat program-program yang mana Majlis Senator akan buat. Bagi yang telah berpencen boleh ikut serta di dalam program-program yang kita buat, *insya-Allah*.

Saya juga ingin mengambil kesempatan Tuan Yang di-Pertua kerana sebelum kawan kita pencen, dia pergi Kuala Kubu tidak ada nama atas batu. Jadi, dia *dok complaint* dekat saya minta kalau boleh, kalau boleh. Saya tidak berniat hendak tegur sesiapa sekali pun. Pegawai mana kah, Ketua Pegawai mana kah. Saya tidak berniat. Kementerian mana yang terlibat pun saya tidak berniat. Saya bukan hendak tuduh sesiapa tetapi saya hanya minta supaya kita anggota Dewan Negara ini diberi pengiktirafan. Diberi pengiktirafan, martabatkan kita, memperkasakan kita yang itu yang kita perjuangkan. Kalau tidak saya tidak guna berdiri di sini hari ini pakai uniform. Pakai uniform pula hari terakhir ini sebab saya menghadap pendaftar pertubuhan hari ini pakai uniform Tuan Yang di-Pertua. Segak kan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Segak.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Sudahlah orangnya *handsome*. Pakai pula uniform yang segak. Saya bermaksud ini, Tuan Yang di-Pertua. Cuba kita lihat di Dewan Rakyat, contohnya. Ada nama-nama ukiran atas kayu daripada merdeka sampai sekarang. Ada nama. Semua anggota termasuk yang Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, satu hari nanti Tuan Yang di-Pertua juga pencen lepas itu tidak ada atas kayu. Cuba bayangkan. Kenapa kita ini selalu diketepikan? Itu maksud saya. Saya tidak mahu menuduh sesiapa tetapi tidak bolehkah kita buat satu keputusan supaya kita sama rata. Kalau tidak mahu bagi kami lebih pun sama rata. Sepatutnya bagi lebih sebab kita adalah lantikan Yang di-Pertuan Agong. Saya kata dekat Tan Sri Profesor tadi. Mana tadi, tidak ada. Saya kata kita ini lantikan Yang di-Pertuan Agong. Sana dilantik oleh rakyat. Antara Agong dengan rakyat mana lebih besar? Sudah tentulah Agong. Kalau kita tidak menghormati yang dilantik oleh Agong bermakna seolah-olah kita menderhaka kepada Agong.

Jadi, yang ini yang saya minta supaya diberi pertimbangan. Bagi. Tidak mahu bagi lebih bagi sama rata. Sudahlah gaji kurang daripada mereka. RTM ini. Contohnya RTM. Oleh sebab kita ini jalan serentak, Tuan Yang di-Pertua. Jalan serentak Dewan. Minta maaf. *Concurrently*, jalan serentak. Jalan serentak 10.00 sampai 11.30 tunjuk zoo negara sahaja. Tunjuk zoo negara. Tidak tunjuk kita ini. Apa sebabnya? Ini RTM ini. Padahal RTM ada RTM1, ada RTM2. Saya kata dekat pegawai dia. Kalau ini pun hendak pilih kasih, tidak betul. *You* ada dua *channel*, tunjuk satu Dewan Rakyat dan satu Dewan Negara. Sudah tentulah Dewan Negara RTM satu. Sebab kita

*number one*. Nombor *wahid*. RTM2 tunjukkanlah zoo negara. Tidak ada masalah. Dewan Negara satu, zoo negara satu. Okey, tidak ada masalah.

Akan tetapi, kenapa kita? Saya tanya kenapa? Dia kata tengok pukul lapan malam. Lapan malam itu secebis tiga minit. Ada dua minit kadang-kadang. Kenapa itu pun hendak ketepikan kita? Jadi, yang ini kita tidak faham.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** [*Berdiri*]

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tengah dok laju ini. Nanti dahulu. Hendak masuk gear lima. Duduk *sat*. Duduk *sat* Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** [*Ketawa*]

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Ini hendak gear lima ini. Saya bukan dari segi ini saya rasa tidak betul lah. Bila saya tegur, jangan orang lain berasa hati, hendak ambil hati, hendak marah. Saya tegur kerana kebaikan. Saya- tandas sebelah sana. Kak Limah saya pernah tengok *you* hendak pergi tandas di belakang ini. Saya tidak tahu keadaan tandas di sini macam mana. Akan tetapi, yang lelaki punya kak Limah, aduh. Di sana ada *signboard*, tandas untuk Ahli Parlimen. Di sini tiada, bermakna *public use*.

#### ■1630

*Public used* bermakna kita perlu orang untuk cuci lebih ramai. Tidak payah letak ramai, letak seorang pun saya sudah puas hati. Dulu masa di dewan sementara kita ada. Ini, masuk dalam itu macam masuk perigi, telaga, becak. Apa hal ini? Saya tanyalah kepada makcik itu, sudah dia perempuan hendak jaga tandas lelaki, bayangkan. Cuba bayangkan. 'Pak Lah', betulkah 'Pak Lah? Kita tengah hendak duduk di tempat *urinal* itu, dia masuk dia *go stand* balik. Cuba bayangkan kalau ada kawan-kawan yang londeh, macam mana? [*Ketawa*] Tidak kah kacau.

Saya kata, "Kenapa makcik ... " *Mbak, mbak*. "Kenapa *mbak* masuk tempat *cowok*?". Dia kata, "Tidak orang". "Tidak ada orang?". "Ada lah. Saya ada di dalam ini". "Tidak ada orang kerja". Tak kacau. Maksudnya dia masuk di situ kerana tidak ada orang bekerja, dia bekerja. Dia kerja bawa apa? Bawa semburan, pewangi. Tuan Yang di-Pertua, sedih saya tengok. Saya tidak suruh bubuh itu, saya suruh bubuh *signboard* di situ kata ini "*Tandas Ahli Dewan Negara*". Kasihan pada pegawai kerajaan. Hendak berlari ke mana? Kami ini kalau hendak ikut masuk untuk Ahli Parlimen, kita pergi lari dari sini pergi sana, bertaburan ini sepanjang jalan. Bertaburan, meleleh, basah seluar Tuan Yang di-Pertua. *Sometimes* kita, dengan izin, *used common sense*. Tidak boleh. Kita kena jaga semua.

Saya itu maksud saya. Bukan saya hendak menuduh sesiapa. Saya sedih sebab benda-benda ini. Saya cerita pada Tuan Yang di-Pertua, “Okey, okey, saya panggil meeting, saya buat”. Saya kata, “No. Saya hendak balun”. Saya hendak beri semua tahu. Biar ahli-ahli saya juga tahu bahawa ini perjuangan bukan sahaja kita hendak duduk di sini, kita hendak bercakap soal rakyat apa. Kalau kita sendiri tidak terpelihara macam mana kita hendak jaga rakyat. Itu maksud saya. Jadi kepada yang berkenaan, tolonglah. Sudah itu selamat bersaralah kepada yang hendak bersara ini, *insya-Allah*.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Sekarang baru saya hendak sentuh fasal bomba.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Boleh celah? Boleh?

**Dato’ Sri Khairudin Samad:** Ini boleh celah.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Dia tidak pandai minta. Cuba belajar minta macam mana. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebelum Yang Berhormat Senator Dato’ Sri Khairudin pindah ke tajuk lain, saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah, memang layaklah kita pilih menjadi Presiden Majlis Senator Malaysia ini. Kita beri tepukan... *[Tepuk]* Memang layak sebab memperjuangkan hak Ahli-ahli Dewan. Ini bukan senang ya. Ia akan ada yang suka, akan ada yang marah tetapi kerana untuk mengangkat martabat Dewan ini, kita rasa banggalah Presiden kita membawa suara ini dalam Dewan supaya diberikan perhatian...

**Tuan Yang di-Pertua:** Berkenaan dengan? Berkenaan dengan tandas? Hendak kencing?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Semua sekali Tuan Yang di-Pertua. Jadi ditambah lagi dengan kacak betul Tuan Yang di-Pertua. Petang ini masuk cukup *handsome*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Jadi saya hendak menunaikan hasrat semalam sebab Tuan Yang di-Pertua kata...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, boleh, boleh. Sila.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Hari ini. Saya hendak mengucapkan selamat bersaralah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi saya kena beri amaran. Yang Berhormat ini lawan tetap lawan [*Ketawa*]

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Dia Tuan Yang di-Pertua, sebab saya kena cakap dengan Yang Berhormat Siti Aishah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Sebab dia ini macam adik saya. Saya sayang dia tetapi selalu saya bergaduh dengan dia dalam Dewan ini sebab masing-masing ada ideologi masing-masing. Saya hendak mendoakan dia menang kalau dicalonkan, tidak adil sebab saya tidak boleh mendoakan dia menang tetapi saya mendoakan mana tahu kalau hendak berhijrah, "*Abang sentiasa menunggu di sini*" [*Ketawa*] UMNO, kita boleh hantar borang, mana tahu hendak berhijrah. Jadi selamat bersara. Mudah-mudahan berjaya dan kepada semualah termasuk abang-abang yang lain. Jadi apa-apa pun terima kasih Presiden kerana membawa suara Ahli Dewan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih banyak-banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Ada lagi?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Saya ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, beri celah.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Belum bahas. Saya tadi ambil kesempatan Tuan Yang di-Pertua untuk hendak mengucapkan selamat kepada kawan-kawan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi saya dengar Yang Berhormat tadi...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Itu saya selit sedikit fasal tandas, fasal ukiran nama, saya selit sedikit-sedikit. Ada orang berasa bila saya tegur. Saya tegur untuk kebaikan Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu ganggu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi Yang Berhormat kena tegur pegawai yang berkenaanlah. Jangan pula silap tegur.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** [*Ketawa*] Tidak. Saya tidak mahu selalu ganggu Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua banyak masalah, banyak perkara. Walaupun kita tahu *handsome* dan baik dan semua dan segala-galanya ada, lengkap, tidak ada yang kurang Tuan Yang di-Pertua. *You* dilahirkan lengkap segala-galanya.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Saya sokonglah.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Selepas itu daripada mana ini saya hendak ucapkan selamat datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, saya pun tidak tahulah Yang Berhormat... [*Dewan ketawa*]

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tidak apalah. Kita ucapkan selamat datang kepada rombongan yang ada di dalam Dewan ini... *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini dari Kulai.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Dari Kulai ya. Okey, selamat datang ke Dewan yang mulia ini.

Saya sekarang ini baru hendak masuk ke dalam- tadi Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan hendak tanya apa tadi, tidak ada? Dia hendak tanya sedikit. Saya suruh duduk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Tidak. Saya *dok* dengar tadi Dato' Sri *dok* sebut kata Dewan Negara dengan Zoo Negara. Jadi saya hendak perelaskan apa yang dia *dok* sembang Zoo Negara dengan Dewan Negara ini. Saya tidak tahu yang itu. Jadi minta penjelasan.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Saya macam inilah, saya sebut itu sebab Dewan Rakyat kita ini asyik sampaikan kadang-kadang saya pun tidak faham, hendak dengar apa dia yang diucapkan, tidak boleh *[Ketawa]* Jadi, kalau di dalam Dewan Negara, saya duduk dengan baik, saya dengan ikhlas, saya suruh Yang Berhormat bangun. Tuan Yang di-Pertua pun boleh dengar sebiji-biji apa yang kita bercakap. Itu maksud saya. Jadi bunyi macam Zoo Negara, beza dengan Dewan Negara. Jadi RTM ini kena beri perhatian kepada Dewan Negara. Zoo Negara bila-bila boleh pergi tengok. Tidak ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Selepas itu hantu pun ada dalam Dewan Rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ini berkenaan dengan Dewan ini, kedua-dua pun Dewan yang mulia. Tolong jangan gunakan Dewan Rakyat ini sebagai Zoo Negara Yang Berhormat. Kita kena hormati kedua-dua Dewan.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Saya tarik balik Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang petang ini seloroh bergurau ini kadang-kadang tersilap. Minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak masuk ke bab bomba ini. Saya tidak mahu sentuh yang lain tetapi saya hendak minta Yang Berhormat Menteri, pertama, bangunan-bangunan kerajaan. Saya sebut dalam mesyuarat dalam taklimat baru-baru ini tetapi saya hendak panjangkan lagi. Bangunan-bangunan kerajaan janganlah kita kecualikan daripada apa yang diperlukan oleh pihak bomba. Kalau bangunan kerajaan ini kalis api, tidak boleh terbakar, ia tidak

ikut piagam bomba tidak ada masalah. Akan tetapi mereka juga ada benda-benda yang boleh berlaku yang boleh menjadi kebakaran.

Contohnya apa yang berlaku di hospital Johor dan baru-baru ini di Kuala Lumpur di HKL dan kita tidak tahu lagi apa dia sebab. Di HKL kalau Yang Berhormat Menteri tahu boleh beritahu dalam Dewan ini apa sebab. Kalau di Putrajaya baru-baru ini, saya tanya kuarters kerajaan juga boleh terbakar. Maka berlakulah kebakaran di Precint 16, di kuarters *apartment*, kebakaran.

Akan tetapi untuk bomba hendak sampai ke situ, ada masalah sebab *parking* kereta sebelah malam orang sudah balik kerja, *parking* kereta itu tidak mencukupi kerana kita beri petak letak kereta ini kurang daripada unit rumah yang ada. Itu kalau saya tanya di Perbadanan Putrajaya mereka kata itu ikut akta lama. Saya pun tidak tahulah Yang Berhormat Menteri lebih arif kerana *parking* kalau Yang Berhormat Menteri pergi tengok di semua kuarters kerajaan di Putrajaya pada sebelah malam, memang menakutkan. Bomba tidak boleh masuk, ambulans tidak boleh masuk. Kereta saya hendak masuk pun tersekat. Kalau ada program yang mereka memerlukan pemimpin untuk datang, tidak boleh hendak masuk.

#### ■1640

Jadi kita kena ambil perhatian, kita kena cari satu kaedah macam mana kita hendak selesaikan masalah *parking* ini supaya bila berlaku kebakaran kita buat bangunan 2 hingga 30 tingkat untuk kakitangan kerajaan tinggal. Akan tetapi, kalau swasta kita letakkan syarat macam-macam kalau tidak, tidak lulus. *Development order* tidak dapat, semua tidak dapat sebab tidak ikut apa yang disyaratkan.

Akan tetapi untuk kuarters kerajaan fasal apa kita longgar, kita biar ataupun kita tidak berani mengambil tindakan. Saya rasa tidak patut. Ini perlu diberi perhatian supaya kita dapat mengatasi masalah-masalah kalau berlaku. Kita hendak wujudkan bomba sukarela ini yang tangga tinggi pun tidak ada. Tangga tinggi yang ada dalam balai bomba pun tidak cukup tinggi, belum cukup tinggi dan helikopter hendak lepas air pun bukan mudah. Helikopter yang kita ada yang kita beli daripada Rusia ini. Itu satu.

Kemudian bila kita bercakap fasal bomba sukarela ini, saya pernah bercakap Dewan yang mulia ini, saya kesian kepada rakan-rakan kita yang duduk di dalam APM yang diketuai oleh Jeneral Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim. Kita pun Brigedier Jeneral ini semua tapi saya hendak sebut ini mereka ini berhempas pulas sama macam bomba. Esok ini kita hendak tubuh pula sukarelawan bomba dan saya dengar ada insentif, elaun-elaun khas yang akan diberikan.

APM ini bukan duduk di bawah bomba tapi tugas dia macam bomba. Kenapa tidak mereka ini juga dimasukkan ke dalam sukarela bomba ini supaya mereka juga dapat merasai apa yang



akan dirasai oleh ini. Sekarang ini ada marin pula APM ini. Jadi mereka ini juga perlu diberi insentif yang cukup supaya mereka dapat menyelamatkan beberapa- ular saya panggil bomba pun bomba kata telefon, panggil APM. Ular sudah masuk rumah saya sudah tujuh ekor Tuan Yang di-Pertua, dia sebab musim panas ini dia hendak cari tempat redup, dia hendak cari tempat sejuk. Rumah saya ini dia rasa macam tempat *air-condition* dia. Jadi dia masuk. Jadi bila dia masuk ular yang belang di kepala itu. Jangan main-main 10 saat *wassalam*, 10 saat dia patuk *wassalam*.

Jadi bila kita panggil bomba, bomba kata panggil APM. APM sudah mengajar saya macam mana hendak selesaikan masalah ini. Sewaktu saya menghadiri majlis saya bagi nasihat juga kepada mereka. Kalau ular masuk rumah, jangan lupa sediakan *Baygon*. *Baygon* ini rupanya Tuan Yang di-Pertua- *Ridsect* tidak jalan, *Shelltox* tidak jalan- *Baygon*. Akan tetapi kalau tidak belajar apa yang APM belajar atau bomba belajar jangan pandai-pandai. *Baygon* ini dia sembur dulu baru tangkap tetapi hendak tangkap dia ada alat, jangan pegang dengan jari. Dia patuk balik baru kita patah balik. Tidak boleh.

Akan tetapi ini APM ajar saya, saya tidak tahu bomba boleh mengajar benda yang sama tetapi APM ajar pakai *Baygon*. Jadi saya sekarang ini semua ceruk rumah saya pakai *Baygon*. Saya letak *standby* sebab sudah tujuh ekor. Lagi satu lebah, dia padam lampu semua dia sembur- dia datang waktu malam dia sembur dengan *Baygon* habis semua *wassalam*. Yang *wassalam*, dengan madu-madu sekali *wassalam*. Bukan madu orang rumah Tuan Yang di-Pertua, madu lebah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Jangan ingat di rumah saya ada madu juga. Saya tidak simpan madu orang rumah. Saya simpan madu lebah. Kak Limah madu lebah, *please take note*.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Luar rumah ada?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Luar rumah pun tidak ada [*Ketawa*] Luar rumah pun tidak ada. Jadi itulah yang saya hendak sebut kemudian kalau ada yang lain-lain tadi rakan-rakan sudah sebut, saya setakat itulah supaya saya tidak mahu bagi Kak Limah pening.

Akan tetapi, kalau tidak saya tidak berucap saya pun macam Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan. Kalau saya tidak sentuh, dia pun balik tidak lena sebab Dato Sri' Khairuddin tidak berucap. Fasal itulah saya minta izin Tuan Yang di-Pertua dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terima kasih banyak kerana sudi lagi mendengar celoteh saya sehingga kita berjumpa di Dewan yang akan datang.

Saya tadi minta *list* sehingga Jun kerana saya jangka ada Dewan selepas pilihan raya sebab sana Majlis Mengangkat Sumpah sini- di Dewan rakyat Majlis Mengangkat Sumpah , di Dewan Negara kita akan bersidang, *insya-Allah*.

Terima kasih banyak-banyak saya turut menyokong pindaan rang undang-undang bomba ini. Sekian. *Wabillahitaufikwalhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat tapi yang fasal Dewan bulan ini kita biarkan kepada kerajaan sahajalah Yang Berhormat. Yang Berhormat cakap Jun, saya cakap biarkan kepada...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** *Insya-Allah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**4.53 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ada tebal macam ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yakah?

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Ya, ini mahu sampai esok sampai jam enam setengah ini. Ini sebablah kali terakhir Tuan Yang di-Pertua sebelum pilihan raya yang kita akan menang. Kita akan menang dua per tiga... *[Tepuk]* Jadi kali terakhir sebab itu saya tulis semua ini sampai tebal macam ini ataupun Tuan Yang di-Pertua saya jawablah mana yang penting, yang lain itu saya jawab secara bertulis. Jadi tidak payahlah sampai enam setengah esok pagi. Saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak kementerian dan hari ini bersama dengan saya ialah TKSU saya, ini *team* saya Tuan Yang di-Pertua, TKSU saya Dr. Mary ada, ini orang kuat yang memperjuangkan pindaan kepada Akta Perkhidmatan Bomba ini. Yang Berbahagi Dato KP saya Dato' Sri Hj. Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim. Hendak pencen ini Tuan Yang di-Pertua, bulan Mei ini, hendak pencen. Jadi kita ucapkan terima kasih Dato' kerana telah berjaya membawa pindaan rang undang-undang ke Dewan Rakyat dan ke Dewan Negara pada hari ini... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mulakan kepada menjawab beberapa perkara. Banyak perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Pertama yang telah pun- izinkan saya juga Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana dia banyak sangat, saya tidak

mengikut kepada urutan perbahasan Tuan Yang di-Pertua dan mungkin ada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator saya tidak menjawab mengikut kepada nama yang ada kerana ada sebahagian besar daripada isu-isu ataupun cadangan-cadangan, masalah yang dikemukakan ada hubung kaitnya pula dengan perbahasan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili bertanyakan insentif, peruntukan kewangan dan elaun sara diri yang kita sediakan untuk bomba sukarela. Jadi saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator dan izinkan saya juga Tuan Yang di-Pertua kalau mana-mana di antara Senator-senator yang telah membahaskan tetapi tidak ada dalam Dewan, saya jawab secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan Yang Berhormat Menteri ini kena buat usul banyak Yang Berhormat Menteri minta izin.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Tidak banyak kerana untuk memendekkan masa dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dapat jawapan secara bertulis. Secara lisan dan bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, saya izinkan Yang Berhormat.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang Tuan Yang di-Pertua yang paling *handsome* sekali [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili, terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Insentif, peruntukan dan sebagainya.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator, kerajaan telah pun menyalurkan. Walaupun sebelum pindaan akta ini Yang Berhormat Senator, Kerajaan Persekutuan, kerajaan kita di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Sri' Najib, Perdana Menteri kita. Kerajaan telah menyalurkan peruntukan sedia ada, kewangan kepada PBS. Saya sebut pasukan bomba sukarela sebagai PBS lepas ini.

Pada masa ini iaitu geran bantuan tahunan kepada PBS sebanyak, dengan kadar RM3,000 setiap pasukan pada setiap tahun. Itu yang sedia ada dan kerajaan memperuntukkan sebanyak RM1.07 juta bagi pemberian geran pada kadar RM3,000 kepada setiap pasukan PBS yang ada pada setiap tahun.

Dalam pindaan akta ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan memberikan elaun kepada PBS. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah pun mengambil langkah yang proaktif untuk berunding dengan pihak JPA berkaitan dengan elaun yang kita akan berikan kepada PBS kerana dalam pindaan Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018 yang kita bentangkan pada hari ini Yang Berhormat, ia ada menyebutkan elaun kepada PBS, kepada pasukan bomba sukarela. Jadi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Tuan Yang di-Pertua, sedang berunding dengan pihak JPA berkaitan dengan elaun PBS.

■1650

Bagi elaun PBB pula, pasukan bomba bantuan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Pada masa ini PBB sedang diberikan kemudahan elaun-elaun seperti elaun bertugas, *standby*, elaun latihan, *bounty*, elaun perjalanan, elaun penyelenggaraan, pakaian seragam dan sebagainya. Jadi itu yang pertama. Kedua, mungkin saya pun boleh sebut kepada Yang Berhormat apa beza antara bomba biasa, bomba bantuan dan bomba sukarela? Jadi supaya kita tidak keliru kerana ini tiga perkara yang kita bawa dalam pindaan yang telah pun saya bacakan, yang telah pun dibahaskan dan *insya-Allah* akan disokong oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Jadi bomba biasa- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bertugas di seluruh balai, melakukan kerja pepadaman kebakaran dan juga kerja-kerja penyelamatan. Itu anggota bomba, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Bagi pasukan bomba bantuan Tuan Yang di-Pertua, mereka berada di balai, bertugas secara *standby* atau *on call* dan berperanan seperti bomba sepenuh masa. Bagi bomba sukarela pula, mereka berada di balai bomba yang dibina oleh pasukan PBS sendiri. Mereka bina, mereka ada balai-balai yang mereka bangunkan melalui usaha yang dijalankan oleh PBS sendiri berfungsi sebagai pasukan awal, *fire cover* untuk memadam kebakaran di kawasan jagaan sebelum anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia daripada balai-balai yang ada tiba sepenuh masa untuk mengambil alih peranan untuk pepadaman kebakaran.

Apakah garis panduan, perincian, tata kelola, tata amalan yang dibangkitkan oleh -- supaya tidak keliru antara pasukan bomba yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Pasukan bomba sukarela dan pegawai bomba bantuan, mereka tidak diberikan kuasa. Berbeza daripada anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Mereka tidak diberikan apa-apa kuasa untuk melaksanakan apa-apa tindakan penguatkuasaan dari segi undang-undang.

Mereka hanya melakukan kerja-kerja memadam kebakaran, menyelamatkan dan membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Sejauh manakah komitmen kerajaan untuk menarik

minat orang awam untuk menyertai pasukan PBS ini? Bagi menarik minat orang awam untuk menyertai PBS dan juga PBB ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan komited menjalankan kempen melalui laman web jabatan, media sosial dan sebagainya dan kerajaan juga memaklumkan bahawa kerajaan menyediakan beberapa faedah insentif untuk menggalakkan supaya penyertaan daripada masyarakat awam secara ramai ini dapat kita tarik.

Antaranya insentif perlindungan, insurans berkelompok, melindungi kecederaan dan kematian kepada anggota PBS. Malah ianya telah pun dilaksanakan sejak dari tahun 2013. Bagi geran bantuan kewangan tahunan, saya sudah sebut tadi RM3,000, pemberian jentera dan kelengkapan serta peralatan, membekalkan, dengan izin, *personal protective equipment (PPE)*, elaun semasa bertugas, menjalankan latihan, penyelenggaraan balai mereka yang mereka bina dan juga peralatan PBS.

Bagaimana kerajaan dapat menyalurkan bantuan perolehan? Sediakan bantuan termasuk peruntukan untuk naik taraf balai-balai PBS telah pun kita mohon dalam RMKe-11 bagi tahun depan, tahun 2019. Kerajaan juga akan membuat beberapa perolehan kenderaan peralatan sebanyak 200 unit Tuan Yang di-Pertua untuk kenderaan PBS dan pada tahun 2018 ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membuat perolehan tambahan sebanyak 50 unit lagi. Jadi kerajaan bercadang untuk kita terus membuat permohonan peruntukan tambahan dari masa ke semasa untuk memudahkan, memberikan sokongan kepada PBS yang ada.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, adakah balai bomba di seluruh negara mempunyai kelengkapan melawan bahan kimia? Setiap balai bomba mempunyai peralatan asas, setiap, bagi kemalangan bahan kimia berbahaya dan kerja-kerja melawan bahan kimia berbahaya ini dia menjadi satu tugas yang memerlukan kemahiran dan peralatan yang khusus. Jadi oleh kerana itu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menyediakan pasukan khas bagi tujuan ini dan pasukan ini ada di setiap negeri dan akan di-*mobilize* bila ada kejadian-kejadian seperti ini berlaku.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, apa insentif...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, Yang Berhormat minta laluan.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Ya, sila. Hendak tanya fasal tandas kah?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tidak, tidak.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Tidak ya. Okey sila.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Saya hendak tahu kalau kata lengkap semua, misal katalah kapal terbang jatuh di atas jalan raya, sebab bomba yang lengkap dengan *foam* yang

jenis itu, yang untuk kapal terbang ini di lapangan terbang. Kalau jatuh di atas jalan raya di Sungai Besi ini kata, adakah kelengkapan yang sama daripada balai-balai yang ada? Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Kesiapsiagaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua, bila-bila masa. Bersiap-siaga pada apa juga keadaan yang akan berlaku. Akan tetapi apa yang disebutkan oleh Presiden Senator-Senator Malaysia tadi Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin, *nauzubillahiminzalik* lah supaya tidak berlakulah. Janganlah cerita kapal terbang terhempas dekat atas jalan raya ya. Kita harap semua selamat, *insya-Allah*. Akan tetapi apa pun Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sentiasa bersiap-siaga untuk menghadapi apa juga keadaan yang memerlukan kepakaran dan perkhidmatan mereka. Apakah insentif tambahan yang boleh kita timbangkan untuk pegawai dan anggota yang memiliki kepakaran HAZMAT? Setiap tahun Jabatan Bomba membekalkan PPE berikut dengan kepada PBS dan kepada PBB:

- (i) *fire fighting suits;*
- (ii) *fire fighting gloves;*
- (iii) *fire fighting boots;* dan
- (iv) *fire fighting helmets.*

Ini adalah kelengkapan yang kita berikan kepada mereka.

Jadi saya harap Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi, kalau ada perkara-perkara yang lain Yang Berhormat boleh jumpa saya di belakang. Terima kasih, kita *PM* tepi. Okey

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Seorang saja lah, banyak *kang* tidak terlayan pula. *[Ketawa]* Okey. Berbangkit dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor. Terima kasih Yang Berhormat harumanis. Kalau tidak ada pun kita harap kita sentiasa ada bekalannya. Sentiasa dalam ingatan ku.

Adakah Jabatan Bomba dan Penyelamat bercadang melantik perunding imej bagi kemahiran berkomunikasi, etika dan sebagainya? Kerajaan mengambil maklum atas cadangan baik yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dan walau bagaimanapun buat masa ini latihan secara berterusan kepada PBS ini kita berikan secara setiap minggu selama dua jam di balai terdekat dengan PBS dan dalam sebulan PBS akan menjalani latihan selama lapan jam di balai-balai yang berhampiran.

Kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad, tahfiz. Apakah persediaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk tahfiz? Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, kerajaan telah pun menubuhkan *High Level Committee* (HLC) yang dipengerusikan

oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah pun diberikan peranan untuk menjalankan pemeriksaan, siasatan kepada semua tahfiz-tahfiz yang ada di seluruh negara dan ini termasuk juga peruntukan yang telah pun diberikan oleh kerajaan untuk kita membetulkan peringkat awal ini pendawaian-pendawaian elektrik yang ada di semua pusat-pusat tahfiz.

Jadi, dari segi langkah-langkah keselamatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan berterusan melaksanakan tugas pemantauan ke atas semua pusat-pusat tahfiz. Yang Berhormat Datuk Paul Igai, ada Yang Berhormat Datuk ya? Okey, terima kasih banyak-banyak. Yang Berhormat Senator Datuk Paul bangkitkan siapa yang akan lantik pegawai bomba PBS dan kriteria pegawai bomba sukarela. Semua masyarakat setempat, warganegara Malaysia Yang Berhormat Datuk layak dilantik sebagai pegawai PBS, semua. Tidak kiralah di rumah panjangkah, di mana, semua dan mereka ini mesti berumur antara 18 tahun dan bawah 60 tahun ya, Yang Berhormat Datuk. Kalau lebih daripada itu payah pula nanti. 18 tahun ke bawah dan 60 tahun dan mesti mempunyai tubuh yang sihat Yang Berhormat Datuk dan mempunyai fizikal yang baik. Itu syarat yang paling penting.

Adakah PBB akan dimansuhkan dengan pindaan yang kita bawa pada hari ini? Tidak akan dimansuhkan. Dengan pindaan akta ini PBB tidak akan dimansuhkan. Malahan PBB itu termasuk sebagai salah satu perkara yang kita bincangkan dalam pindaan RUU yang kita bawa pada hari ini. Pendaftaran PBS daripada ROS kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, tidak sama sekali akan memberi sebarang implikasi kepada PBB yang sedang bertugas di mana-mana balai bomba kategori Gred D yang ada pada masa ini. Selain daripada itu, kaji selidik isu penggunaan *cladding* selepas insiden kebakaran KWSP. Yang Berhormat Menteri KPKT Tuan Yang di-Pertua telah pun mengeluarkan Yang Berhormat Datuk Paul agar semua premis yang menggunakan *cladding* yang datang daripada bahan mudah terbakar digantikan dengan kadar segera.

#### ■1700

Justeru itu, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Dato' Wan sebelum dia pencen dia kena selesaikan ini semua. Dia kena kenal pasti semua premis yang menggunakan *cladding* yang tidak mematuhi dalam UBBL yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' tadi. Bagi mana-mana premis yang telah dikenal pasti, notis menghapuskan bahaya kebakaran (MBK) akan dikeluarkan kepada empunya premis mengikut peraturan seksyen 8 untuk diambil tindakan bagi menggantikan material yang disebutkan tadi.

Bagaimana pendaftaran pasukan bomba sukarela di kawasan pedalaman yang mempunyai 300 orang penduduk? PBS di pedalaman boleh diwujudkan dan balai bomba yang terdekat akan ke lokasi tersebut seperti di Bario, bagi membantu melancarkan perancangan penubuhan PBS dalam kawasan tersebut. Jadi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia amat menghargai cadangan dan niat murni Yang Berhormat Datuk untuk memberikan sokongan supaya kalau boleh semua rumah panjang dan sebagainya, kawasan-kawasan pedalaman yang sekarang kita telah bekalkan alat pemadam api, boleh ditubuhkan PBS. Jadi, selesai Yang Berhormat Datuk Paul.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, insentif PBS. Saya sudah sebut tadi mungkin saya sebut sikit lagi. Supaya dapat beroperasi dengan baik, kita berikan geran bantuan tahunan sebanyak RM3,000 dengan pindaan pendaftaran PBS daripada ROS kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Geran bantuan tahunan RM3,000 ini kita akan teruskan bagi setiap pasukan bagi setiap tahun yang telah pun kita mulakan daripada tahun 2013. Bantuan *personal, protective equipments*, insentif ini dari segi pakaian dan sebagainya. Insentif perlindungan insurans perlindungan berkelompok, bantuan peralatan kebombaian, contoh *volunteer fire response vehicle*. Di bawah *Rolling Plan* Keempat bagi tahun 2019, Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan bercadang untuk menaik taraf dan menyelenggarakan balai-balai yang dibangunkan oleh PBS yang sedia ada, Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga membangkitkan apakah insentif kepada majikan yang menggalakkan penubuhan pasukan yang pekerjaannya menjadi anggota PBS? Saya ingin memaklumkan, anggota PBS yang bekerja perlu mendapat kelulusan daripada majikan untuk mereka menyertai PBS, itu *for sure*. Insentif secara tidak langsung kepada majikan, kepada syarikat ialah anggota pekerja yang memperoleh kemahiran, pengetahuan sepanjang mereka menjadi anggota kepada PBS dan boleh membantu meningkatkan lagi keselamatan kebakaran di tempat bekerja.

Jadi, itu pulangan yang kita harapkan dapat diberikan kepada majikan. Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Haji Harun, banyak betul Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Haji Harun ini, tebal ini Tuan Yang di-Pertua. Sejauh mana persediaan pengurusan kelengkapan PPE, saya sudah sebut tadi.

Akan tetapi ini dalam konteks memastikan kerja-kerja tangkap haiwan liar berbisa supaya tidak memudaratkan anggota dan pegawai bomba. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun, pada masa kini Tuan Yang di-Pertua, pengurusan tertinggi bomba komited untuk memastikan supaya semua pegawai dan juga anggota Jabatan



Bomba dan Penyelamat Malaysia dilengkapi dengan PPE, dengan pakaian-pakaian yang saya sebutkan tadi, mencukupi dan memastikan PPE ini sentiasa berada dalam keadaan baik. Supaya kita dapat jamin tahap keselamatan anggota dan juga pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada setiap operasi yang dilakukan, termasuklah khidmat khas bagi menangkap haiwan liar berbisa.

Jadi, apakah tugas paramedik? Pada masa ini, JPN telah pun menubuhkan paramedik sendiri iaitu EMRS ataupun kita sebut *Emergency Medical Response Service*. Khidmat ini termasuklah memberi bantuan perubatan kepada anggota bomba ketika mereka menghadapi masalah ataupun apa-apa dalam operasi berkaitan dengan ancaman haiwan liar ataupun berbisa. Kerjasama antara PERHILITAN atau veterinar. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan sentiasa bekerjasama dengan Jabatan PERHILITAN dalam latihan menangani ancaman haiwan liar sejak dari tahun 2015. Contoh, di Jabatan PERHILITAN Perlis dan juga Zoo Negara Taiping. Latihan-latihan ini Tuan Yang di-Pertua, kita akan adakan secara berkala di pusat-pusat latihan bomba yang ada.

Apakah kerjasama antara DOSH dengan bomba dari segi latihan komprehensif? Jabatan Bomba mengambil tindakan untuk mewujudkan kerjasama yang baik ini. Kita kongsi kepakaran, kita kongsi kemahiran berkaitan dengan *escalator*, lif, kren dan sebagainya. Jadi, kursus dan latihan ini diberikan kepada pegawai bomba dalam menghadapi situasi apabila berlaku kecemasan. Dalam pada masa yang sama juga Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Bomba akan menjalankan kerjasama dengan *Malaysia Lift and Escalator Association* untuk dalam menangani situasi-situasi yang mungkin berlaku. Sejauh mana Akademi Bomba di seluruh negara dilengkapi dengan kemudahan alat kelengkapan seperti model, *escalator*, lif dan kren dan sebagainya untuk simulasi?

Pada masa kini Tuan Yang di-Pertua, jabatan belum lagi mempunyai model-model *escalator*, lif dan kren bagi melengkapkan simulasi kerja-kerja menyelamatkan dan latihan kemahiran menyelamatkan. Akan tetapi latihan kita adakan di premis, di lokasi yang mempunyai kemudahan-kemudahan ini bagi melatih pegawai-pegawai kita. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga mempunyai SOP berkaitan dengan perkara ini. Bagaimana kerjasama antara pemilik bangunan DOSH dan pihak berkepentingan? Komitmen, kerjasama diberikan oleh pemilik bangunan adalah sangat baik.

Dalam Audit Keselamatan Kebakaran di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia melalui pemeriksaan menghapuskan bahaya kebakaran dan juga perakuan bomba yang termaktub dalam Akta Perkhidmatan Bomba 1988 iaitu Bahagian 3, dan Bahagian 5,

Perakuan Bomba. Jadi, saya selesai dengan Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Haji Harun. *Last*, berapa lama pendawaian digunakan sehingga menyebabkan litar pintas? Pendawaian di rumah, dalam bangunan semua ini Tuan Yang di-Pertua, di bawah kawal selia Suruhanjaya Tenaga, daripada TNB. Sebaik-baiknya 10 tahunlah pendawaian ini perlu diperiksa semula dan selepas 15 tahun perlu pendawaian semula.

Sejauh mana kesediaan menghadapi masalah krisis air? Jabatan Bomba dan Penyelamat mengambil kira tentang segala kemungkinan yang akan berlaku. Pada masa yang akan datang kita sudah pun membekalkan pam pada jentera dan juga pam mangkuk yang boleh sedut air, Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Haji Harun. Kita ada jentera, kita ada pam mangkuk boleh sedut air daripada sumber-sumber bekalan air terbuka, contoh air sungai, tasik, kolam dan sebagainya, sebagai alternatif kepada *fire hydrant* yang perlu dilakukan. Itu telah menjawab.

Soalan Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, ada *limit* atau *target* untuk PBS? Setakat ini bilangan PBS di seluruh negara Tuan Yang di-Pertua, ialah sebanyak 370 PBS dengan keanggotaan seramai 15 ribu. Bilangan ini masih tidak cukup lagi Tuan Yang di-Pertua, kerana masih banyak lagi kawasan-kawasan jauh dari balai bomba yang mana *response time* yang diletak oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia melebihi 10 minit.

Jadi, saya ingin menggalakkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk kita bersama-sama memberikan sokongan. Tubuhkanlah banyak lagi pasukan bomba sukarela. Mana tahu, lepas pencen ini boleh jadi Chief PBS dalam kawasan masing-masing.

Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif, berapa ramai bomba PBS di Pulau Pinang? Sekarang ini Yang Berhormat, terdapat 13,467 orang PBS, manakala keseluruhan di peringkat negara dan di Pulau Pinang terdapat 1,650. Lepas ini Yang Berhormat pun tubuhkan juga di kawasan Yang Berhormat. Penggunaan air di premis sendiri, rumah kediaman, adakah bomba dilindungi? Bomba peruntukan RM10 juta setiap tahun Tuan Yang di-Pertua, untuk kita baik pulih semua pili-pili bomba kita yang ada masalah. Kebanyakan pili bomba yang ada masalah ini bukan saja dari segi soal tekanan air, termasuklah vandalisme.

Jadi, mungkin agaknya lepas ini kita sudah perkenalkan Teman Pili Bomba- anak angkatkan pili bomba. Jadi, mungkin boleh disemarakkan lagi semangat ini. Bukan saja dari segi PBS, termasuk Teman Pili Bomba untuk di anak angkatkan supaya kita dapat membantu menjaga setiap pili-pili bomba yang secara berkala Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan menjalankan pemeriksaan untuk memastikan semua pili-pili bomba ini berada dalam keadaan siap siaga.

Maknanya, boleh digunakan apabila berlaku sesuatu keperluan. Balai Bomba Penyelamat Nibong Tebal kecil, bangunan lama. Kementerian akan meneliti masalah ini Yang Berhormat, untuk Nibong Tebal. Apa yang Yang Berhormat bangkitkan, *insya-Allah* kalau ada rezeki dalam RMK yang akan datang kita akan masukkan. Tapak telah pun dikenal pasti berhampiran dengan balai yang sedia ada, selesai yang itu. Kemudian saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, kementerian berharap penyertaan masyarakat ke atas pasukan bomba sukarela ini akan dapat meningkat dengan pindaan akta ini.

#### ■1710

Kalau dulu berdaftar dengan ROS, kita di peringkat kementerian terutama bapanya Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, tidak dapat hendak buat lebih daripada itu. Sekarang bila dalam pindaan ini kita cadangkan supaya PBS berdaftar dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, maka sudah balik ke pangkuan ayahnya, jadi ayah sudah siapkan macam-macam untuk anak. Macam-macam ayah akan bagi. Kita juga galakkan lebih banyak lagi penubuhan PBS dan kita harap dengan pindaan akta ini, ia akan dapat meningkatkan lagi perpaduan kaum dalam negara kita melalui mereka menjadi anggota PBS.

Buat masa ini- ia bersabit dengan soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi. Anggota PBS ini terdiri daripada 50 peratus Melayu, 45 peratus kaum Cina dan diikuti lima peratus kaum-kaum yang lain. Jadi saya harap mudah-mudahan dengan penyertaan secara bersama untuk kita kempen dengan pindaan yang ada, dengan insentif-insentif yang kita berikan ini, *insya-Allah*, mungkin lebih banyak lagi PBS boleh ditubuhkan bukan sahaja dianggotai oleh satu-satu kaum secara majoriti tetapi secara bersama untuk kita tingkatkan perpaduan kaum dalam masyarakat kita.

Lain ini semua saya sudah jawab, Tuan Yang di-Pertua. Okey, perlindungan insurans kepada anggota PBS. Perlindungan insurans berkelompok melindungi anggota PBS. Dia meliputi perlindungan kecederaan, kematian serta bantuan kos pengebumian yang telah pun kita laksanakan daripada tahun 2013 yang kita akan kukuhkan dengan pindaan bila anak kita ini balik ke pangkuan.

Jadi ringkasan insurans yang mungkin saya boleh maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau kematian iaitu sebanyak RM15,000, khairat kematian sebanyak RM4,000, keilangan kekal menyeluruh ataupun sebahagian sehingga RM15,000. Ini bergantung kepada maksimum mengikut jadual skala manfaat. Dan perbelanjaan pembedahan perubatan sehingga RM15,000 maksimum setahun seseorang dalam agregat yang ada. Elaun cuti sakit, kemalangan, kecederaan RM10 sehari dengan maksimum 90 hari setahun bagi tidak diwadkan

dan sah hanya sijil cuti sakit daripada hospital kerajaan dan elaun harian hospital RM50 maksimum 30 hari setahun.

Semua saya sudah jawab, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Dato' Haji Suhaimi bangkitkan fasal kapal tadi. Yang Berhormat Dato' Haji Suhaimi, kalau kapal itu berada di dermaga, dia di bawah bidang kuasa bomba ya, Yang Berhormat Dato'. Akan tetapi kalau kapal itu berada di perairan, ia berada di bawah bidang kuasa agensi yang lain, tapi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan bersama-sama berperanan untuk membantu.

Saya rasa itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Kalau ada yang lain-lain, Yang Berhormat, saya minta maaf, kalau ada yang lain-lain yang saya tidak sebut kerana di atas meja saya ini bersepah-sepah entah mana-mana pergi. Jadi bila saya hendak cari ini sudah tidak jumpa. Yang saya jumpa nama-nama yang hebat-hebat itu sahaja tadilah yang saya sebutkan. Saya harap mudah-mudahan dengan pindaan...

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah.

**Datuk Halimah Binti Mohamed Sadiq:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Saya bertanya juga tadi berhubung dengan penyakit-penyakit yang akibat daripada asap kebakaran tersebut- berapa *ratio*? Kemudian berapa kerugian daripada *false alarm*? Kalau di England di-*declare GBP1 billion per year false alarm* telah membawa kerugian. Kalau di Malaysia itu berapa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, kalau data itu tidak ada, boleh bagi secara bertulis.

**Datuk Halimah Binti Mohamed Sadiq:** Data itu ada, Tuan Yang di-Pertua, tetapi dia sudah bertindih-tindih ini. Kalau saya boleh ajak Yang Berhormat Dato' Suhaimi datang tengok meja saya ini, saya ingat Yang Berhormat Dato' Suhaimi pun tidak boleh cari. Akan tetapi maklumat itu sudah ada. Ketua Pengarah saya sudah bagi tadi. Saya minta maaf ya, Yang Berhormat Dato' Suhaimi. Ada sedikit saja ini, tapi nanti saya bagi penuh. Sekejap lagi saya akan bagi. Orang yang istimewa yang saya bagi kemudian. Jadi kita *PM* tepi. Itu orang istimewa saja. Itu orang istimewa ada seorang sahaja. Kita *PM* tepi ya. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Suhaimi... *[Disampuk]* Itu seorang saja.

Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi pihak kementerian mengharapkan supaya penubuhan Pasukan Bomba Sukarela ini yang kita akan pindahkan pendaftarannya kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, ia akan berupaya untuk memberikan faedah kepada rakyat dalam memastikan penyampaian perkhidmatan dapat diberikan dengan baik kerana PBS ini akan ditubuhkan di semua kawasan-kawasan terpencil dan mengikut kawasan

jagaan dan, dengan izin, *fire cover* sebagaimana yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Dia akan membantu pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dari segi respons dan sebagainya.

Saya harap mudah-mudahan pindaan ini akan mendapat sokongan yang padu daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini adalah hadiah kita kepada semua *the unsung heroes*, hero-hero yang tidak didendang atas pengorbanan. Penghargaan kepada hero-hero kita ini menggadai nyawa ini untuk menyelamatkan harta benda dan juga nyawa manusia yang ada.

Jadi mudah-mudahan dengan pengumuman yang sudah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri, kita ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tuan Yang di-Pertua, kerana telah meluluskan elaun khas perkhidmatan sebanyak RM200 setiap bulan kepada anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Sudah lama tunggu ini. Sampai KP hendak pencen baru dapat. Jadi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Juga, kita dapat elaun tambahan kepada anggota Pasukan Bomba Bantuan, Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM2- kalau bagi anggota RM6 kepada RM8 dan pegawai dari RM7.80 kepada RM9.80.

Jadi ini antara berita-berita baik untuk kita berikan penghargaan dan pengiktirafan kepada anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia termasuklah Pasukan Bomba Bantuan dan Pasukan Bomba Sukarela.

Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berbahagia Datuk KSU saya, Timbalan-Timbalan KSU terutama kepada orang yang akan pencen tidak lama lagi, walaupun dia tidak ada rupa pun hendak pencen... [*Tepuk*] Kalau tengok muka macam 30 tahun. Rupanya sudah hendak pencen. Ini layak kahwin lagi satu... [*Dewan ketawa*]

Jadi terima kasih KSU, TKSU, KP, terima kasih. Dan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai yang bersiap siaga menjawab soalan. Terbongkang duduk dekat luar menaip dan sebagainya. Saya ucapkan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai kita dan terima kasih penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya doakan, Yang Berhormat, kita akan jumpa lagi, *insya-Allah*. Kita akan berikan lagi sokongan kepada Tuan Yang di-Pertua kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[*Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui*]

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

***[Fasal-fasal 1 hingga 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki) dan diluluskan]*

▪ **1720**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, salam sejahtera. Kini, adalah hari terakhir sesi Parlimen di Mesyuarat Pertama, Penggal Keenam, Parlimen Ketiga Belas, Majlis Mesyuarat Dewan Negara bagi tahun 2018 yang telah berlangsung mulai hari Isnin 26 Mac 2018 sehingga hari ini, Khamis 5 April 2018.

Sesi pada kali ini berjalan serentak dengan sidang Dewan Rakyat setelah bersidang berasingan buat beberapa tahun kebelakangan ini. Saya berasa amat bersyukur kepada Yang Maha Berkuasa kerana dalam masa yang singkat ini dapatlah kita membahaskan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Diraja dan meluluskan beberapa rang undang-undang yang berikut di Dewan yang mulia ini.

- (i) (D.R. 1/2018) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2017) 2018;
- (ii) (D.R. 6/2018) Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018;
- (iii) (D.R. 46/2017) Rang Undang-undang Pergigian 2017;
- (iv) (D.R. 4/2018) Rang Undang-undang Had Masa (Pindaan) 2018;
- (v) (D.R. 7/2018) Rang Undang-undang Pembangunan Sukan (Pindaan) 2018;
- (vi) (D.R. 5/2018) Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) (No.2) 2018;
- (vii) (D.R. 2/2018) Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018; dan

- (viii) (D.R. 8/2018) Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ini juga adalah yang terakhir diadakan sebelum Parlimen Ketiga Belas dibubarkan dan semua Ahli Dewan yang belum tamat perkhidmatan akan bertemu kembali selepas pilihan raya umum kelak.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan penghargaan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan yang akan menamatkan tempoh perkhidmatan mereka dalam masa terdekat. Adalah lumrah hidup, kita hanya mula merasa kehilangan apabila seseorang itu tiada lagi bersama kita. Akan tetapi kenangan manis yang ditinggalkan akan terus tersemat dalam ingatan kita buat selama-lamanya. Saya ingin menyampaikan sepatah dua kata mengenai Yang Berhormat- Yang Berhormat yang akan bersara sebelum Parlimen bersidang semula berikutan Pilihanraya Umum Keempat Belas.

Pertamanya, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan yang akan menamatkan dua penggal perkhidmatannya pada 24 April 2018... [*Tepuk*] Minggu lepas, Yang Berhormat telah meluahkan keluhan beliau mengenai kesusahan yang dihadapi oleh pesakit-pesakit di negeri Perlis yang semakin bertambah dan masalah kelewatan membina hospital. Akan tetapi perkara yang lebih terdekat dengan hati Yang Berhormat ialah nasib anak yatim. Yang Berhormat telah memohon supaya pembiayaan peruntukan kerajaan ditambah untuk anak yatim. Suatu perkara yang sering kali dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya percaya Dewan ini akan terus menyusuli isu-isu tersebut sekiranya perlu.

Kedua, Yang Berhormat Senator Tuan Wilfred Yong Chen Leong yang akan menamatkan tempoh satu penggal perkhidmatan pada 12 April 2018. Yang Berhormat Tuan Wilfred adalah seorang yang mempunyai semangat kekeluargaan yang kurang sihat. Yang Berhormat pernah melepaskan jawatan politik dalam parti MCA hanya dengan tujuan menjaga bapa Yang Berhormat yang sakit. Tahun lepas, kami berasa sedih di atas pemergian beliau semasa Dewan bersidang. Saya bangkitkan isu ini kerana saya percaya bahawa cara seseorang membela dan memimpin keluarganya, begitulah juga beliau diharap akan memimpin negara. Saya yakin kebenaran ini akan terbukti dalam kerjaya Yang Berhormat yang seterusnya.

Ketiga, Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor yang akan menamatkan tempoh satu penggal perkhidmatan pada 22 April 2018. Yang Berhormat Tan Sri telah mencipta sejarah apabila dilantik ke jawatan Panglima Angkatan Tentera pada tahun 2005. Beliau memecah tradisi memandangkan sebelum itu jawatan Panglima Angkatan Tentera disandang oleh pegawai-pegawai tertinggi Tentera Darat Malaysia.

Yang Berhormat juga merupakan seorang ahli sukan yang hebat. Beliau juga mewakili Malaysia di Sukan Asia di Tehran pada tahun 1974. Pastilah walaupun bersara sebagai Senator, beliau akan terus memberi sumbangan kepada masyarakat dalam beberapa bidang. Antaranya sebagai penggerak utama Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Pencapaian Yang Berhormat sungguh mengagumkan dan untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut, bacalah sahaja karya biografi beliau berjudul, '*On Command and Leadership*', dan '*A Passionate Passage: The Admiral Who Reached The Pinnacle.*'

Keempat, Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff yang akan menamatkan tempoh satu penggal perkhidmatan pada 24 April 2018. Tiada sesiapa pun yang tidak terkesan dengan penghujahan beliau yang begitu tenang dan rasional mengenai soal memberi kuasa pilihan dan budi bicara kepada hakim dalam Akta Dadah Berbahaya 2017. Saya berharap keprihatinan Yang Berhormat terhadap hak asasi kemanusiaan akan terus ditegakkan.

Kelima, Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun yang akan menamatkan tempoh satu penggal perkhidmatan pada 28 Mei 2018. Penghujahan beliau yang tidak akan saya lupakan ialah hakikat bahawa perogol itu bukan semuanya lelaki malah ada juga wanita yang mencabul kehormatan lelaki... [*Dewan ketawa*] Oleh itu beliau mencadangkan supaya definisi perogol itu diperluaskan.

Keenam, Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar yang akan menamatkan tempoh dua penggal pada 1 Jun 2018. Yang Berhormat adalah seorang sejarawan yang telah banyak memberi sumbangan dalam bidang akademik dan minda melalui pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Yang Berhormat telah menghasilkan beberapa buah buku sejarah yang menjadi teks rujukan di universiti tempatan dan antarabangsa. Beliau juga dilantik sebagai profesor kunjungan oleh universiti UTAR di Amerika Syarikat. Saya difahamkan beliau akan kembali ke dunia akademik selepas bersara... [*Tepuk*]

Ketujuh, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail... [*Tepuk*] Akan menamatkan satu penggal pada 1 Jun 2018. Keistimewaannya, beliau telah mencatat sejarah sebagai Senator yang termuda di negara kita... [*Tepuk*] Sebagai Senator, beliau mengesahkan kepercayaan dan keyakinan terhadap penglibatan dan kepimpinan anak muda dalam politik. Beliau adalah sumber inspirasi kepada generasi muda dan membuktikan hakikat bahawa orang muda tidak kurang berupaya untuk berbakti kepada bangsa dan negara.

Kepada Ahli-ahli Dewan Yang Berhormat, ini harapan saya agar janganlah sama sekali berhenti dari terus menabur jasa kepada bumi tercinta ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berada di ambang Pilihanraya Umum Keempat Belas, di mana kematangan sistem demokrasi teruji



semula di negara kita. Pilihan raya membawa makna yang istimewa kepada kita di Parlimen Malaysia kerana ia adalah merupakan tunggak utama pemerintahan berdemokrasi. Berhubung isu ini, ingin saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk mengambil bahagian secara aktif di dalam pilihan raya ini untuk sama-sama menyuburkan sistem demokrasi di negara ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih di atas kesungguhan yang diperlihatkan oleh semua yang telah menjayakan sesi Dewan ini. Ucapan penghargaan juga saya tujukan kepada warga kerja Parlimen Malaysia terutamanya Setiausaha Dewan Negara serta pegawai dan kakitangan Bahagian Pengurusan Dewan Negara... *[Tepuk]* juga Ketua Pentadbir Parlimen yang telah bertungkus-lumus dalam masa yang begitu singkat untuk memastikan kelancaran persidangan Dewan pada kali ini.

Akhir sekali, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari seluruh negara yang akan kembali ke kampung halaman masing-masing, saya doakan agar Ahli-ahli Yang Berhormat akan selamat sampai ke pangkuan keluarga yang tercinta.

Dengan kata-kata itu, saya tangguhkan Dewan ini sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang]***